Articles/Makalah

Indeks Belia Malaysia 2015 dari Perspektif Belia Positif
Wasitah Mohd Yusof, Shahhanim Yahya, Mastura Mohamad, Mohd Rizal Mohd Sham & Shariffah Mamat

Predictors of Social Responsibility of Malaysia Adolescents
Rozumah Baharudin, Nor Sheereen Zulkefly, Amira Najiha Yahya & Nur Syuhaida Mohd. Kadri

Penglibatan Mahasiswa Melayu Universiti Awam dalam Politik di Malaysia
Mazli Mamat, Abdul Razak Abdul Rahman & Abdul Rashid Abdullah

Instilling Sports Culture as Catalyst for Positive Youth Development
Wasitah Mohd Yusof, Lee Kwan Meng & Azura Abidin

Profil Teras Pertubuhan Sukarela Belia di Malaysia
Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi & Azimi Hamzah

Influence of Social Networking on Academic
Shakiratul Hanany Abd Rahman & Stephen, J.

Pengetahuan Nilai Patriotisme Pelajar Berdasarkan Pembelajaran Subjek Sejarah
Anuar Ahmad, Peter Ling Huo Hang, & Nur Atiqah Tang Abdullah

Email Usage among Youth Staff Malaysian Public and Private Universities
Anuar Shah Bali Mahomed, Michael G. Mcgrath & Maree Keating

Depressive Symptoms among Adolescent in Sarawak
Siti Raudzah Ghazali & Azizah Azhar

Malaysian Journal of Youth Studies

Articles/Makalah

INDEKS BELIA MALAYSIA 2015 DARI PERSPEKTIF BELIA POSITIF

WASITAH MOHD YUSOF, SHAHHANIM YAHYA, MASTURA MOHAMAD, MOHD RIZAL MOHD SHAM & SHARIFFAH MAMAT

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan mengukur kesejahteraan hidup dalam kalangan belia Malaysia yang diterjemahkan melalui penghasilan Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15). Sejarah pembentukan IBM di Malaysia adalah merupakan antara negara terawal yang mewujudkan indeks yang mengukur kesejahteraan hidup generasi belia mereka dalam kalangan negara-negara Komanwel. IBM mula dibangunkan di Malaysia bermula pada tahun 2006 sebagai tahun asas, dikuti dengan penghasilan IBM pada tahun 2008 dan 2011. Penghasilan IBM pada tahun 2015 telah membawa pelbagai penambahbaikan berasaskan pembentukan indeks belia Malaysia tahun-tahun terdahulu. Penambahbaikan demi penambahbaikan ini berlaku berteraskan kepada senario semasa yang turut disokong oleh kepesatan perkembangan teknologi yang bergerak maju seiring dengan pembangunan belia yang dilihat dari kaca mata positif. IBM'15 dengan pembangunan 12 Domain dan 58 Indikator dihasilkan bertujuan bagi memantau perkembangan khusus dalam mengukur kesejahteraan hidup generasi belia pada masa kini. Antara Domain yang menjadi pemacu utama dalam mengesan kesejahteraan hidup belia Malaysia adalah Pembangunan Kendiri, Potensi Diri, Kesejahteraan Ekonomi, Penggunaan Media, Hubungan Sosial, Kesihatan, Keselamatan, Waktu Senggang, Identiti, Pendidikan, Sosialisasi Politik dan Bebas Tingkah Laku Devian. Kajian ini dilaksanakan ke atas 6,098 orang responden yang berusia di antara 15-30 tahun dengan menggunakan Blok Perhitungan bagi mengenal pasti lokaliti responden yang terlibat dalam kajian ini. Hasil IBM'15 secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kesejahteraan hidup belia Malaysia berada pada tahap Sederhana iaitu pada skor 70.22. Berdasarkan dapatan IBM'15 dilihat masih banyak ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak bagi memastikan generasi belia Malaysia berada dalam acuan yang menjadi penentu pengisi kemakmuran dan pembangunan Malaysia pada hari ini.

Kata Kunci: *Indeks Belia Malaysia, Domain, Indikator, Pembangunan Belia Positif, Kesejahteraan Hidup Belia.*

ABSTRACT

This article is aimed at measuring the quality of life of the youth in Malaysia as a result of the creation of the Malaysian Youth Index 2015 (IBM'15). The creation of the IBM in Malaysia was one of the earliest amongst Commonwealth countries. IBM was built in Malaysia starting in the year 2006, its foundation year, followed by its development in 2008 and 2011. The creation of the IBM in 2014 helped bring vast improvements to the formulation of the IBM in the previous years. Increasing

improvement happens through the central reliance to current scenarios which are also supported by the rapid technological development; which is in line with the positive lens of youth development. With the development of 12 domains and 58 indicators created for the monitoring of growth, IBM'15 is able to measure the quality of life of the youth in status quo. A few domains that are the major driving forces behind quantifying the quality of life of the youth are Self Development, Self Potential, Economic Wellbeing, Use of Media, Social Relationship, Safety, Leisure Time, Identity, Education, Political Socialization and Free From Deviant Behavior. This study was carried out on 6,098 respondents from the ages of 15-30 years of age with the usage of the Accounting Block that determined the location of respondents in this study. The conclusion of IBM'15 as a whole showed that the quality of life of the youth in Malaysia is at an Average level with a score of 70.22. Based on the findings of the IBM'15, there is a lot of room for improvement in order to ensure that the Malaysian youth are in mould which becomes the determinant for prosperity and development of Malaysia today.

Keywords: *Malaysian Youth Index, Domain, Indicator, Positive Youth Development, Youth Wellbeing.*

PENDAHULUAN

Belia di Malaysia didefinisikan sebagai Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 15 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun melalui Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Populasi belia di Malaysia merupakan sebahagian besar daripada bilangan penduduk iaitu menghampiri 50%. Kesejahteraan golongan belia merupakan indikator terpenting dalam menentukan kesejahteraan negara. Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah membangunkan Indeks Belia Malaysia (IBM) bermula sejak pada tahun 2006 bagi mengukur dan memantau kesejahteraan hidup belia. IBM seterusnya telah dilaksanakan pada tahun 2008, 2011 dan terkini pada tahun 2015. Malaysia merupakan negara Asia Tenggara terawal yang telah membentuk Indeks Belia sebagai usaha menambah baik inisiatif dan strategi pembangunan belia di Malaysia.

Pembentukan IBM merupakan satu cabaran kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi memantau secara empirikal mengenai keberkesanan program-program pembangunan belia secara keseluruhannya yang dijalankan oleh pelbagai pihak merentasi Kementerian, agensi, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sebagainya. Kewujudan IBM dengan sendirinya menunjukkan ketelusan dan akauntibiliti semua pihak yang bertanggungjawab dalam agenda membangunkan generasi belia Malaysia.

Kewujudan IBM pada tahun 2015 telah memberikan satu lonjakan lagi kepada KBS apabila IBM telah diangkat dan dicadangkan akan dijadikan sebagai Key Performance Indicator (KPI) di peringkat nasional oleh agensi pusat

iaitu di Economic Planning Unit (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Menerusi pengiktirafan terhadap IBM ini telah diwujudkan Technical Working Gruop (TWG) bagi menghasilkan satu Pelan Tindakan Bersepadu dalam memastikan berlaku peningkatan pada nilai skor dan tahap kesejahteraan belia Malaysia dengan melibatkan komitmen pelbagai Kementerian, Agensi, NGO dan sebagainya.

Pembentukan IBM yang semakin mendapat perhatian khusus dalam usaha perancangan dalam kalangan penggubal dasar ini akan diterjemahkan dengan pelaksanaan aktiviti/program di peringkat kementerian yang berkaitan dengan domain-domain dalam IBM'15. Usaha secara bersepadu ini merupakan teras bagi meningkatkan kesejahteraan hidup belia Malaysia mengikut acuan dan cara kita sendiri.

METODOLOGI

IBM 2006 dan 2008 merangkumi 8 domain yang mengukur kesejahteraan hidup belia dan pada tahun 2011 terdapat 9 domain IBM. Bagi tahun 2015 pula, IBM mengandungi 12 domain dengan pertambahan 3 domain berbanding IBM sebelum ini. Domain-domain IBM bagi tahun 2015 merangkumi 1. Pembangunan Kendiri; 2. Hubungan Sosial; 3. Identiti; 4. Potensi Diri; 5. Kesihatan ; 6. Aktiviti Waktu Senggang; 7. Penggunaan Media; 8. Bebas Tingkah Laku Devian; 9. Kesejahteraan Ekonomi; 10. Pendidikan; 11. Keselamatan; dan 12. Sosialisasi Politik.

Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15) yang telah dibangunkan ini dilaksanakan menggunakan kaedah tinjauan/survei menggunakan borang soal selidik. Bagi penganalisaan data, kaedah kuantitatif telah digunakan bagi tujuan tersebut. Pensampelan kajian yang terlibat dalam kajian IBM bermula 2006 sehingga 2011 iaitu terdiri daripada mereka yang berumur dari 15 hingga 40 tahun, walau bagaimanapun bagi IBM'15 umur belia yang terlibat adalah berdasarkan Dasar Belia Malaysia 2015 iaitu belia yang berumur antara15-30 tahun. Pada tahun 2015, belia warganegara Malaysia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun berjumlah seramai 8.097 juta (Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia 2015). Oleh yang demikian seramai 6,098 orang telah diambil sebagai responden kajian ini. Kaedah pemilihan sampel adalah menggunakan Blok Penghitungan (BP) Banci 2010. Dalam setiap BP, terdapat sejumlah 80 – 120 Tempat Kediaman (TK) dengan anggaran 600 residen. Sebanyak 16 TK dipilih dan pensampelan berstrata digunakan, iaitu mengikut pembahagian negeri, daerah dan kawasan. Ini bagi memastikan populasi sasaran mendapat peluang yang sama untuk dipilih. Khidmat nasihat Jabatan Perangkaan Malaysia turut diambil kira untuk memastikan sampel yang terlibat adalah menggambarkan pensampelan nasional.

Selain itu bagi pembentukan instrumen kajian, reka bentuk borang soal selidik telah diperkukuhkan melalui perbincangan kumpulan berfokus melibatkan belia daripada pelbagai latar belakang. Selain itu, kajian rintis berinteraktif dijalankan untuk

memastikan penggunaan perkataan dan pernyataan bagi setiap item adalah jelas maksudnya dan relevan kepada responden. Pembentukan borang soal selidik ini juga dibantu oleh beberapa agensi berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Penjara, NGO dan pemimpin belia. Manakala pengumpulan data dijalankan oleh enumerator terlatih yang mewakili 13 buah negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan di Malaysia. Manual bertulis merangkumi semua maklumat yang diperlukan telah disediakan berserta dengan peta BP. Rakaman klip video simulasi sesi pengendalian temu duga bersemuka turut dibekalkan.

Bagi memperoleh nilai skor IBM'15, purata skor bagi semua domain dikira. Skor Indeks Belia Malaysia dibangunkan dengan menggunakan skor "100" sebagai asas pengiraan skor maksimum manakala "0" adalah nilai skor minimum. Ini bermakna, lebih tinggi skor IBM maka lebih baik kesejahteraan hidup golongan belia di Malaysia dan begitulah sebaliknya. Untuk memudahkan pemahaman tentang prestasi belia bagi setiap domain, skala di bawah digunakan. Skala ini menggambarkan bahawa, sekiranya nilai skor yang diperoleh antara 80 hingga 100, maka skala yang diberikan adalah 'Sangat Memuaskan'. Bagi nilai skor 75 hingga 79, skala yang diberikan adalah 'Memuaskan', diikuti 60 hingga 74 'Sederhana', 50 hingga 59 'Kurang Memuaskan', 40 hingga 49 'Tidak Memuaskan' dan nilai skor 0 hingga 39, maka skala yang diberikan adalah 'Sangat Tidak Memuaskan'.

KEPENTINGAN

Kepentingan pelaksanaan IBM telah diperakui di peringkat antarabangsa melalui "Asia Region Commenwealth Youth Ministers Meeting" yang diadakan di New Delhi, India baru-baru ini dan Malaysia merupakan negara terawal yang telah mempunyai indeks belia. Melalui mesyuarat tersebut juga, Malaysia telah diminta untuk berkongsi kepakaran bagi menghasilkan indeks belia di negara-negara anggota yang lain. Sehingga kini, pembentukan IBM telah mendapat pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa. IBM juga merupakan elemen pengukuran pencapaian pembangunan belia bagi Rancangan Malaysia Kesebelas. Melalui IBM diharapkan usaha bagi membangunkan belia dapat dilaksanakan mengikut keperluan dan kepentingan belia serta kesejahteraan hidup belia dapat diperbaiki dan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

PENCAPAIAN SKOR MENGIKUT DOMAIN

Skor keseluruhan IBM'15 berada pada tahap Sederhana dengan nilai skor sebanyak 70.22. Seperti mana Jadual 1, terdapat dua domain yang berada pada tahap Sangat Memuaskan iaitu skor bagi Bebas Tingkah Laku Devian (skor 89.45) dan Waktu Senggang (skor 81.02). Nilai skor bagi domain Bebas Tingkah Laku Devian menggambarkan bahawa Tingkah Laku Devian dalam kalangan belia Malaysia berada dalam keadaan terkawal. Secara keseluruhannya majoriti belia Malaysia mempunyai kesedaran yang jelas tentang tingkah laku yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat dan berupaya mengawal diri mereka daripada terjerumus

dengan tingkah laku devian. Walau bagaimanapun, skor ini perlu ditingkatkan lagi agar isu-isu yang melibatkan Tingkah Laku Devian dalam kalangan belia dapat diminimumkan.

Jadual 1: Skor Indeks Belia Malaysia 2015

Domain/Indikator	Nilai Skor
Domain Bebas Tingkah Laku Devian	89.45
Domain Waktu Senggang	81.02
Domain Hubungan Sosisal	78.18
Domain Penggunaan Media	73.59
Domain Pembangunan Kendiri	72.60
Domain Pendidikan	71.22
Domain Keselamatan	70.82
Domain Identiti	69.14
Domain Kesihatan	68.42
Domain Potensi Diri	68.13
Domain Kesejahteraan Ekonomi	54.26
Domain Sosialisasi Politik	45.82
Keseluruhan Skor IBM'15	**70.22**

Begitu juga dengan nilai skor domain Waktu Senggang yang diperoleh. Pencapaian skor ini terletak dalam kategori Sangat Memuaskan yang membawa maksud bahawa belia Malaysia sangat aktif terlibat dalam aktiviti sukan dan juga pelbagai aktiviti seperti blogging, melayari laman sosial, membeli belah, melakukan aktiviti hobi, berekreasi dan sebagainya. Walau bagaimanapun pemantauan harus dilakukan bagi memastikan beberapa aktiviti waktu senggang seperti blogging dan membeli belah menjadi aktiviti yang memberi manfaat sama ada kepada individu mahupun masyarakat secara keseluruhannya.

Terdapat satu domain yang berada pada tahap Memuaskan iaitu domain Hubungan Sosial (skor 78.18). Skor yang diperoleh menunjukkan masih kurangnya pergaulan antara belia dengan masyarakat atau jiran tetangga menyebabkan hubungan belia dan masyarakat menjadi renggang. Selain itu, walaupun hasil kajian mendapati belia amat rapat dengan ibu bapa serta ahli keluarga mereka, namun nilai skornya perlu dipertingkatkan. Hasil penemuan ini mungkin berkait rapat dengan peningkatan peluang komunikasi seperti melalui jaringan media sosial yang membatasi komunikasi yang berkualiti bersama keluarga, rakan dan masyarakat.

Manakala sebanyak tujuh domain berada pada tahap Sederhana iaitu domain Penggunaan Media (skor 73.59), Pembangunan Kendiri (skor 72.60), Pendidikan

(skor 71.22), Keselamatan (skor 70.82), Identiti (skor 69.14), Kesihatan (skor 68.42), dan Potensi Diri (skor 68.13). Bagi domain penggunaan media, pencapaian skor ini berada dalam kategori Sederhana yang memberikan gambaran bahawa, belia Malaysia melibatkan diri secara sederhana dalam menggunakan media dan tidak menjurus kepada ketagihan kecuali penggunaan telefon bimbit lebih tinggi secara relatif. Memandangkan akses kepada media ini merupakan satu tuntutan keperluan masa kini khususnya dalam kalangan belia, hasil dapatan domain penggunaan media ini memberi kesedaran tentang kepentingan untuk mewujudkan satu garis panduan yang berupaya untuk memandu belia Malaysia dalam menggunakan media secara sihat dan beretika.

Begitu juga dengan domain Pembangunan Kendiri, ke semua indikator yang terkandung dalam domain Pembangunan Kendiri ini merupakan elemen terpenting yang melengkapi pembangunan personaliti unggul golongan belia. Justeru, indikator-indikator yang merupakan aset penting bagi pembangunan diri individu ini sewajarnya dibangunkan secara kolektif agar berada pada tahap sangat memuaskan. Tahap Pendidikan generasi belia juga masih di tahap sederhana yang menggambarkan perlunya usaha-usaha meningkatkan lagi taraf pendidikan di negara ini. Pencapaian Pendidikan atau *'educational attainment'* merupakan indikator penting bagi mengukur kesejahteraan individu kerana ia sering kali dikaitkan dengan kebolehpekerjaan dan juga upah atau gaji diperoleh.

Domain Keselamatan secara keseluruhan berada pada tahap sederhana. Ini menggambarkan perlunya usaha yang dilakukan oleh pihak penguat kuasa bagi menyediakan program yang bersesuaian kepada belia Malaysia agar aspek keselamatan dapat dipertingkatkan lagi terutama dari segi kempen kesedaran dan amalan keselamatan di kawasan komuniti setempat.

Bagi Domain Identiti, domain ini secara umumnya mencerminkan sejauhmana belia Malaysia mengekalkan identiti mereka sebagai rakyat Malaysia. Lima indikator telah digunakan untuk mengukur indeks domain Identiti iaitu Daya Saing, Kesukarelaan, Patriotisme, Semangat Perpaduan dan Integriti. Dapatan ini menunjukkan terdapatnya keperluan untuk mengemaskini dan membuat penambahbaikan program-program bagi aspek daya saing, kesukarelaan dan patriotisme belia.

Skor keseluruhan kesihatan generasi belia Malaysia juga masih di tahap sederhana. Daripada tujuh (7) indikator dalam domain ini, indikator amalan pemakanan mempunyai nilai skor yang terendah iaitu 43.52 yang berada pada tahap tidak memuaskan. Ini menggambarkan bahawa generasi belia kurang memberi penekanan terhadap corak pemakanan yang berkhasiat mengikut piramid makanan yang disarankan oleh pakar kesihatan serta mengamalkan pengambilan makanan segera *(fast food)*. Justeru amat penting untuk memastikan tahap kesihatan belia ini dipertingkatkan memandangkan tanpa kesihatan yang kurang baik, kesejahteraan yang holistik sukar untuk dicapai. Kepentingan domain ini serta sensitiviti belia kini

yang semakin cakna akan isu kesihatan memberi gambaran bahawa usaha-usaha peningkatan taraf hidup ini perlu difokuskan dan diperbaiki oleh pelbagai pihak.

Potensi belia juga masih berada di tahap sederhana dan ia perlu digilap bagi memperkukuhkan dan menyerlahkan potensi golongan belia menerusi ekosistem yang lebih kondusif. Di bawah potensi diri dua (2) indikator utama iaitu kepimpinan dan keusahawanan perlu diperkemas. Belia memerlukan bimbingan khususnya daripada aspek kepimpinan agar transisi perubahan umur kepimpinan belia berdasarkan Dasar Belia Malaysia yang berumur 15 hingga 30 tahun daripada umur kepimpinan asal 15 hingga 40 tahun berjalan dengan lancar. Begitu juga ciri-ciri keusahawanan perlu dipertingkatkan bagi melahirkan belia yang mampu bersaing dan kurang kebergantungan kepada pihak kerajaan.

Terdapat dua domain yang perlu diberikan perhatian yang lebih khusus iaitu Kesejahteraan Ekonomi (skor 54.26) berada pada tahap Kurang Memuaskan dan domain Sosialisasi Politik (skor 45.82) berada pada tahap Tidak Memuaskan. Tahap kesejahteraan ekonomi yang rendah akan membawa kepada pelbagai masalah seperti ketidak seimbangan dalam taraf kehidupan, mengundang faktor-faktor masalah sosial dan kurangnya keharmonian khususnya dalam keluarga dan masyarakat. Manakala bagi isu sosialisasi politik pula, belia masih kurang terlibat dengan aktiviti-aktiviti dan kurang ambil kisah tentang isu-isu politik semasa. Kedua-dua domain ini memerlukan satu diagnosis yang terperinci bagi mengenal pasti faktor-faktor penyebab dan juga kaedah penyelesaian yang boleh diambil.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil daripada IBM'15 menunjukkan masih terdapat banyak penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi nilai skor indeks ini pada masa akan datang. Berdasarkan 12 domain dan 58 indikator yang telah dibangunkan, terdapat keperluan untuk melakukan lonjakan serta inovasi ke atas kumpulan belia yang mempunyai skor domain dan indikator yang berada pada tahap memuaskan agar mereka lebih dinamik dan kompetitif.

Selain itu, bagi domain dan indikator yang berada pada tahap sederhana memerlukan pelaksanaan program intervensi dengan kerjasama kerajaan, pihak swasta, komuniti, pemimpin masyarakat dan pemegang taruh belia bagi memastikan setiap usaha pembangunan belia ini dibuat secara bersepadu agar memberi impak yang maksimum. Manakala kepada keputusan skor kurang baik atau di tahap rendah perlu menjalankan diagnosis yang lebih terperinci serta perbincangan dalam kumpulan fokus agar mereka lebih terarah untuk mencapai tahap sangat memuaskan dalam kesejahteraan hidup belia.

Berdasarkan dapatan kajian ini juga, program-program kesedaran dan program-program pendidikan ini dirancang untuk dilaksanakan secara berkala dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dalam usaha meningkatkan

pencapaian skor IBM'15. dapatan IBM'15 juga ditransformasikan dalam bentuk Pemetaan Belia Malaysia (PBM) secara thematic bagi mengatur perancangan strategik berdasarkan analisis keperluan mengikut kawasan *"hot spot"* hingga ke peringkat daerah. Pelaksanaan program-program kesedaran dan program-program pendidikan dirancang mengikut keperluan dan kepentingan di peringkat akar umbi bagi meningkatkan kesejahteraan hidup belia. PBM boleh diakses melalui laman web petabelia.kbs.gov.my.

RUJUKAN

Dasar Belia Malaysia. 2015. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Indeks Belia Malaysia 2015. 2015. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan. 2010. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Pelan Strategik IYRES 2013-2015. 2013. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020. 2015. Kementerian Kewangan Malaysia.

Profil Penulis:

Wasitah Mohd Yusof, PhD
Pembangunan Belia
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Shahhanim Yahya
Kajian Pengguna
Penyelidik Kanan IYRES

Mastura Mohamad
Psikologi
Penyelidik Kanan IYRES

Mohd Rizal Mohd Sham
Psikologi
Penyelidik IYRES

Shariffah Mamat
Msc Komunikasi Korporat
Penyelidik Kanan IYRES

REDICTORS OF SOCIAL RESPONSIBILITY OF ADOLESCENTS FROM URBAN AND RURAL AREAS IN MALAYSIA

ROZUMAH BAHARUDIN, NOR SHEEREEN ZULKEFLY, AMIRA NAJIHA YAHYA & NUR SYUHAIDA MOHD. KADRI

ABSTRACT

This study is intended to identify social responsibility of adolescents from both urban and rural areas and their unique predictors. Sample comprised of 935 daily secondary schools adolescents ages between 16 to 17 years residing in the urban and rural areas in Kedah, Kelantan, Johor, Sabah, and Selangor. Data were collected using a self-administered questionnaire comprising several measures: Social Self-Efficacy Scale (Muris 2001), Inventory of Parent and Peer Attachment (Armsden and Greenberg 1987), a modified version (Afriani and Rozumah 2011) of Social and Personal Responsibility Scale (Conrad and Hedin 1981). Findings revealed that adolescents from rural areas have higher social responsibility than those from urban areas. Sex, social self-efficacy, and mother and peer attachments were predictive of social behavior of adolescents from both urban and rural adolescents. The study concludes that personal and family factors play significant roles in shaping adolescents' social responsibility behavior. Findings imply that any efforts in cultivating social responsibility in adolescents should consider factors within the proximal context of the adolescents.

Keywords: *Social Responsibility, Adolescents, Attachment Relationships, Social Self-Efficacy, Urban, Rural*

ABSTRAK

Kajian ini mengenal pasti tanggungjawab sosial remaja dari kawasan bandar dan luar bandar dan prediktor uniknya. Sampel terdiri daripada 935 remaja sekolah menengah harian berumur antara 16 hingga 17 tahun yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar di Kedah, Kelantan, Johor, Sabah dan Selangor. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik tadbir-sendiri yang mengandungi beberapa alat pengukuran: Skala Sosial Keberkesanan-kendiri (Muris 2001), Inventori Kerapatan Ibu Bapa dan Rakan (Armsden dan Greenberg 1987), versi yang diubah suai (Afriani dan Rozumah 2011) Skala Sosial dan Tanggungjawab Peribadi (Conrad dan Hedin 1981). Dapatan kajian menunjukkan bahawa remaja dari kawasan luar bandar mempunyai tanggungjawab sosial yang lebih tinggi daripada mereka yang dari kawasan bandar. Jantina, keberkesanan-kendiri sosial, dan kerapatan ibu dan rakan sebaya adalah prediktor tingkah laku sosial remaja dari bandar dan luar bandar. Kajian ini menyimpulkan bahawa faktor personal dan keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku tanggungjawab sosial remaja. Penemuan ini memberi implikasi bahawa sebarang usaha untuk memupuk tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja perlu

mengambil kira faktor-faktor proksimal dalam konteks remaja.

Kata Kunci: *Tanggungjawab Social, Remaja, Hubungan Kerapatan, Efikasi Kendiri, Bandar, Luar-Bandar*

INTRODUCTION

Adolescence is a demanding stage in life. In addition to completing various developmental tasks, adjustments to new environments and responsibilities are expected during this life stage. Achieving success in these early life demands will lead adolescents to better future outcomes. Numerous studies have focused on adolescents, but most tend to study on negative outcomes such as their involvement in drugs, bullying and vandalism (Rokiah, Muhammad Fuad, and Zaidah 2010; Rozumah et al., 2005). Henceforth, this deficit-approach in understanding adolescents may fail to acknowledge the potentials that existed in adolescents. Thus, this study was conducted to probe into the strengths aspect of adolescents development specifically, social responsibility.

A socially responsible adolescent in this study refers to a person who is concerned with the welfare and respects of others, as well as avoid negative behaviors and uphold positive values. Social responsibility is well recognized as an important developmental task and has become an integral part in adolescent's identity development towards becoming a productive adult in the future (Santrock 2008). Productive adults are the outcome of adolescents who successfully embraced social responsibility and feel belong to the community in which they live in. Furthermore, social responsibility is related to adolescents' achievement orientation (Nakamura and Watanabe-Muraoka 2006) which subsequently foster good conduct (Youniss, McLellan, and Yates 1997). Social responsibility could also be perceived as personal investment in the well-being of others and society as a whole. In other words, adolescents who have attained social responsibility would be more responsive and supportive of developmental efforts at all levels (i.e., social, political issues, integrity of action and active participation).

The extent to which adolescents embraced the value of being socially responsible is shaped by their own personal and family characteristics. Past studies found that personal characteristics such as sex (Eagly and Fabes 1986; Nakamura and Watanabe-Muraoka 2006; Scales, Blyth, Berkes, and Kielsmeier 2000), level of self-esteem, and self-efficacy (Thomaes, Bushman, Stegge, and Olthof 2008) would shape adolescents' social conscientious differently. For example, some studies (Nakamura and Watanabe-Muraoka 2006; Scales et al., 2000) found that female adolescents tend to exhibit greater level of socially responsible behavior as compared to males.

Meanwhile, family characteristics such as parent-child attachment relationships remain important throughout adolescents' developmental process. As

past theory and research have highlighted, it is important to understand adolescents within the ecosystems in which they interact (Bronfenbrenner 1979; Bronfenbrenner and Morris 1998; Hurtup and Van Lieshout 1995). From the ecological perspective as aptly pointed out by Bronfenbrenner (1986) social address is not the only factor that influences the way a person behaves, but what goes on within that address. Earlier studies (e.g., Belsky 1984; Bronfenbrenner and Morris 1998) have provided an ample evidence on the vital influence of factors within the ecology (near and far environment) of an individual on his developmental outcomes, such as characteristics of himself (personal) and his family social contexts as well as the way he was or is parented. In short, to successfully inculcate the value of social responsibility among adolescents, it is deemed necessary to investigate on the interplay between the characteristics of the adolescents, the social contexts in which his family is embedded, and the parent-child (adolescents) interaction in shaping social responsibility behavior.

OBJECTIVES OF THE STUDY

To date, little is known on the extent of social responsibility engagement amongst the adolescents in Malaysia, including its unique predictors. Therefore, it is of interest to the present study to determine the levels of social responsibility among a representative sample of urban and rural adolescents in Malaysia, and its contributing factors (i.e., personal characteristics: sex, social self-efficacy, peer attachment; family social contexts: mother and fathers' age, number of children, and mother and father attachments). Based on this general objective above, the study addressed two specific objectives: 1). to identify rural and urban adolescents' perception of their social responsibility, and 2). to determine what factors uniquely predict the adolescents' social responsibility

RESEARCH METHODOLOGY

Sample
A total of 935 Secondary Four (16 to 17 years) students from urban (n=517) and rural (n=418) areas were recruited from daily government secondary schools in the state of Kedah, Kelantan, Johor, Sabah, and Selangor. The respondents were selected using the probability proportional to size (PPS) cluster sampling technique. This technique enabled sample selection to be proportionate to the population of the selected states and its localities. A summary of the descriptive characteristics of the respondents is discussed in the results section.

Procedures
The selected schools received a study packet consisting of a letter, consent form and information pertaining to the study. Prior to data collection, permission from Ministry of Education Malaysia, State Education Departments, and Principals of each schools were obtained. Using a self-administered questionnaire, respondents were asked to report on their personal and family demographic profiles, social self-

efficacy, parents and peer attachments, and social responsibility. The questionnaire was administered in groups at the respective schools of the identified respondents.

Measures
Adolescents' Personal Characteristics
Adolescents' personal characteristics are based on their report on sex, social self-efficacy, and peer attachment. Social Self-efficacy was assessed based on the adolescents' responses to a list of 7 items on the Social Self-Efficacy Scale (Muris 2001) pertaining to one's ability to negotiate social situations and produce successful social interactions. A sample item from the scale is, "How well can you become friends with other youth?" All items were rated from 1(Not Very Well) to 5(Very Well). Adolescents' scores were determined by summing up all individual item scores. Higher scores indicate higher social self-efficacy.

Adolescents' peer attachment was assessed using the Peer subscale from the Inventory of Parent and Peer Attachment (IPPA) (Armsden and Greenberg 1987). The Peer subscale comprised 25 items and assessed adolescents' attachment to peers on a five-point Likert scale from 1 (never true) to 5 (always true). A sample item from the scale is, "I like to get my friends point of view on things I'm concerned about". Total scores were calculated by summing all items after reverse scoring negative worded items. Higher scores indicate closer attachment to peers.

Family Social Contexts
Information on family social contexts was collected based on adolescents report on their parents' age, number of children and attachments to their parents. Attachment to parents was measured using the Parent subscales of the Inventory of Parent and Peer Attachment (IPPA) (Armsden and Greenberg 1987). The Parent subscale comprises two sets of inventory, i.e., for mother, and father. A sample item from the scale is, "My Mother/Father expects too much from me". Higher scores indicate closer attachment to mother/father.

Social Responsibility
The adolescents' social responsibility was assessed using a modified version (Afriani and Rozumah 2011) of the Social and Personal Responsibility Scale (Conrad and Hedin 1981). The scale includes 21 items rated from strongly disagree (1) to strongly agree (5). A sample item from the scale is, "I am like some youths who feel bad when they let people down who depend on them". The respondents' scores were determined by summing up all individual item scores after reversed coding negative items. Higher scores represent higher social responsibility.

Reliability
Table 1 presents the alpha coefficients of all the measures that were utilized in the present study. Across groups, all measures reported coefficients values ranging from moderate to high. Thus, the measures adequately capture the intended study variables.

Table 1: Reliability of Measures

	Urban	Rural
Social Responsibility	0.656	0.636
Mother Attachment	0.869	0.880
Father Attachment	0.880	0.879
Peer Attachment	0.835	0.850
Social Self-Efficacy	0.652	0.550

Data Analysis

The data was initially screened using exploratory data analysis (EDA) in order to detect errors, identify outliers and explore its normality distribution. Analyses using descriptive statistics were conducted to provide information on the respondent's profile, family social contexts, and social responsibility. Pearson correlation was also calculated to explore the magnitude and direction of relationships between the study variables. In addition, multiple regressions were computed to determine the variables that uniquely predict the respondent's social responsibility.

RESULTS

Summary of Respondents Characteristics

A total of 55.3% of the urban adolescents were females while 44.7% were males. Similarly, more than half (63.2%) of the rural respondents were females, and the rest (36.8 %¬) were males. Respondents from urban and rural areas came from various ethnic and religious backgrounds. Most of the urban adolescents were Malays (45.8%), followed by Chinese (38.3%) and Indians (11%). Likewise for rural adolescents as a large number (67%) of them were Malays, Chinese (11.2%) and Indians (5.5%). A large number of urban and rural respondents were found to have middle-aged parents. The mean age of urban respondents' mother was 45.54(SD. =5.33) and father 49.23(SD. =5.94), respectively. Meanwhile, the average age of rural respondents' mother was 44.23(SD. =5.82) and father 48.67(SD. =6.45), respectively. Quite a large proportion (67.8%) of the urban respondents (M=3.73, SD. =1.63) and of rural (62.5%) respondents (M=4.21, SD. =1.85) came from a moderate size family wherein number of children ranged from three to five. Due to the inability of the respondents to provide an accurate report on family income, this information was excluded from the present analysis.

Descriptive Findings

At the initial stage of the analysis, mean differences of the major variables of interest across locality were examined. As presented in Table 2, rural adolescents reported stronger attachment relationships to mother, father, and peers than their urban counterparts. Additionally, rural adolescents were found to have higher social responsibility compared to urban adolescents. However, no significant differences in self-efficacy between urban and rural adolescents were reported.

Table 2: Study Variables Differences across Urban and Rural Adolescents

Variables	Locality	N	Mean	SD	t-value
Social Self-efficacy	Urban	517	23.85	3.84	-1.27
	Rural	418	24.16	3.62	
Peer Attachment	Urban	517	86.17	11.09	-2.4*
	Rural	418	87.98	11.89	
Mother Attachment	Urban	512	88.97	13.44	-2.9***
	Rural	413	91.66	14.03	
Father Attachment	Urban	480	87.54	13.85	-1.93*
	Rural	394	89.37	14.06	
Social Responsibility	Urban	517	67.24	5.51	-3.14***
	Rural	418	68.38	5.54	

Note. p*<0.05, **0.01, ***0.001, M = Mean, SD = Standard Deviation

Correlation Findings
Table 3 presents the correlational findings of the present study. Results revealed that sex (dummy coded as 0=male, 1=female), social self-efficacy, and mother, father, and peer attachments have significant relationships with urban adolescents' social responsibility. Since the relationships are significant, the findings tend to indicate that greater social responsibility is more likely to be present among female adolescents in the urban areas. Furthermore, urban adolescents with greater social self-efficacy are more likely to be more socially responsible. In addition, urban adolescents with strong attachment to parents and peers tend to be more socially responsible than adolescents with poor attachment relationships.

Similar findings were revealed for rural adolescents, where sex, social self-efficacy, and attachments relationships to parents and peers were found to significantly correlate with adolescents' social responsibility. Findings indicate that female adolescents from rural areas tend to have greater social responsibility. Moreover, adolescents from rural areas with high self-efficacy and strong attachment to their parents and peers are more socially responsible. In addition, number of children in the family had positive and significant relationship to the development of rural adolescents' social responsibility. This indicates that rural adolescents who come from large families tend to be more socially responsible.

Table 3: Pearson correlations for adolescents' personal characteristics, and family social context with respondent's social responsibility

Variables	Social responsibility	
	Urban	Rural
	r	r
Adolescent's Personal Characteristics		
Sex (0, 1)	0.09*	0.13**
Social self-efficacy	0.25**	0.30*
Peer attachment	0.29**	0.33**
Family Social Context		
Mother's age	0.01	0.07
Father's age	-0.06	-0.02
Number of children	0.05	0.11*
Mother attachment	0.18**	0.20**
Father attachment	0.15**	0.14**

Note. $p* < 0.05$, $**0.01$

Predictors of Social Responsibility

Multiple regression analysis using forced-entry procedure was conducted to predict adolescents' social responsibility. All the personal and family social context variables were included in the regression analysis. Of all eight variables, four variables were revealed to be uniquely predicting adolescents' social responsibility in the urban area: adolescents' sex, social self-efficacy, and mother and peer attachments (see Table 4). The regression model was highly significant ($F = 11.05$, $p \leq .001$) and accounted for 17% of the variance in adolescent's social responsibility score. These findings suggest that female adolescents with higher social self-efficacy and secure attachment with their mothers and peers tend to be more socially responsible compared to male adolescents in urban areas.

Table 4: Predictors for urban adolescents' social responsibility

Variables	Social responsibility (Urban)
	Standardized coefficient (β)
Sex	0.124**
Social Self-efficacy	0.195***
Peer attachment	0.229***
Mother's Age	0.054
Father's Age	-.110
Number of Children	.028
Mother attachment	.162*
Father attachment	-.043
Adjusted R²	0.157
F	11.05***

Note. *p ≤ .05, **p ≤ .01, ***p ≤ .001

As presented in Table 5, results obtained for rural adolescents were almost similar to the urban sample. Out of all (8) the variables entered into the regression analysis, four (sex, social self-efficacy, and mother and peer attachments) were found to be unique predictors to the adolescents' social responsibility. The linear combination of these variables was highly significant (F = 11.80, p ≤ .001). The model accounted for 21% of the variance in adolescents' social responsibility score. Results indicate that female adolescents from rural areas with higher level of social self-efficacy, and have greater attachment with their mothers and peers, tend to exhibit better social responsibility than their male counterparts from rural areas.

Table 5: Predictors for rural adolescents' social responsibility

Variables	Social responsibility (Urban)
	Standardized coefficient (β)
Sex	0.138**
Social Self-efficacy	0.272***
Peer attachment	0.216***
Mother's Age	0.111
Father's Age	-.125
Number of Children	.055
Mother attachment	.224*
Father attachment	-.139
Adjusted R²	0.191
F	11.80***

Note. *p ≤ .05, **p ≤ .01, ***p ≤ .001

DISCUSSIONS

Research often portrayed that rural adolescents are more exposed to social disorganization and eventually become involved in unhealthy behaviors, such as substance use (Nasim, Fernander, Townsend, Corona, and Belgrave, 2011) and community violence (Edwards 1999). Nonetheless consistent with cultural values uphold and strongly practice particularly by rural Malaysians, results of the present study showed that adolescents from the rural area tend to possess better social responsibility than those from the urban area. This finding is supported by past research which indicated that rural adolescents tend to build a strong connection with their community and appreciate the rural lifestyle (Petrin, Farmer, Meece, and Byun 2011). It should be noted that, adolescents' abilities, beliefs and values are reflected by the environment that they live in an ongoing transactional process (Bergman, Magnusson, and El-Khouri 2003).

From the multivariate findings, adolescents' personal and family social contexts characteristics were found to be related to the adolescents' social responsibility. These findings seemed to suggest that adolescents' personal characteristics (i.e., sex, social self-efficacy, and peer attachment) and family social context (i.e., mother attachment) played significant roles in fostering the development of social responsibility. The findings were consistent with past research where female adolescents were reported to have greater sense of social responsibility than males (Nakamura and Watanabe-Muraoka 2006). As suggested by Nakamura and Watanabe-Muraoka, females may have more awareness on responsibility than their counterparts, thus are more attentive to social problems within the society.

Furthermore, this study found that adolescents with high social self-efficacy are more socially responsible. Results were in line with past research that emphasized the importance of social self-efficacy as one of the essential self-regulatory factors that facilitate adolescents to deal with various developmental outcomes (Estévez, Murgui, and Musitu 2009). Adolescents with high social self-efficacy are less likely to be involved in antisocial behavior and are more likely to develop better social responsibility.

Other than social self-efficacy, this present study underscores the importance of peer attachment relationships in adolescents' social development. Way (2011) noted that social and emotional support given by peer throughout adolescence will strongly contribute to adolescents' social outcomes. Consistent with earlier research on the significant influence of mothers as primary caregivers (Bowlby 1988), mothers from both urban and rural subsamples were found to have significant impact on the development of adolescents' social responsibility. These findings parallel results from the study conducted by NICHD Early Child Care Research Network (2006) which indicated that adolescents who experienced secure attachment during the early years were more likely to develop a good foundation in their later life.

CONCLUSION

Conceptually, adolescents' social responsibility is predicted by multi dimensions, those of which discussed in this study were adolescents' personal (i.e., sex, social self-efficacy, and peer attachment) and family social contexts (mother attachment) characteristics. Thus, understanding potential influences on adolescents' social responsibility could be useful not only for parents, but also educators, community, and policy makers. This research provides evidence on the influence of parents and peers on adolescents' social responsibility. This information may help to increase parents' awareness on the needs to improve their quality of parental attachment in order to foster adolescents' social responsibility behavior. Additionally, the findings have implications for policy makers in formulating family policy and planning parenting programs.

The present study also points to the importance of social self-efficacy in enhancing adolescents' social responsibility. Social self-efficacy and social responsibility are important in the development of successful adolescents. Therefore, prevention and intervention programs for urban and rural areas may need to include strategies on the development of social self-efficacy as one of its focus which could subsequently help to promote the sense of social responsibility among adolescents. The Malaysian government in particular, Ministry of Youth and Sports may consider designing social program such as volunteering program, social service and other community based program that is deemed crucial in improving adolescents' social responsibility.

The current findings should be interpreted with several limitations in mind. First, this study used self-report measures in order to obtain information related to the adolescents'. Thus, the reliability of the information obtained depended solely on the honesty of the respondents. In addition, this is a cross sectional study. The sample was collected at one particular time and thus underlying interference cannot be determined. Hence, future study could be improved by conducting longitudinal method in order to obtain more in-depth information on the development of social responsibility in adolescents.

REFERENCE

Afriani, A., and Rozumah, B. 2012. "The relationship between parenting style and social responsibility amongst youths in Aceh." *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, no.20 (3):733-750.

Armsden, G. C., and Greenberg, M. T. 1987. "The inventory of parent and peer attachment: Individual difference and their relationship to psychological well-being in adolescence." *Journal of Youth and Adolescence*, no.16 (5):427- 454.

Belsky, J. 1984. "The determinant of Parenting: A process model." *Child Development,* 55(1), 83-96.

Bergman, L. R., Magnusson, D., and El-Khouri, B. M. 2003. *Studying individual development in an inter-individual context.* Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.

Bowlby, J. 1988. *A secure base: Parent-child attachment and healthy human development.* New York: Basic Books.

Bronfenbrenner, U. 1979. *The ecology of Human Development: Experiments by nature and design.* Cambridge, MA: Harvard University Press.

Bronfenbrenner, U. 1986. "Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives." Developmental Psychology, no.22 (6): 723-742.

Bronfenbrenner, U., and Morris, R. 1998. The ecology of developmental process. In R. M. Lerner (Ed.), Handbook of Child Psychology (5th ed.). New York: Wiley.

Conrad, D., and Hedin, D. 1981. Instruments and scoring guide of the experiential education evaluation project University of Minnesota, Center for Youth Development and Research.

Eagly, A. H., and Fabes, R. A. 1986. "Sex and helping behavior: A meta-analytic review of the social psychological literature." Psychological Bulletin, no.100 (3): 283-308.

Hurtup, W. W., and Van Lieshout, C. F. 1995. "Personality development in social context." Annual Review Psychology, no.46: 655-687.

Moreno, D., Estévez, E., Murgui, S., and Musitu, G. 2009. "Relationship between family and school environ¬ments: The role of empathy, attitude to authority and violent behavior in adolescence." International Journal of Psychology and Psychological Therapy, no.9: 123-136.

Muris, P. 2001. "A brief questionnaire for measuring self-efficacy in youths." Journal of Psychopathology and Behavioral Assessment, no. 23: 145-149.

Nakamura, M., and Watanabe-Muraoka, A. M. 2006. "Global social responsibility: Developing a scale for senior high school students in Japan." International Journal for the Advancement of Counselling, 28(3): 213-226.

Nasim, A., Fernander, A.F., Townsend, T.G., Corona, R.A., and Belgrave, F.Z. 2011. "Cultural protective factors for community risks and substance use among rural adolescents." Journal of Ethnicity in Substance Abuse, no.10: 316-326.

NICHD Early Child Care Research Network. 2006. "Infant-Mother attachment classification: Risk and protection in relation to changing maternal caregiving quality." Developmental Psychology, no. 42: 38–58.

Petrin, R.A., Farmer, T.W., Meece, J.L., and Byun, S-Y. 2011. "Interpersonal competence configurations, attachment to community, and residential aspirations of rural adolescents." Journal of Youth and Adolescence, no. 40: 1091-1105.

Rokiah, M., Muhammad Fuad, A. K., and Zaidah, M. 2010. Golongan muda mat rempit: Satu expresi sub-budaya. Journal E-Bangi, no.5 (1): 1-10.

Rozumah, B., Rumaya, J., Asnarulkhadi, A. S., Tan, J.-P., Amna, M. N., and Mansor, A. T. 2005. "Predictors of conduct problems amongst school going youths in West Malaysia." Malaysian Journal of Social Policy and Society, no. 2: 89-108.

Santrock, J. W. 2008. Adolescence (12th ed.). New York: McGraw-Hill.

Scales, P. C., Blyth, D. A., Berkas, T. H., and Kielsmeier, J. C. 2000. "The effects of social learning on middle school students' social responsibility and academic success." Journal of Early Adolescence, 20(3): 332-354.

Thomaes, S., Bushman, B. J., Stegge, H., and Olthof, T. 2008. "Trumping shame by blasts of noise: Narcissism, self-esteem, shame, and aggression in young youths." Child Development, no.79 (6): 1792-1801. doi: 10.1111/j.1467-8624.2008.01226.x

Way, N. 2011. Deep secrets: Boys' friendships and the crisis of connection. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Youniss, J., McLellan, J. A., and Yates, M. 1997. What we know about engendering civic identity. American Behavioral Scientist no.40 (5): 620-631.

Profil Penulis:

Rozumah Baharudin, Ph.D
Professor,
Department of Human Development and Family Studies,
Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor.
rozumah@upm.edu.my

Nor Sheereen Zulkefly, Ph.D
Senior Lecturer & Clinical Psychologist
Department of Psychiatry, Faculty of Medicine and Health Sciences,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor.
sheereen@upm.edu.my

Amira Najiha Yahya
Graduate Research Fellow,
Department of Human Development and Family Studies,
Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor.
amirayahya@gmail.com

Nur Syuhaida Mohd. Kadri
Ph.D Candidate,
Department of Human Development and Family Studies,
Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor.
syuhaidakadri@gmail.com

PENGLIBATAN MAHASISWA MELAYU UNIVERSITI AWAM DALAM POLITIK DI MALAYSIA

MAZLI MAMAT, ABDUL RAZAK ABDUL RAHMAN & ABDUL RASHID ABDULLAH

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan mengenai penglibatan mahasiswa Melayu di Universiti Awam sekitar Lembah Kelang dalam politik di Malaysia. Penglibatan ini memberi fokus terhadap kehadiran mahasiswa dalam aktiviti anjuran parti politik seperti ceramah, dialog, forum, kempen dan mesyuarat parti politik. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif dan pengumpulan data melalui soal selidik. Sampel kajian melibatkan seramai 441 orang responden dari empat buah universiti terpilih. Penemuan mendapati tahap penglibatan mahasiswa Melayu Universiti Awam sekitar Lembah Kelang dalam politik berada pada tahap rendah. Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa Melayu kurang mendapat pendedahan tentang politik walaupun larangan terhadap penglibatan dalam politik telah ditarik balik melalui pindaan Seksyen 15 AUKU tahun 2012.

Kata Kunci: *Pilihan raya, Parti Politik, Penglibatan, Mahasiswa, AUKU*

ABSTRACT

This article discusses the political involvement of Malay students at public universities in Kelang Valley which focuses on students' attendance to various types of activities organized by political parties such as lectures, dialogues, forums, campaigns and party meetings. This study used a survey method to collect the intended data. , The samples involved 441 respondents from four selected universities. The research findings show a lower level of students' involvement and participation in politics. The findings also elicited that Malay students are less exposed to politics despite a ban on participation in politics has been withdrawn by amending Section 15 of the UUCA in 2012.

Keywords: *Election, Political Party, Involvement, Students, UUCA*

PENGENALAN

Sejarah telah membuktikan bahawa mahasiswa turut memainkan peranan dan memberi sumbangan penting dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah British (Muhamad Ali Embi, 2009). Penglibatan Mahasiswa Universiti Awam dalam politik Malaysia sangat aktif sekitar tahun 60-an hingga 70-an disebabkan tidak ada undang-undang khusus yang melarang mahasiswa untuk terlibat dalam politik. Dalam pilihan raya umum tahun 1969 misalnya, mahasiswa telah mengadakan ceramah dan menghasilkan manifesto mereka sendiri dalam

pilihan raya tersebut sehingga menyebabkan Parti Perikatan mengalami kemerosotan sokongan (Junaidi Abu Bakar, 1993). Mahasiswa juga tidak hanya memperjuangkan isu mengenai mahasiswa sahaja, malah turut terlibat dalam memperjuangkan isu antarabangsa seperti mengadakan demonstrasi membantah tindakan Amerika Syarikat mengebom Hanoi dan Haipong, Vietnam (Mohammad Abu Bakar, 1973). Aktiviti mahasiswa menjadi semakin agresif apabila wujudnya sudut pidato yang menjadi tempat mahasiswa menyampaikan idea dan pendapat mengenai isu-isu semasa (Mohd Shuhaimi, 1995). Penglibatan awal mahasiswa dalam politik pada era 60-an banyak dipengaruhi oleh elemen sosialis yang meresap masuk dalam persatuan mahasiswa sehingga wujud kesedaran dan sikap prihatin mahasiswa tentang isu-isu semasa yang berlaku di sekeliling mereka. Suara dari kampus ini, merupakan ledakan keinginan yang mahu melihat perubahan ke arah menjadikan Malaysia yang lebih baik, adil dan demokratik. Namun begitu, suara-suara tersebut telah menimbulkan perasaan kurang senang golongan establishment menyebabkan kegiatan aktivis mahasiswa menjadi kontroversi sehingga terbentuknya Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971. Ekoran penguatkuasaan AUKU, aktiviti mahasiswa semakin lemah terutama selepas pindaan AUKU tahun 1975 yang melarang mahasiswa terlibat dalam politik. Namun begitu, setelah larangan tersebut berkuat kuasa selama 37 tahun, kerajaan telah menarik balik larangan tersebut pada 19 April 2012 melalui pindaan Seksyen 15 AUKU. Pindaan tersebut telah membenarkan kembali mahasiswa untuk terlibat dalam politik. Pada masa ini aktivis mahasiswa yang aktif dalam politik seperti Adam Adli, Safwan Anang dan Fahmi Zainol. Penglibatan mahasiswa dapat dilihat melalui kehadiran dalam aktiviti anjuran parti politik seperti dialog, ceramah, demonstrasi, penyerahan memorandum, rapat umum, kempen pilihan raya dan sebagainya. Apa yang menjadi persoalannya, pada tahap mana mahasiswa Melayu Universiti Awam ini terlibat dalam politik di Malaysia. Oleh itu, adalah menjadi tujuan artikel ini untuk mengukur tahap penglibatan mahasiswa Melayu Universiti Awam dalam politik kepartian di Malaysia berasaskan kekerapan mereka menghadiri aktiviti anjuran parti politik.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Pada masa ini, kajian tentang penglibatan mahasiswa dalam politik Malaysia agak terhad berbanding kajian politik lain. Salah satu kajian terkini mengenai penglibatan mahasiswa dalam politik Malaysia adalah kajian oleh Fauzi dan Ku Hasnita (2015). Kajian ini memberi fokus kepada kebangkitan semula gerakan mahasiswa di Malaysia dalam pilihan raya umum 2013. Setelah AUKU dikuatkuasakan, gerakan mahasiswa semakin merosot dan lemah. Namun begitu gerakan mahasiswa mendapat nafas baru apabila AUKU dipinda pada tahun 2012 sehingga membuka jalan kepada mahasiswa untuk terlibat secara aktif dalam pilihan raya umum 2013. Secara umumnya gerakan mahasiswa di Malaysia bukan bertujuan untuk mendapatkan kuasa politik tetapi lebih kepada mendapatkan semula kuasa autonomi universiti yang hilang semenjak AUKU dikuatkuasakan. Berbeza dengan kajian oleh Sivamurugan (2014) yang memfokuskan kepada kelakuan mengundi mahasiswa

dalam pilihan raya umum berdasarkan persepsi dan kepimpinan parti politik. Apa yang menariknya, kajian ini dapat membuktikan bahawa media arus perdana telah menjadi kurang penting kepada mahasiswa berbanding media alternatif seperti media sosial untuk memperoleh sumber maklumat politik. Selain itu, mahasiswa juga turut menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap usaha Barisan Nasional dalam menangani rasuah kerana bagi mahasiswa usaha kerajaan masih belum menampakkan hasilnya dalam memerangi rasuah. Manakala dari sudut kepimpinan parti politik, hasil kajian mendapati mahasiswa sangat tertarik kepada kepimpinan melalui tauladan dan pemimpin yang mempunyai sifat jujur, beretika, berilmu dan berwibawa yang menjadi pilihan mahasiswa.

Kajian oleh Mohd Fuad et al. (2012) pula memberi penekanan kepada pelbagai perkara penting tentang mahasiswa India menjelang pilihan raya umum 2013 seperti sumber maklumat politik, pandangan tentang politik Malaysia, ciri-ciri parti politik yang disokong dan persepsi terhadap politik. Apa yang menarik, kajian ini membuktikan bahawa mahasiswa India masih bersifat pro establishment walaupun dalam pilihan raya umum 2008 Malaysian Indian Congress (MIC) mengalami kemerosotan sehingga dianggap tidak lagi relevan menjadi parti mewakili kaum India. Namun begitu, kajian ini hanya memberi penumpuan kepada belia India sahaja dan tidak melibatkan semua kaum seperti Melayu, Cina, bumiputera Sabah dan Sarawak sedangkan kaum-kaum ini merupakan penyumbang kepada jumlah undi dalam pilihan raya umum di Malaysia.

Sementara kajian oleh Thock (2012) memberi tumpuan khusus kepada aktivis mahasiswa Cina. Kajian ini mendapati aktivis mahasiswa Cina dipengaruhi oleh gerakan reformasi yang dibawa oleh Anwar Ibrahim. Gerakan aktivisme mahasiswa Cina memfokuskan kepada keadilan dan perubahan masyarakat Malaysia. Namun begitu, gerakan ini dihalang oleh pihak pentadbir universiti melalui AUKU. Mahasiswa menganggap AUKU sebagai zalim dan menyekat kebebasan idealisme sehingga menimbulkan perasaan tidak puas hati terhadap pemerintah. Selepas tamat pengajian, mahasiswa ini telah mengambil keputusan menggunakan platform Non-Government Organization (NGO) dan Pakatan Rakyat bagi meneruskan agenda perjuangan mereka. Hasilnya Pakatan Rakyat menjadi pilihan golongan muda yang berpendidikan tinggi dan dalam pilihan raya umum 2008, sebilangan daripada bekas aktivis ini telah berjaya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Parlimen atas tiket Pakatan Rakyat.

Manakala kajian oleh Ridhuan Tee (2008) memberi tumpuan kepada persepsi mahasiswa Cina terhadap United Malays National Organization (UMNO). Apa yang menarik kajian ini melibatkan responden dari Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta. Kajian ini turut menggunakan dua kaedah iaitu, Kuantitatif dan Kualitatif yang dapat memberi nilai tambah kepada penemuan kajian. Walau bagaimanapun kajian ini hanya melibatkan mahasiswa Cina dan tidak melibatkan mahasiswa dari etnik yang lain. Berlainan dengan kajian oleh Muhamad Ali dan Ahmad Faiz (2005) yang mengupas tentang kepercayaan

mahasiswa terhadap kerajaan. Kajian ini telah merungkaikan tentang beberapa persoalan penting seperti persepsi mahasiswa tentang politik mengikut pecahan jantina, tahun pengajian, bangsa, latar belakang pendidikan, jurusan pengajian dan sebagainya. Apa yang menariknya dalam kajian ini melibatkan responden dari pelbagai etnik dari universiti utama di Malaysia. Sementara Mohd Nasir (2008) pula memberi fokus kepada persepsi mahasiswa terhadap pilihan raya umum 2008. Kajian ini menganalisis tentang kepentingan mengundi, mendaftar sebagai pengundi, kesan keputusan pilihan raya umum terhadap kehidupan seharian dan minat terhadap politik. Selain itu, aspek penerimaan mahasiswa terhadap setiap individu, tanpa mengira latar belakang etnik, layak untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia turut diberi perhatian dalam kajian ini. Namun begitu, responden kajian ini tidak diambil dari kalangan mahasiswa di universiti yang diketahui aktif dalam politik seperti mahasiswa Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainah Anwar (1990) pula dalam kajiannya memberi penumpuan terhadap kebangkitan Islam di kalangan mahasiswa tajaan kerajaan yang menuntut di England pada tahun 1970-an. Apa yang menarik kajian ini dari sudut politik mendapati kebangkitan Islam telah memberi kesan negatif kepada masyarakat sehingga wujud labelling iaitu, Parti Islam Se-Malaysia mewakili Melayu Islam dan United Malays National Organization mewakili Melayu sekular. Kajian Junaidi Abu Bakar (1993) pula memberi fokus tentang mahasiswa politik dan AUKU. Kajian ini menganalisis pelbagai perkara penting mengenai AUKU seperti rasional pemerintah menggubal AUKU, kesan perlaksanaan akta ini terhadap kebebasan akademik, kesedaran dan sikap mahasiswa terhadap AUKU. Namun begitu, responden kajian hanya melibatkan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia dan tidak diperluaskan kepada mahasiswa di lain-lain universiti. Berdasarkan sorotan karya di atas, jelas wujud jurang yang ketara tentang tahap penglibatan mahasiswa Melayu dalam politik Malaysia. Justeru itu, kajian ini berusaha untuk mengisi ruang kosong dalam kajian-kajian sebelum ini.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian dalam penyelidikan ini adalah tinjauan menggunakan borang soal selidik. Bagi meningkatkan nilai tambah kepada hasil kajian, pemerhatian tanpa turut serta turut dijalankan semasa pengumpulan data primer. Kajian ini melibatkan seramai 441 orang mahasiswa Melayu yang berumur 21 tahun dan ke atas dari empat buah universiti iaitu, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pemilihan responden dalam kajian ini dibuat secara pensampelan berstrata. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Umumnya mahasiswa dari universiti ini dipilih disebabkan lokasi universiti yang terletak di sekitar Lembah Klang yang merupakan tempat paling maju serta pusat ekonomi dan pentadbiran (Malaysia, 2015). Universiti ini juga merupakan universiti yang sering menjadi perhatian parti-parti politik untuk mengukur tahap sokongan dan pengaruh terhadap parti masing-

masing. (Mohd Shuhaimi, 1995).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar belakang demografi
Kajian ini dijalankan di empat buah Universiti Awam yang melibatkan seramai 441 orang responden iaitu, 223 orang (50.6%) lelaki dan 218 orang (49.4%) perempuan. Responden kajian ini terdiri daripada 144 orang (32.7%) beraliran sains dan 297 orang (67.3%) beraliran sains sosial. Responden ini terdiri daripada mahasiswa yang berumur antara 21 tahun sehingga 27 tahun yang sedang mengikuti pengajian di universiti-universiti seperti yang disebutkan di atas. Pecahan mengikut tempat dibesarkan, seramai 226 orang (51.2%) responden dibesarkan di bandar dan 215 orang (48.8%) dibesarkan di luar bandar terlibat dalam kajian ini. Kesemua responden adalah mahasiswa Melayu. Tujuan mahasiswa Melayu dipilih kerana etnik Melayu merupakan etnik yang paling tinggi menjadi majoriti di kawasan parlimen pilihan raya berbanding lain-lain etnik. Di Semenanjung Malaysia, kawasan parlimen yang mempunyai majoriti pengundi Melayu dalam pilihan raya umum 1999 sebanyak 98 kawasan (68.1%), berbanding 25 kawasan (17.4%) majoriti Cina dan 21 kawasan (14.6%) bercampur. Manakala dalam pilihan raya umum 2004, kawasan majoriti Melayu terus meningkat kepada 114 kawasan (68.7%), berbanding 24 kawasan (14.5%) majoriti Cina dan 28 (16.9%) kawasan bercampur. (Amer Saifude, 2009).

Keahlian parti politik
Keanggotaan dalam parti politik merupakan kriteria yang menunjukkan penglibatan secara langsung seseorang individu dalam parti politik. Keanggotaan dalam parti ini bererti seseorang individu itu menyokong satu-satu parti politik secara formal dan terbuka (Hussain Mohamed, 1974). Setiap ahli parti bukan sahaja memperoleh kad keahlian tetapi mempunyai kewajiban untuk membayar yuran dan menjalankan tanggungjawab sebagai seorang ahli parti seperti berkempen untuk memenangkan calon yang disokong dan menjadi jurucakap secara tidak langsung kepada parti tersebut. Kajian ini mendapati mahasiswa Melayu yang menjadi ahli parti politik adalah seramai 72 orang (16.3%) dan yang tidak menjadi ahli mana-mana parti politik adalah seramai 369 orang (83.7%). Ini menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa Melayu tidak menjadi ahli mana-mana parti politik. Situasi ini berhubung rapat dengan penguatkuasaan AUKU yang melarang mahasiswa terlibat dalam politik. Walaupun larangan tersebut telah dimansuhkan dalam pindaan tahun 2012, namun masih kelihatan kesannya apabila keanggotaan dari kalangan mahasiswa dalam parti politik masih berada pada tahap yang rendah. Jadual 1, merupakan ringkasan dapatan tentang keahlian parti politik dari kalangan mahasiswa Melayu.

Jadual 1. Keahlian parti politik mahasiswa Melayu

Keahlian Parti Politik	Peratus (%)
Ya	16.3%
Tidak	83.7%

Penglibatan dalam kegiatan politik
Berdasarkan dapatan kajian, didapati telah wujud kesedaran dalam diri mahasiswa tentang kepentingan mengundi dalam pilihan raya walaupun tidak begitu membanggakan. Hasil kajian menunjukkan seramai 233 orang (50.6%) mahasiswa Melayu telah mendaftar sebagai pengundi berbanding yang belum mendaftar seramai 218 orang (49.4%). Dapatan ini selari dengan dapatan Mohd Nasir (2008) yang menyatakan telah wujud kesedaran di kalangan mahasiswa tentang kepentingan menjadi pengundi dalam pilihan raya. Namun begitu jumlah ini masih belum mencukupi memandangkan kesemua responden telah berumur 21 tahun ke atas dan sepatutnya mereka ini telah mendaftar sebagai pengundi yang berdaftar. Manakala bagi mahasiswa yang pernah mengundi dalam pilihan raya, seramai 121 orang (27.4%) berbanding yang tidak pernah mengundi seramai 320 orang (72.6%). Dapatan ini jelas menunjukkan, walaupun mahasiswa ini telah mendaftar sebagai pengundi, tidak semestinya mereka akan keluar mengundi. Ini kerana wujud perbezaan yang ketara antara jumlah mahasiswa yang telah mendaftar dengan jumlah yang pernah mengundi dalam pilihan raya. Jadual 2, menunjukkan dapatan terhadap pendaftaran mengundi dan keluar mengundi bagi mahasiswa Melayu.

Jadual 2: Pendaftaran mengundi dan keluar mengundi

Penyataan	Ya	Tidak
Adakah anda telah mendaftar sebagai pengundi?	50.6%	49.4%
Adakah anda pernah mengundi dalam pilihanraya umum/kecil?	27.4%	72.6%

Kehadiran dalam program politik
Secara asasnya konsep penglibatan adalah luas dan berubah-ubah dari peringkat tidak terlibat secara langsung hinggalah menjadi ketua atau pemimpin parti politik. Secara mudahnya penglibatan seseorang itu boleh dibahagikan kepada dua iaitu, pasif dan aktif. Penglibatan pasif seperti menjadi pengundi pada waktu pilihan raya sahaja, manakala aktif pula menjadi ahli jawatankuasa sesebuah parti politik dan turut memberikan sumbangan secara langsung bagi kepentingan dan kegiatan yang dijalankan oleh parti berkenaan. Menurut Hussain Mohamed (1974), bentuk penglibatan politik seperti membuang undi dalam pilihan raya, menghadiri dan mengikuti rapat umum serta kempen politik merupakan penglibatan secara pasif. Manakala penglibatan secara aktif biasanya seseorang itu dalam kehidupan sehariannya sering berbincang hal-hal mengenai politik dan jika musim pilihan raya, berusaha menenangkan calon parti yang dianggotainya. Kajian ini memberi fokus kepada penglibatan mahasiswa Melayu dalam kegiatan politik melalui kekerapan menghadiri aktiviti anjuran parti politik seperti forum, kursus, mesyuarat, ceramah dan berkempen. Jadual 3 di bawah merupakan dapatan terhadap kekerapan mahasiswa menghadiri aktiviti politik.

Jadual 3: Kehadiran dalam aktiviti anjuran parti politik

Kehadiran	Tidak Pernah (%)	Jarang-Jarang (%)	Kerap (%)	Sangat Kerap (%)
Adakah anda pernah menghadiri forum/dialog politik?	29.5	42.9	23.3	4.3
Adakah anda pernah menghadiri kursus anjuran parti politik?	43.5	40.8	13.2	2.5
Adakah anda pernah menghadiri mesyuarat parti politik?	61.5	26.1	9.8	2.7
Adakah anda pernah menghadiri ceramah politik?	32.0	44.9	18.8	4.3
Adakah anda pernah menyertai kempen parti politik?	48.5	33.8	13.8	3.9

Secara umumnya, kesemua program yang dianjurkan oleh parti politik kurang mendapat sambutan. Analisis lanjut menggunakan selang kelas mendapati, peratusan mahasiswa Melayu yang berada pada tahap tinggi dalam menghadiri aktiviti anjuran parti politik adalah hanya 3.4%, berbanding tahap sederhana 22.9% dan tahap rendah sebanyak 73.7%. Dapatan ini memberi gambaran bahawa mahasiswa Melayu masih mempunyai rasa takut untuk melibatkan diri dalam politik kesan penguatkuasaan AUKU, walaupun sekatan tersebut telah dimansuhkan pada 19 April 2012. Menurut Abdul Aziz Bari (2001), penguatkuasaan AUKU telah memberi kesan yang mendalam terhadap kehidupan mahasiswa, disebabkan itu, warga kampus tidak lagi bersama dengan masyarakat sepertimana sebelum AUKU diperkenalkan. Berdasarkan keputusan kajian, mahasiswa Universiti Awam sekarang ini tidak menganggap penglibatan dalam politik itu penting bagi mereka kerana mahasiswa lebih berminat menumpukan perhatian dalam akademik. Mahasiswa juga disifatkan sebagai kurang sensitif dalam memikirkan permasalahan anggota masyarakat tidak seperti mahasiswa terdahulu. Dapatan ini turut menggambarkan bahawa golongan mahasiswa yang di label sebagai anti-establishment hanya bertindak sebagai suara minoriti dan tidak mencerminkan keseluruhan mahasiswa Melayu dalam kegiatan politik kepartian.

KESIMPULAN

Pilihan raya umum 2008 dan 2013 merupakan pilihan raya yang mana Barisan Nasional mendapat tentangan yang sengit daripada Pakatan Rakyat. Keputusan pilihan raya umum tersebut juga telah membuka mata ramai pihak tentang pentingnya mendapat sokongan daripada golongan muda. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah meminda AUKU dengan menarik balik larangan terlibat dalam aktiviti politik. Walaupun kerajaan telah membenarkan mahasiswa terlibat secara langsung dalam politik, tetapi hasil kajian mendapati penglibatan dalam kegiatan politik masih rendah. Majoriti mahasiswa kurang melibatkan diri dalam program politik dan peratusan mahasiswa yang berdaftar sebagai pengundi juga pada tahap yang rendah. Justeru itu, adalah disyorkan agar pihak berwajib seperti pentadbir

universiti lebih memberi galakkan dan kesedaran kepada mahasiswa untuk terlibat dalam politik, misalnya dengan membenarkan mahasiswa melibatkan ahli politik dalam aktiviti anjuran mereka seperti mengadakan program penerangan isu-isu semasa, sesi dialog dan sebagainya tanpa sebarang sekatan dan syarat tertentu. Penglibatan mahasiswa dalam politik ini penting bertujuan sebagai latihan kepada mahasiswa untuk menjadi seorang pemimpin yang berwibawa kepada masyarakat dan negara pada masa depan.

RUJUKAN

Abdul Aziz Bari. 2001. Peranan masyarakat universiti dalam menangani kegawatan ekonomi, sosial dan politik negara-satu perspektif undang-undang. Persidangan Sehari Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran Universiti Sains   Malaysia, Pulau Pinang.

Amer Saifude Ghazali. 2009. Geografi Pilihan Raya Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Hussain Mohamed. 1974. Masyarakat dan politik di Kampung Padang Luas Terengganu. satu kajian mengenai kehidupan politik dalam sebuah masyarakat Melayu kampung. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.

Junaidi, Abu. Bakar. 1993. Mahasiswa politik dan undang-undang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Malaysia. 2015. Perbandingan bandar raya utama di Malaysia (Kuala Lumpur) dan China   (Beijing) http://smp.townplan.gov.my/?p=5488. Diakses pada 7 June 2015.

Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon, Viknesh a/l Ramachandran. 2012. Persepsi politik belia India Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. Malaysia Journal of Society and Space,(8), 1-11.

Mohd Fauzi Fadzil,. Ku Hasnita Ku Samsu. 2015. Student Activism and The 13th Malaysian General Election: The Second Civil Society Wave After 1969. Pertanika Journal Social Sciences & Humanities, 23 (1): 105 – 128.

Mohd Nasir Ibrahim. 2008. Persepsi pelajar institusi pengajian tinggi IPT terhadap pilihan raya umum ke-12. Seminar Politik Malaysia. Shah Alam. 435-443.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2008. Persepsi pelajar Cina di Institusi Pengajian Tinggi terhadap gerakan politik UMNO. Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia.

Mohd Shuhaimi Al-Maniri. 1995. Politik kampus di sebalik tadbir. Selangor: Pustaka Generasi Baru.

Muhamad Ali Embi. 2009. Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Muhamad Ali Embi., Ahmad Faiz Abd Hamid. 2005. Kepercayaan mahasiswa terhadap kerajaan. Journal Demokrasi,(IV), 77-91.

Muhammad Abu Bakar. 1973. Mahasiswa menggugat. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Sivamurugan Pandian. 2014 University Students and Voting Behaviour in General Elections: Perceptions on Malaysian Political Parties Leadership. Asian Social Science, Vol. 10, 225-231.

Thock Ker Pong. 2012. Aktivisme mahasiswa cina era reformasi dan pasca reformasi di malaysia: Kajian impak politik dalam pilihan raya umum ke-12. Akademika, 82(1), 91-102.

Zainah Anwar. 1990. Kebangkitan Islam di kalangan pelajar. Selangor: IBS Buku

Profil Penulis:

Mazli Mamat
Calon Master (Politik dan Kerajaan)
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
mazlimamat@gmail.com

Abdul Razak Abdul Rahman,Phd
Pensyarah Kanan
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
arazak@putra.upm.edu.my

Abdul Rashid Abdullah,Phd
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengurusan dan Pemasaran
Fakulti Ekonomi, Universiti Putra Malaysia.
rashidabdullah@upm.edu.my

INSTILLING SPORTS CULTURE IN AS CATALYST FOR POSITIVE YOUTH DEVELOPMENT

WASITAH MOHD YUSOF, LEE KWAN MENG & AZURA ABIDIN

ABSTRACT

Sport culture can serve as a catalyst for positive youth development. However, sport should not be confined to only elite, or high performance, or professional sports. It has a broader context of sport-for-all that includes recreation, play, fitness, games, exercise and any healthy physical and mental activity that contributes to overall wellness. In order to develop positive youth development, it has to be preceded with sports that encourage learning and education before youth development can take place. This is very important for the young people as prime movers in nation building. The effort to instill sports as a culture is also not the job of only the youth participants themselves, but includes the partnership and collaboration with adults and other stakeholders. The whole spectrum of the sport industry has specific roles in developing the youth. In this dimension of sport for positive youth development, winning medals and titles are no longer the primary goals in sport participation. The primary goals are having fun, enjoyment, gaining new knowledge and acquiring skills, leading to self-fulfillment, satisfaction, and meaning in life. Sport participation is a lifelong continuous development process and contributes to personal growth and human capital development where the values of sport help to mold the character of the youth. Sport as a culture composes of value systems, beliefs, attitudes and behaviour. In addition, ports engagements are not about being passive spectators, but to actively playing, games, exercising, and indulge in the pleasures and adventure of a given sport. In this article, a new model of instilling sport culture is proposed through the "3P.E.C.K.S – Provide, Participate, Programmes; Educate; Collaborate; Knowledge; and Skills"; and where the sport engagements facilitates to P.L.A.C.E.S – Passion, Love, Adventure, Challenge and Commitment, Excitement and Excellence, and Self-actualization and Self-esteem. Sports culture begins from home, then to school, open spaces, offices, and sporting arenas. Having sporting events alone is not enough. There has to be a holistic development from various other elements that includes recreation education if sports culture is to be instilled.

Keywords: *Sports Culture, Positive Youth Development, Sport-for-All, Leisure and Recreation, Sports and Recreation Education*

ABSTRAK

Budaya sukan merupakan pemangkin dalam pembangunan belia positif. Tetapi dalam konteks ini, sukan bukan sahaja ditumpukan kepada sukan berprestasi tinggi. Konteksnya lebih luas merangkumi segala dimensi sukan termasuk sukan-untuk-semua, rekreasi, kecergasan, permainan, latihan, dan segala kegiatan fizikal dan mental yang menyumbangkan kepada kebahagiaan keseluruhan. Namun demikian,

dalam dimensi pembangunan belia positif, pendidikan dan pembelajaran belia harus dilakukan. Ini adalah penting kerana golongan belia ini merupakan pembina negara yang akan datang. Usaha pembudayakan sukan bukan sahaja terpulang kepada peserta sukan belia sendiri, maupun terlibat juga golongan dewasa dan pemegangtaruh. Kesemua gambaran dalam industri sukan ada peranan tersendiri dalam pembangunan belia. Dalam dimensi sukan bagi pembangunan belia positif, menjadi pemenang atau penerima jaguh bukan matlamat utama dalam penyertaan sukan. Matlamat utama telah diperluaskan kepada keseronokan, kenikmatan, memperolehi ilmu dan kemahiran, dan akhirnya, pencapaian, kepuasan, dan kehidupan yang bermakna. Penyertaan sukan adalah sesuatu process sepanjang hayat yang menyumbang kepada pembinaan insan dimana nilai-nilai murni sukan dapat membantu dalam pembentukan sifat belia. Budaya sukan adalah merangkumi segala sistem, kepercayaan, nilai, sikap dan kelakuan sukan. Dan penglibatan dalam sukan bukan sebagai pemerhati pasif, tetapi menurun ke padang untuk memain sukan, permainan, latihan kecergasan, dan menikmati keseronokan dan pengembaraan dalam cabaran sukan. Dalam kertas ini, memandangkan literatur yang dikaji maka di cadangkan satu model pembudayaan sukan melalui "3P.E.C.K.S – Provide, Participate, Programmes; Educate; Collaborate; Knowledge and Skills"; dan dimana ia adalah pemudahcara untuk "P.L.A.C.E.S. – Passion, Love, Challenge and Commitment, Excitement and Excellence, and Self-actualisation and Self-esteem" Pembudayaan sukan bermula dari rumah, sekolah, padan terbuka, pejabat pekerjaan, dan kemudian ke arena sukan. Mengadakan acara sukan sahaja tidak mencukupi. Ia harus merangkumi pembangunan keseluruhan atau holistik termasuk pendidikan rekreasi jikalau budaya sukan hendak dipupuk.

Kata Kunci: *Budaya Sukan, Pembangunan Belia Positif, Sukan-Untuk-Semua, Masa Senggang dan Rekreasi, Pendidikan Sukan dan Rekreasi*

INTRODUCTION

"For each individual, sport is a possible source for inner improvement".
- Baron Pierre de Coubertin (1863-1937), Founder and Father of the Modern Olympic Games
(BrainyQuote, 2015).

Culture in sports is about values, ceremonies and way of life that is reflected in the meanings, symbols, rituals and power relations practiced within that particular cultural setting (Jarvie, 2006). According to Aman et al. (2007), culture is defined as a way of life of a society that includes their beliefs, ideas, and how it is related to other people in daily activities. They further commented that culture manifests through patterns of language, thoughts, and forms of activity and behaviour that personifies their values and attitudes explicitly and implicitly. In the context of sport and recreation, sports culture is the value system, beliefs, attitudes and behaviour of the people towards involvement in sports and recreational activities. Therefore,

sports culture has to be instilled and internalized from young and subscribed first by family unit.

There are values in sports that needs to be instilled in our youth. But to do so, these values have to be instilled through mental programming that is reflected in symbolism, heroes, rituals and values inherent in sports (Hofstede, et al., 2010). And learning takes place through these practices for culture is learned, not innate (ibid). While cultural practices take place throughout a person's life, Hofstede et al. (2010) argued that culture's core values were learned during childhood. And values, especially positive values are an important component in developing positive youth assets (Search Institute, 2006; Ministry of Youth and Sports Malaysia, 2015). This is where recreation programmes, among which include sport activities, has been found to be linked to these developmental assets (Witt and Caldwell, 2010).

Sports, by definition, provide opportunities for children and adolescents for self-expression. It allows one to develop skills in communication, negotiation and leadership to increase their abilities and self-confidence. Sports also offers them opportunities to bond with adults and among themselves, and creating a sense of community and belonging. It contributes to their fitness, well being and socialization (The United Nations Children's Fund, 2004). As play and recreation, sports become fun and participatory (ibid).

The youth population constitute 40% of the country's total population. Hence, through sports, our youths can develop their assets, competencies and skills that are vital for nation building. The youths are the nation's future destiny where the development of this segment of the nation's population is critical (Lee, 2012). For this to be met, the nation's youths must then be equipped with relevant assets, values, competencies and capacities to enable them to play their rightful role in nation building.

While there are many approaches to develop youth, sports offers an interesting proposition. Young people thrive on playing games, recreation, and fun activities. This is where sports and its activities are enablers to attract these young people to come in and play and to enjoy themselves, while at the same time to develop their assets and capacities. However, to attract them to participate and engage in sports, the sporting culture should be instilled in them from an early age.

However, in discussing about sports, we cannot just examine it from sport activities alone. We have to look at sports holistically and comprehensively. Sports culture is within the whole spectrum of the sports industry from sports and play activities, to its events, governance, facilities and merchandise. Some have direct influence on sports culture and on the youth, others would be more indirect. At its core though, sports is an activity.

In this paper, we explore how sports culture is relevant in facilitating

positive youth assets development through the different contexts of sports, including especially sport for all, recreational sports, exercise and fitness. We will discuss the various literatures on the interaction of sports with youth development and how it contributes to youth development. A new model will also be proposed for youth sports culture to be instilled as enablers for developing youth through sports. Sports culture has a catalyst role for instilling positive youth development. The question is: how do we do it within the contexts of our national socio-cultural environment?

This paper is aimed at formulating a new model for instilling sports culture on youth through an inductive process of obtaining ideas from the literature and analyzing their meanings. It is not an empirical study but based on the arguments from the literature to come out with a proposed new theoretical model that can later serve to be a model for other future research.

SPORTS

Defining sports

Sports according to UNICEF (2004) are *"…. all forms of physical activity that contributes to physical fitness, mental well-being and social interaction. These include play; recreation; casual, organized or competitive sport; and indigenous sports or games" (p.1)*. It also *"…involves rules or customs and sometimes competition. Play – especially among children – is any physical activity that is fun and participatory. It is often unstructured and free from adult direction. Recreation is more organized than play, and generally entails physically active leisure activities. Play, recreation and sport are all freely chosen activities undertaken for pleasure"* (ibid). Its aim is about maintaining and improving physical activity and skills. Sports also provide entertainment (Wikipedia, 2015). The set of rules and customs in sport is meant for fair competition and determination of a winner.

Another definition of sports by Sport Accord (the umbrella organisation of both Olympic and non-Olympic international sports federations) is that sport includes: element of competition, no element of "luck", no health and safety risk for athletes or participants, and not harmful to any living creature. It also primarily involves physical, mind, motorized, coordination, and can be animal-supported (Wikipedia, 2015).

So basically a sport is about physical and mental activities, play, recreation, fun, and elements of competition, leisure activity, and entertainment. However, since not all sports are about competition and that the rules of sport is meant for determining winners, sports can also be activities that are flexible and adaptable without rigid rules and customs. This is when sport is in the context of play – which is usually unstructured – recreational, and entertainment in nature.

Elite sports and Sport for all

The International Olympic Committee (IOC) recognizes two dimensions of sports:

elite sports and games that are events under their Olympic games, and sport-for-all. Likewise, in Malaysia, these two main distinctions of sports are also recognized. The support for sport-for-all is stated in the Olympic Charter (IOC, 2015). In fact, it originated with Pierre De Coubertin, the founder of the modern Olympic movement (Ghosh, 2012). His principles behind sport for all is that for the young people to lead a healthier, balanced, and meaningful life, as mentioned by the previous President of the International Olympic Committee, Jacques Rogge in 2007 (ibid).

Elite sports are defined as those high performance sports at Olympic Games, Asian Games, SEA Games, Commonwealth Games and including those at regional or world championship levels; whereas Sport-for-All comprise mass sports or sport for the masses that includes all physical fitness and outdoor recreation activities.

An elite sport is defined by Coakley (1998, p.19, cited by Aman, 2009) as:

"… Institutionalized competitive activity that involves vigorous physical exertion or the use of relatively complex physical skills by individual whose participation is motivated by a combination of personal enjoyment and external rewards."

Winning and achievements are the primary concern and goals of elite and professional sports.In contrast, Sport-for-All (as defined by the Council of Europe in 1979, cited by Aman, 2009), is: *"….All forms of physical activity from spontaneous unorganized games to the minimum of physical exercise regularly performed"*. Sport for All is for the whole range of population to practice regularly either sport proper or various physical activities adapted to individual capacities (Khoo, 2005). Hence in contrast to elite and professional sports, winning medals and titles are secondary in sport-for-all. What are primarily more important are the fun, enjoyment, satisfaction and sense of wellness. The other distinction is that in elite and professional sports, the outcomes are tangible and everyone can see them directly. In sport-for-all, the outcomes are less tangible or even intangible. Only the participants can realize its benefits. Elite and professional sports have extrinsic outcomes and benefits; sport-for-all is about intrinsic outcomes and benefits.

Aman (2009) explained that sport-for-all include activities in the fields of informal recreation, leisure, health, fitness and exercise, and organized formal sport. Characteristics of sport-for-all includes: Trim – keeping fit through physical activity; Fitness – exercise programme to achieve fitness level of youth and adults; Wellness – the development of abilities to function with competence and responsibility; Economy – contributes to human and economic development; Health – good mental and physical health and wellness; Peace – promotes friendship and harmony through sports and games, and sportsmanship; and Transforming Ethical Attitude – overcoming prejudices, opportunity for dialogue and exchange of ideas, allow young people to form friendships to resolve conflicts, and promote community brotherhood (Ghosh, 2012).

Therefore, as can be seen, winning is not important in sport-for-all and recreational sports. They are more concerned with feeling good, have fun, satisfaction and being fulfilled regardless of whether they win or not. Losing in competitive recreational sports does not bring any disappointment so long as they enjoy the game or activity.

While there is a common denomination of physical activity between elite sport and sport-for-all, the key differences are the goals of these two contexts of sports. The former is about competing for winning medals, trophies and titles, which is more for extrinsic purposes, while the latter is more for intrinsic purposes such as social, physical, psychological, and emotional well-being. Elite sports are moreover strictly governed by rules and regulations and restricted to a certain number of sporting activities. Sport-for-All and recreational sports are much broader, have flexible rules and structures and appeals to every one of all ages and skills as they can be adapted to suit the participants needs.

An elite sport is meant for only a minority of high performing athletes and professionals that requires intense fulltime training and regular competitions. Elite and professional sports is not categorized as leisure or recreation, but more as work and are more for extrinsic purposes besides the players or athletes being paid and earning an income from it. Sport-for-All is more recreational and fun, and is pursued during leisure out of choice unlike elite or professional sports. So the market for sport-for-all and recreational sports is actually much bigger compared to elite or professional (as illustrated in Figure 1, which is at the base of the pyramid). In the latter, everyone can play sports and participate in physical activities unlike the former.

Internationally, elites and professional sports are governed by among them, the International Olympic Committee (IOC) and other regional sports committees as well as their sports-specific international sports organisations. Sport-for-All however comes under the purview of TAFISA (International Sport-for-All Association) as well as its regional counterparts such as ASFAA (Asiana Sport for All Association). The IOC has also embraced sport-for-all. In their sports structure, they divided sports into two main commissions: Elite sport, and Sport-for-All. This means that that IOC has recognized and accredited Sport-for-All. As a matter of fact, IOC also collaborates with TAFISA in this area of Sport-for-All. Other Sport for All organisations includes the International Council of Sport Science and Physical Education (ICSSPE), World Leisure Organisation (WLO), the Federation International Sport Pour Tous (FISpT), the International Assembly of National Organisations of Sport (IANOS), and the International Society of Eastern Sports and Physical Education (Khoo, 2009).

Figure 1 is an illustration of the broad context of sport in various categories. The first two base levels at Children's play and Family sports and games are where sports culture should start to be instilled. This is when sport play and recreation as leisure pursuits. At the next two upper levels of sports in schools, this is when they learned and is educated in sports and recreation. And if the youth goes to the elite and professional sports, sport is no longer leisure and recreation but work since they are being trained fulltime and usually are paid for it. By then, sports culture should be deeply entrenched in them and automatically become part of their lives – professionally and personally. For many of them though, their leisure and recreation activities could be something else other than sporting activities, or at least sports activities other than those they competed in.

Professional
Sports

Elite Sports

Institutional Sports and Games

School sports, Extracurricular activities,
Education in Sports, and Recreation,

Recreational and Family Sports and Games,
Mass sports, Sport-for-All

Children's Play

**Figure 1: Pyramid of Sports Development
(Adapted from Mull et al., 2005).**

According to Bucher et. al. (1998) the continuum of sports begins from plays to professional and performing sports and dance (Figure 2). It illustrates that sports is a process that has to start from having fun through play before the athlete ends up in elite or professional sports. Nevertheless, the ending though can be anywhere along the continuum as not many will progress to being an elite and professional athlete.

On the other hand, if a youth do not progress towards elite and professional sports, the continuum will continue from private and public sector fitness and sports clubs to that of leisure recreational sports and physical activities and into their old age.

(Source: Bucher & Krotee. 1998. Management of Physical Education and Sport. 11th. Edition. p.3)

Figure 2: Continuum of sport from play to professional and performing sport & dance

Torkildsen (2005) in citing Neumeyer and Newmeyer (1958) suggests that the notion of recreation, sports are to engaged or participated in during leisure, are free and pleasurable, and are voluntary, and satisfying and rewarding. There must also be constructive goals in the organized community designed programmes. The sports recreational programmes are interventions purposely designed to produce behavioural outcomes, such as fun with family and friends, learning new skills, enhance fitness levels, socializing with new friends (DeGraaf et al., 1999).

Recreation has been categorized by Sessoms (in Edginton et al., 2003, p.17) as involving activity; it has no single form; is entirely voluntary; occurs during leisure; has satisfaction as its motivation; is serious, purposeful, and uncertain; outcomes that cannot be predetermined; and with by-products such as learning, better health, prevention of unhealthy and delinquent activities. Weiskoph (ibid) further added that recreation is a state or mind or attitude, resulting in intellectual, physical and social growth; provides enjoyment, fun; and promote moral standards, healthy and constructive experience.

In relation to the 1992 report of the Carnegie Council on Adolescent Development (cited by Witt and Caldwell, 2005, p.183), activities for the youth in their development should be high yield and characterized by "being goal-oriented and/or expressive; required discipline and focused attention; offer challenges; build skills and increase level of competence; and require persistence, commitment, and continuity to participate over time". And we can see that all these characteristics are part and parcel of recreation-oriented sports.

Sports culture
Culture is fundamental to human behaviour (Leonard II, 1998). According to Leonard II, culture is *"…the changing patterns of learned behaviour and the*

products of learned behaviour (including attitudes, values, knowledge, and material objects) that are shared by and transmitted among members of a society, and is a social heritage". It is characterized by the way of life of a social group. In sports, it comprise of **material culture** – tangible objects such as sports facilities, arenas, stadium, equipment, attires, etc. The other is **nonmaterial or ideational culture,** which are the symbols, attitudes, beliefs, language, values, and norms relating to sports (ibid).

So when we examine sports culture, Leonard II, points out that we have to look at its values, the ideology of sport, the character building, the discipline, the mental and physical fitness principles, the religiosity, and the nationalism and patriotism behind sports. Then there are also the sports heroes and personalities whose values and achievements serve as sports cultural role models. And at the top of it all are the achievements and recognition. Through it all, sports establish a role identity on the athletes and audiences or spectators.

All these reflect on the culture that sports embody. And they are the learned behaviours and values of those who embrace the culture inherent in sports. These sports cultural values are what contribute to character building of the young people, who engages in sports, be it in the context of positive assets, or skills and competencies development.

While we embrace the cultural components of sports, it is not possible to engage with everything about culture. There are many contexts of culture that is embedded in sports. Jarvie (2006) points out that culture in sports include among them, political culture, cultural identity, culture in the arts that relates to sports, cultural identity, sporting traditions, rituals and meanings, elitist culture, culture in popular struggle or 'popular culture', cultural anthropology of sports, cross culture, cultural capital, body culture, and so forth. So in the context of the discussion and scope of this paper, we will only examine sports culture in the context of human capital development since we are focusing on sports culture influence on youth development.

Sports is such a wide field (as illustrated in Figure 1 above) within the main contexts of professional, elite, sport-for-all, recreational sports, sports and physical education, and children's play. Hence, if we are to look at culture that is in sports, we have to pay more attention on the recreational and learning or educational cultures in sport, including sport for all. It is in these areas where cultures are to be instilled. Once at the top in elite and professional sporting area, sports culture is by then inherent within the athletes and participants.

As we have noted, sport-for-all is about educating and instilling healthy lifestyle and wellness on an individual. It is about getting the masses out to participate in sports, recreation and various activities (Ghosh, 2012). This includes educating the people, especially the youth on the importance of exercise, active

living, awareness of health, and how wellness contributes to their development and healthy habits in life. According to Ghosh (ibid), sports teaches students on behaviour modification, teach them social skills, makes their education interesting and fun, educating them about working with their communities, and excites them about their lives. Sports, as pointed out by Khoo (2008) is also about instilling the spirit of sportsmanship, fostering understanding and unity, as well as promote national integration and inculcating values associated with sports.

These cultures are reflected on the meanings, values, principles, knowledge gained and disciplines of these sports and physical activities. The cultures instilled will then shape the youths with attitudes, competencies and behaviours befitting their role in society and nation building.

Sports culture must be promoted and instilled onto the youth to ensure they are lifelong participants in active and healthy lifestyles. Sports and physical activities have to be a lifelong permanent passion for them. At the same time, the recreational values in sports ensure their sustainability as a lifelong habit, unlike the short career lifespan of elite and professional sports. Once internalized, sports culture will remain permanently in the youth until their adulthood and old age.

Aman, Mohd. Salleh, Omar Fauzee, Mohd. Soffian., Othman, A.T., Lim, K.C., Ali, H.H., Elumalai, G., & Yusof, M.M. 2014. Kajian Budaya Sukan Dalam Kalangan Rakyat Malaysia (Study on Sports Culture among Malaysians). Unpublished Report. Institute for Youth Research Malaysia.

Aman, Mohd. Salleh., Omar Fauzee, Mohd. Soffian., Mohamed, Mawarni. 2007. The Understanding of Meaning and Cultural Significance of Leisure, Recreation and Sport in Malaysia towards Capitalizing Human Resources. Journal of Global Business Management. 3(2) 129-135.

Aman, Mohd. Salleh. 2009. Sport for All and Elite Sport: Understanding Values and Aims for Government Involvement via Leisure Policy. European Journal for Social Sciences. 9 (4).

Azimi Hamzah. 2005. Helping Malaysian Youth Move Forward: Unleashing the Prime Enablers. UPM Inaugural lecture. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Azimi Hamzah. 2014. Empowering Youth as Partners in Nation Building: Positioning Concerned Adults' Mind-set for Wishful Interaction. In Neda Tiraieyari. Ed. Empowering and Transforming Youth Citizenship. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Beard, Colin & Wilson, John P. 2013. Experiential Learning. A handbook for education, training and coaching. London, UK: Kogan Page.

Berry, Matt & Hodgson, Chris. 2011. Eds. Adventure Education. An Introduction. Oxon, UK: Routledge.

Choy, Sarojini & Delahaye, Brian L. 2003. Youth Learners: The authentic neglected species learning for an unknown future. In Bond, Carol and Bright, Phillipa, Eds. Proceedings Annual HERDSA Conference 2003 26. pp. 100-107. Christchurch, New Zealand.

Cote, Jean, Strachan, Leisha, and Fraser-Thomas, Jessica. 2008. Participation, personal development, and performance through youth sport. In Holt, Nicholas L. ed. Positive Youth Development Through Sport. New York: Routledge.

Danish, Steven J., Taylor, Tanya E., and Fazio, Robert J. 2006. Enhancing Adolescent Development through Sports and Leisure. In Adams, Gerald R. and Berzonsky, Michael D. Eds. Blackwell Handbook of Adolescence. Victoria, Australia: Blackwell Publishing.

De Coubertin, Pierre. BrainyQuote.com, Xplore Inc, 2015. http://www.brainyquote.com/quotes/quotes/p/pierredeco140517.htm. Accessed October 22, 2015.

DeGraaf, Donald G., Jordan, Debra J., & DeGraaf, Kathy H. 1999. Programming for Parks, Recreation, and Leisure Services: A Servant Leadership Approach. State College, PA: Venture Publishing.

Edginton, Christopher R., Coles, Roger L., & McClelland, Michele L. 2003. Leisure Basic Concepts. Reston VA: American Association for Leisure and Recreation.

Fraser-Thomas, Jessica L., Cote, Jean, and Deakin, Janice. 2005. Youth sport programs: An avenue to foster positive youth development. In Physical Education and Sport Pedagogy. Vol.10(1) February pp. 19-40. UK: Routledge. DOI: 10.1080/1740898042000334890

Ghosh, Anita. 2012. Olympic and Sport for All: Embodiment of Health, Fraternity and Peace. In Journal of Asiania Sport For All. 2012,12 (1) 107-119.

Hofstede, Geert., Hofstede, Gert Jan, Minkov, Michael. 2010. Cultures and Organizations. Software of the Mind. Intercultural Cooperation and Its Importance for Survival. New York: McGraw-Hill.

Holt, Nicholas L. & Sehn, Zoe L. 2008. Processes associated with positive youth development and participation in competitive youth sport. In Holt, Nicholas L. ed. Positive Youth Development Through Sport. London, UK: Routledge.

International Olympic Committee. 2015. Olympic Charter. Lausanne, Switzerland: International Olympic Committee. Retrieved 8 October 2015. www.olympics.org/Documents/olympic_charter_en.pdf.

Jarvie, Grant. 2006. Sport, Culture and Society. An Introduction. New York: Routledge.

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. 2015. Dasar Belia Malaysia. Putrajaya.

Khoo, Selina. 2005. Sport for All in Malaysia. Policy and Practice. Kuala Lumpur, Malaysia: University of Malaya.

Khoo, Selina. 2008. Uniting Malaysians through Sport for All. Presented paper. Proceedings 12th World Sport for All Congress 2008: Sport for All – for Life. Genting Highlands Resort, Malaysia. November 3-6, 2008. Kuala Lumpur, Malaysia: Olympic Council of Malaysia. pp. 84-87.

Knowles, Malcolm S., Holton III, Elwood F., & Swanson, Richard A. 2005. The Adult Learner. The Definitive Classic in Adult Education and Human Resource Development. London, UK: Elsevier.

Lee, Kwan Meng. 2003. Motives and Preferences for Participation in Outdoor Recreation among Members of Selected Youth Recreation Associations: An Exploratory Study. An unpublished Master of Science dissertation. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Lee, Kwan Meng. 2012. Influence of Mentoring on Learning Outcomes of Pioneering School-based 'International Award for Young People' Programme in Malaysia. Serdang, Malaysia: Universiti Putra Malaysia. An unpublished PhD dissertation.

Leonard II, Wilbert Marcellus. 1998. A Sociological Perspective of Sport. Fifth Edition. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.

McQueen, Michael. 2010. The 'New'Rules of Engagement. A Guide to the Understanding and Connecting with Generation Y. Australia: Nexgen Group.

Ministry of Youth and Sports Malaysia. 2015. About FitMalaysia. www.fit/content/about_us. Accessed May 1,

Ministry of Youth and Sports Malaysia. Hari Sukan Negara. (National Sports Day). Powerpoint presentation.

Mull, R.F., Bayless, K.G., Jamieson, L.M. 2005. Recreational Sport Management. 4th. Edition. Human Kinetics.

Petitpas, Albert J., Cornelius, Allen, and Raalte, Judy V. 2008. Youth Development through Sport. In Holt, Nicholas L. ed. Positive Youth Development Through Sport. New York: Routledge.

Search Institute. 2006. 40 Developmental Assets. A published brochure. Minneapolis: Search Institute. www.search-institute org.

Smith, Tim. Editor. 2012. The Duke of Edinburgh's International Award Handbook. Sixth Edition. London, UK: The Duke of Edinburgh's International Award Foundation.

Stevenson, Angus. 2010. Ed. Oxford Dictionary of English. Third Edition. Oxford, UK: Oxford University Press.

Tapscott, Don. 2009. Grown up Digital. How the Net Generation is Changing the World. New York: McGraw-Hill.

Theokas, C., Danish, S., Hodge, K., and Forneris, 2008. T. Enhancing life skills through sport for children and youth. Holt, N. L. (ed.) Positive Youth Development Through Sport. New York: Routledge.

The United Nations Children's Fund (UNICEF). 2004. Sport, Recreation and Play. New York, USA: United Nations Children's Fund Division of Communication..

Torkildsen, George. 2005. Leisure and Recreation Management. Fifth Edition. Oxon, UK: Routledge.

Weiss, Maureen R. and Wiese-Bjornstal, Diane M. 2009. Promoting Positive Youth Development through Physical Activity. Research Digest. 10(3): Washington, DC: President's Council on Physical Fitness and Sports

Wikipedia. Sport. https://en.wikipedia.org/wiki/Sport. Retrieved 4 October 2015.

Wikipedia. Sport Accord. https://en.wikipedia.org/wiki/SportAccord. Retrieved 4 October 2015.

Witt, Peter A. & Crompton, John L.2003.Positive Youth Development Practices in Recreation Settings in the United States. In World Leisure Journal. No. 2/2003. DOI: 10.1080/04419057.2003.9674311. http://dx.doi.org/10.1080/04419057.2003.9674311.

Witt, Peter A. and Caldwell, Linda L. The Rationale for Recreation Services for Youth: An Evidenced Based Approach. Ashburn, VA: National Recreation and Park Association. www.NRPA.org. 2010.

Zakaria, Z., Jaafar, A.H., Hassan, A.A.G., Saari, M.Y., Megat Daud, M.A.K., Mohd., S., and Bahari, . 2013 .Z. Sports Industry in Malaysia: Contribution Towards the Malaysia Gross Domestic Product. Unpublished report. Institute for Youth Research Malaysia.

Zarrett, Nicole, Lerner, Richard M., Carrano, Jennifer, Fay, Kristen, Peltz, Jack S. and Li, Yibing. 2008 .Variations in adolescent engagement in sports and its influence on positive youth development. In Holt, Nicholas L. ed. Positive Youth Development Through Sport. New York: Routledge.

Authors p*rofile:*

Wasitah Mohd Yusof, PhD
Youth Development
Chief Executive Officer
Institut for Youth Research Malaysia (IYRES)

Lee Kwan Meng, Ph.D (Extension Education),
M.S. Park and Outdoor Recreation, M.B.A. (International Management)
Youth Programme Consultant
International Youth Centre
Kuala Lumpur

Azura Abidin, M.Sc. (Sport Management)
Deputy Director
Sport Development Division
Ministry of Youth and Sports Malaysia

PROFIL TERAS PERTUBUHAN SUKARELA BELIA DI MALAYSIA

SITI RABA'AH HAMZAH, TURIMAN SUANDI & AZIMI HAMZAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan matlamat keterlibatan dalam kerja sukarela ke arah membina profil teras pertubuhan sukarela di Malaysia. Umumnya, pertubuhan sukarela di Malaysia bebas dalam menentukan objektif, matlamat serta tujuan pertubuhan masing-masing. Namun begitu, kesukaran dalam menentukan tujuan pertubuhan sukarela mengikut bidang keutamaan dan juga matlamat sebenar pertubuhan ketika kerja sukarela dijalankan tidak dapat ditentukan dengan tepat. Artikel ini membincangkan secara kritikal profil teras pertubuhan sukarela dengan menggunakan kajian kualitatif melalui pemerhatian turut serta dan temu bual berfokus terhadap 19 ahli jawatankuasa daripada empat buah pertubuhan sukarela di Malaysia. Kajian ini mendapati terdapat enam profil teras kepada pemilihan serta penglibatan aktif sukarelawan dalam menentukan matlamat serta objektif pertubuhan sukarela yang dianggotai oleh mereka: khidmat komuniti; altruisma; kecenderungan menderma; amalan nilai murni; perjuangan sejagat; dan pembangunan kendiri. Kajian ini juga mendapati bahawa khidmat komuniti dan amalan nilai murni merupakan prediktor yang paling utama dalam menentukan seseorang untuk terlibat dalam pertubuhan sukarela.

Kata Kunci: *Sukarelawan, Kerja Sukarela, Pertubuhan Sukarela, Profil Teras.*

ABSTRACT

This study aims to determine the goal of involving voluntary work towards developing a pillar profile of voluntary associations in Malaysia. Generally, voluntary associations in Malaysia are free to determine thier goals, objectives and purposes of each association. However, the difficulties in determining the objectives by the voluntary associations in accordance to their association during the voluntary work could not be determined with precision. This article is intended to critically discuss volunteer association pillar profiles by using qualitative research through participant observation and focus group interviews on 19 members of the committee of four voluntary associations in Malaysia. The study found that there are six core pillars profile on the selection and active participation of volunteers in determining the goals, objectives and purposes of the voluntary association. These include community service; altruism; propensity to donate; practice moral values; activism; and personality development. The study also found that community services and the practice of moral values is the most important predictor in determining a person to engage in voluntary associations.

Keywords: *Volunteers, Volunteers Work, Volunteer Association, Pillar Profile*

PENGENALAN

Pertubuhan sukarela di Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha membantu masyarakat yang memerlukan dalam pelbagai jenis perkhidmatan terutama kebajikan. Sungguhpun kerajaan turut sama dalam memberikan sokongan terhadap aktiviti serta program kesukarelawanan, namun pertubuhan sukarela terus berkembang selari dengan keperluan negara dalam hal berkaitan dengan pembangunan individu, kumpulan serta masyarakat amnya. Perkembangan pertubuhan sukarela ini dapat disaksikan dengan kehadiran dan keahlian sukarelawan serta sikap kesukarelawanan yang wujud dalam kalangan rakyat di Malaysia.

Di Malaysia kerja sukarela melalui pertubuhan telah bermula sejak penubuhan pertubuhan dalam komuniti seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), kelab penduduk setempat, dan juga pertubuhan mengikut bangsa dan agama. Berdasarkan sejarah, penubuhan pertubuhan sukarela di Malaysia telah wujud seawal tahun 1900an. Sebagai contoh, Young Men's Christian Workers Association (YMCA) ditubuhkan pada tahun 1905 semasa zaman pemerintahan Inggeris yang memberikan khidmat sukarela berkaitan dengan hal keagamaan Kristian. Seterusnya, pada tahun 1914, lahir pula Young Women's Christian Association (YWCA) yang merupakan rentetan kepada penubuhan YMCA. Pergerakan pertubuhan ini terus diserapkan ke sekolah-sekolah aliran Inggeris yang ada dengan mudah kerana kebanyakan sekolah Inggeris pada ketika itu ditubuhkan berasaskan aliran agama Kristian. Ekoran daripada perkembangan ini, kaum India dan Cina juga turut menubuhkan dan menganggotai YMCA masing-masing sekitar tahun 1927. Kebanyakan aktiviti dan program mereka disusun bagi memenuhi keperluan ahli seperti aktiviti keagamaan, sukan, pendidikan, kelas rumah tangga, tarian, muzik dan bantuan kepada masyarakat tempatan (Hussain Mohamed, 1986).

Perkembangan pertubuhan sukarela lain juga kemudiannya dilanjutkan ke sekolah-sekolah terutamanya aliran Inggeris dengan menubuhkan pertubuhan beruniform yang bertujuan untuk membentuk disiplin serta tingkah laku yang baik dan positif dalam kalangan pelajar. Terdapat dua buah pertubuhan yang ditubuhkan untuk tujuan tersebut iaitu Saint John Ambulance yang ditubuhkan pada tahun 1908 dan juga Pasukan Pengakap pada tahun 1910. Seterusnya pertubuhan Pandu Puteri ditubuhkan khusus bagi pelajar perempuan pada tahun 1917 dengan tujuan menyediakan khidmat sosial di samping menerapkan disiplin serta semangat berdikari dalam kalangan pelajar.

Perkembangan yang menggalakkan ini terus berlaku apabila Malaysian Association of Youth Clubs (MAYC) atau dalam bahasa Melayunya Persatuan Kelab Belia Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1954. Objektif penubuhannya adalah untuk memberikan khidmat sukarela kepada belia terutamanya belia luar bandar dengan menggemblengkan sumber tenaga belia bagi tujuan pembangunan negara di samping membantu dalam menghadapi hasutan pihak komunis dan orang

yang berkepentingan. Dalam masa 10 tahun, iaitu dari tahun 1954 hingga 1964, sebanyak 348 buah pertubuhan yang telah bernaung di bawah MAYC (Hussain Mohamed, 1986). Menurut Douglas (1972), sekitar tahun 1969 terdapat lebih 10,099 buah pertubuhan sukarela yang beroperasi dan berdaftar di seluruh Semenanjung Malaysia dan sebahagian besar adalah pertubuhan sukarela yang mewakili pelbagai kaum.

Pergerakan pertubuhan sukarela semakin berkembang selepas kemerdekaan dan memberikan anjakan yang lebih tertumpu kepada cabaran untuk membangunkan negara. Sehingga kini, peranan pertubuhan sukarela telah berkembang sejajar dengan keperluan rakyat semasa dengan perkhidmatan yang bercorak pembangunan secara menyeluruh. Selain tujuan utama untuk membantu, mereka juga memberikan bimbingan, nasihat, panduan dan peluang untuk bersaing dalam mendapatkan pelbagai kemudahan dan sumber yang berkaitan untuk mempertingkatkan kesejahteraan dalam kehidupan rakyat amnya.

Walau bagaimanapun, perkembangan pertubuhan sukarela turut berhadapan dengan pelbagai permasalahan. Kekurangan pengetahuan dalam pengurusan pentadbiran serta kemahiran teknikal dalam kalangan anggota pengurusan telah menjejaskan perjalanan sesebuah pertubuhan sukarela. Selain itu, pertubuhan sukarela juga menghadapi masalah kurangnya bilangan sukarelawan untuk berkhidmat dengan ikhlas yang mengakibatkan aktiviti sukarela yang dijalankan kurang cekap dan berkesan. Seterusnya sumber kewangan yang tidak mencukupi dan kesukaran mendapatkan penderma bagi sesetengah pertubuhan juga turut membataskan perkhidmatan pertubuhan ini. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk membincangkan profil pertubuhan sukarela yang aktif di Malaysia. Artikel ini adalah berdasarkan kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif bagi membentuk profil pertubuhan sukarela melalui temu bual berfokus dengan melibatkan anggota serta pemimpin yang aktif dalam menentukan peranan dan tanggungjawab pertubuhan mereka. Artikel ini diharapkan dapat menjawab persoalan mengenai bidang keutamaan dalam menentukan perkhidmatan pertubuhan sukarela yang tepat serta berkesan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai sukarelawan dan profil pertubuhan sukarela di luar negara memang telah banyak dijalankan. Kebanyakan kajian tersebut adalah berdasarkan tiga teori utama iaitu teori peranan (Parsons, 1942; Belansky & Boggiano 1994; Eagly & Crowley 1986) teori ekologi manusia (Bronfenbrenner, 1979) dan teori nilai (Schwartz, 2012) yang digunakan dalam menentukan tujuan, matlamat, serta objektif pertubuhan sukarela mengikut bidang keutamaan ketika kerja sukarela dijalankan. Teori peranan yang diperkenalkan oleh Parsons (1942) dan George (1990) menjelaskan bahawa seseorang individu menerima pakai pelbagai peranan yang dijalankan setiap hari apabila berhadapan dengan masyarakat. Hampir kesemua faktor psikososial tersebut akan terus menjadi sebati dengan diri

seseorang dan akan bercantum untuk membentuk tingkah laku. Seterusnya, teori peranan juga menerangkan bahawa hasil peranan dan tingkah laku tersebut akan menentukan pilihan terbaik dan juga terpenting bagi seorang sukarelawan. Teori ini juga menegaskan bahawa peranan sukarelawan akan sentiasa berterusan dan semakin mantap berdasarkan perubahan masa dan keadaan persekitaran. Sebagai contoh, peranan seseorang individu seperti ibu atau bapa di rumah telah tersemai sebagai ketua dan pemimpin yang akan memastikan urusan serta pentadbiran dalam keluarga berjalan lancar telah mendorong mereka untuk menjadi sukarelawan dengan membawa bersama peranan yang telah sedia ada di dalam keluarga. Begitu juga dengan peranan seorang guru atau mana-mana individu, di mana kerjaya masing-masing akan dapat disesuaikan dalam aktiviti sukarela mengikut pertubuhan sukarela yang tertentu (Reed & Selbee, 2000). Kepelbagaian peranan yang dijalankan oleh orang dewasa dalam mengharungi kehidupan seharian boleh membantu aktiviti sukarela di sepanjang aktiviti atau sesebuah program sukarela yang dilaksanakan (Greenfield & Marks, 2004). Semakin banyak kepelbagaian peranan sukarelawan yang terdapat dalam sesebuah pertubuhan sukarela, semakin mudah dan terancang perjalanan pertubuhan tersebut.

Selain teori peranan, teori ekologi manusia juga mencadangkan tingkah laku seseorang individu amat dipengaruhi oleh sumber di sekeliling individu tersebut iaitu ibu bapa, rakan sebaya, sekolah dan kejiranan (Bronfenbrenner, 1989). Kesemua agen perubahan sosial ini akan mempengaruhi seseorang individu untuk aktif dalam aktiviti bersama masyarakat. Aktiviti serta program kesukarelawanan adalah yang paling berkesan untuk melibatkan seseorang individu bekerja bersama masyarakat (Azizan, 2013). Setiap sukarelawan sanggup membantu masyarakat yang memerlukan terutamanya keperluan asas seperti saranan Maslow (1970) iaitu makanan dan infrastruktur seperti tempat tinggal.

Teori dan konsep nilai yang diketengahkan oleh Schwartz (2012) juga mengaitkan nilai-nilai murni iaitu sifat belas ikhsan serta murah hati sebagai dua nilai penting yang merujuk kepada kesedaran dan berbuat kebajikan kepada masyarakat. Nilai ini dipercayai telah menjadi nadi kepada kebanyakan pertubuhan sukarela untuk bergerak aktif dalam menghulurkan bantuan kepada masyarakat. Kajian terdahulu juga menunjukkan nilai yang kedua iaitu murah hati dapat meningkatkan perasaan simpati serta perasaan ingin tahu yang mendorong sukarelawan kepada penglibatan secara mapan dan berkesinambungan dalam melaksanakan kerja sukarela (Briggs, Peterson & Gregory, 2010). Schwartz juga mencadangkan nilai kesejagatan (universal) merupakan unsur yang penting untuk diamalkan dalam aktiviti serta program sukarela. Nilai kesejagatan dalam kesukarelawanan mampu mendorong seseorang sukarelawan untuk menghargai dan melindungi kebajikan individu, kumpulan dan masyarakat keseluruhannya. Nilai ini amat dituntut dalam melaksanakan aktiviti dan juga semua program sukarela.

METODOLOGI

Artikel ini adalah berdasarkan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pemerhatian turut serta dan temu bual fokus berkumpulan yang melibatkan 16 orang informan kajian yang terdiri daripada sukarelawan daripada empat buah pertubuhan sukarela di Malaysia. Kaedah kualitatif diterima pakai bagi mendapatkan maklumat secara terperinci dan tepat terutamanya apabila pertemuan dengan informan sewaktu pengumpulan data adalah singkat dan terbatas bagi memperoleh data yang lebih fokus dan jelas (Creswell, 1998). Pemilihan informan kajian dilakukan melalui proses persampelan purposif di mana penyelidik telah memilih sukarelawan daripada kalangan ahli jawatankuasa dalam pertubuhan sukarela. Penyelidik berpendapat maklumat yang diberikan oleh pemimpin sebagai informan dalam kajian ini lebih jelas dan tepat memandangkan informan tersebut adalah pemimpin yang penting dan utama dalam pertubuhan serta ahli yang aktif terlibat dengan kerja sukarela.

Kriteria pemilihan informan kajian ditentukan oleh penyelidik berasaskan dua kriteria, iaitu pertubuhan sukarela yang aktif menjalankan kerja sukarela dan informan kajian yang senang dihubungi dalam menetapkan tarikh, masa dan tempat untuk temu bual dijalankan. Penyelidik telah mendapatkan maklumat latar belakang informan kajian seperti bangsa, agama, jantina, umur, etnik, tempoh penglibatan dengan pertubuhan serta pekerjaan informan bagi membantu penyelidik mengetahui maklumat asas. Selain itu penyelidik turut mendapatkan maklumat mengenai pertubuhan seperti tarikh penubuhan, jenis pertubuhan, sebab utama pertubuhan ditubuhkan, matlamat pertubuhan, jaringan pertubuhan, serta jumlah ahli dalam pertubuhan.

Seterusnya penyelidik menggunakan soalan-soalan separa berstruktur yang telah disediakan untuk menjawab objektif kajian. Soalan separa-berstruktur yang digunakan oleh penyelidik semasa sesi temu bual merangkumi beberapa perkara termasuk: 1) latar belakang pertubuhan seperti matlamat dan tujuan pertubuhan; 2) keahlian dan penglibatan ahli dalam aktiviti sukarela pertubuhan; 3) corak dan amalan aktiviti sukarela; 4) peranan dan sumbangan ahli pertubuhan terhadap aktiviti sukarela; 5) pemilihan kerja sukarela dalam pertubuhan; 6) aktiviti ekonomi yang dijalankan bagi menyokong kerja sukarela pertubuhan; 7) faktor-faktor yang mengggalakkan penglibatan dengan kerja sukarela; dan 8) peranan pemimpin dalam konteks kerja sukarela pertubuhan.

Setiap temu bual mengambil masa selama dua hingga tiga jam. Penyelidik mebuat rakaman dan turut mencatatkan faktor-faktor penting yang ditekankan mengenai kerja sukarela dalam buku log penyelidik. Proses ini dapat membantu penyelidik mengemukakan soalan yang seterusnya, mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan dengan maklum balas yang diberi serta mengesahkan maklum balas tersebut. Ini merupakan satu langkah member checks yang diambil oleh penyelidik untuk tujuan pengukuhan data yang diperolehi (Denzin & Lincoln, 1994).

Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan kaedah *constant comparative* yang disarankan oleh Glaser dan Strauss (1967) dan Corbin dan Strauss (1990). Dalam kaedah ini, pengumpulan dan penganalisisan data berjalan serentak. Penyelidik telah memulakan analisis awal data ke atas temu bual yang pertama dijalankan dengan menganalisis serta membina kategori serta tema dan kemudiannya disusuli dengan temu bual yang seterusnya sehinggalah penyelidikan selesai.

Kesemua data yang diperoleh telah ditranskrip secara *verbatim*. Menurut Merriam (2014), data yang telah diperoleh dapat memberi makna kepada penyelidik setelah dianalisis dengan menyusun, memberi kod, mengenal pasti dan mengaitkan kategori dan subkategori serta menulis laporan. Data yang telah dianalisis telah disimpan dalam *Microsoft Word* mengikut kategori dan subkategori dapatan kajian ini. Terdapat enam kategori yang telah dikenal pasti iaitu: khidmat komuniti; altruisma; kecenderungan menderma; amalan nilai murni; perjuangan sejagat; dan pembangunan kendiri.

Limitasi kajian
Sukarelawan dan pertubuhan sukarela yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman. Jumlah bagi sampel untuk kajian ini adalah kecil. Walau bagaimanapun, kepelbagaian latar belakang informan dari segi umur, pengalaman, jantina, etnik dan pekerjaan telah memberikan hasil penemuan yang memberangsangkan. Hasil kajian menunjukkan enam profil utama pertubuhan sukarela di Malaysia yang menentukan penglibatan aktif sukarelawan dalam melaksanakan aktiviti dan program mereka. Kajian menggunakan pendekatan fenomenologi ini menggambarkan fenomena semasa dalam aktiviti serta program sukarela yang sedang dilaksanakan. Seterusnya, kajian ini mencadangkan supaya kajian dijalankan terhadap responden yang lebih luas.

KEPUTUSAN KAJIAN

Seramai 16 orang informan kajian yang telah terlibat dalam temu bual fokus berkumpulan untuk kajian ini. Informan kajian terdiri daripada lelaki (25.0%) dan perempuan (75.0%). Majoriti informan adalah berbangsa Melayu (75.0%), Cina (18.75%) dan India (6.25%), manakala informan yang beragama Islam (75.0%), Buddha (18.75%) dan Hindu (6.25%). Umur informan yang terlibat dalam kajian ini adalah 21 tahun hingga 38 tahun dan majoriti informan kajian bekerja (75.0%) dan tidak bekerja (25.0%).

Informan	Jantina	Umur	Etnik	Agama	Pekerjaan	Pengalaman
In.1	Perempuan	28	Melayu	Islam	Bekerja	10 tahun
In.2	Perempuan	30	Melayu	Islam	Bekerja	8 tahun
In.3	Perempuan	32	Melayu	Islam	Bekerja	7 tahun
In.4	Perempuan	38	Melayu	Islam	Bekerja	15 tahun
In.5	Perempuan	22	Melayu	Islam	Bekerja	5 tahun
In.6	Perempuan	24	Cina	Buddha	Bekerja	6 tahun
In. 7a	Lelaki	34	Cina	Buddha	Bekerja	8 tahun
In. 8a	Lelaki	29	Cina	Buddha	Bekerja	5 tahun
In.10	Perempuan	21	Melayu	Islam	Pelajar	5 tahun
In.11	Perempuan	22	Melayu	Islam	Pelajar	5 tahun
In.12	Perempuan	35	Melayu	Islam	Bekerja	15 tahun
In.14	Lelaki	28	Melayu	Islam	Bekerja	8 tahun
In. 15 a	Perempuan	32	Melayu	Islam	Bekerja	6 tahun
In.17	Lelaki	34	India	Hindu	Bekerja	14 tahun
In.18	Perempuan	22	Melayu	Islam	Pelajar	5 tahun
In.19	Perempuan	21	Melayu	Islam	Pelajar	5 tahun

Hasil kajian menunjukkan profil pertubuhan sukarela di Malaysia dibentuk oleh enam teras iaitu khidmat komuniti; altruisma; kecenderungan menderma; amalan nilai murni; perjuangan sejagat; dan pembangunan kendiri.

HASIL KAJIAN

Khidmat komuniti

Informan kajian menjelaskan mereka melibatkan diri dalam kerja sukarela bertujuan untuk berkhidmat serta memberikan bantuan kepada yang memerlukan. Dapatan kajian adalah selari dengan kajian serta usaha yang dijalankan oleh Hurvitz (2013) di Amerika yang berjaya mendidik belia untuk bersama dalam kerja sukarela dengan memberikan khidmat kepada komuniti dari segi pembangunan sumber manusia dan bantuan kewangan. Informan kajian menerangkan bahawa antara matlamat dan tujuan mereka termasuklah memberikan bantuan kepada yang memerlukan dalam pelbagai aspek kehidupan.

> Saya tanya balik pada diri saya, saya kena buat sesuatu dan sejak itu saya berazam untuk memberi, macam tadi lah, mungkin tidak banyak, tapi boleh kita membantu sewajarnya kepada yang memerlukan. (In.1)

Selain itu, informan kajian juga berpendapat teras dalam aktiviti sukarela adalah membantu orang lain dalam pelbagai kegiatan sosial. Informan kajian menerangkan:

> Jadi saya cari satu benda yang saya boleh buat, bukan untuk saya sahaja, untuk masyarakat. Saya terpanggil, tiba-tiba saya buka website, ternampak pusat aktiviti kanak-kanak Chow Kit. Saya

terfikir saya nak satu kumpulan yang boleh bangunkan anak-anak ini. Saya perlu membantu. Saya mula mencari ahli untuk kumpulan ini dan kami bergerak membantu semenjak 6 tahun yang lalu dalam hal berkaitan dengan pendidikan anak-anak yang terbiar. (In.4)

Bagi saya, motto bagi kelab ini ialah 'berkhidmat', sebelum masuk ke kelab ini kerjaya saya adalah menjual insuran dan memberikan khidmat kepada yang memerlukan. Apabila saya masuk dalam kelab ini saya hanya perlu meneruskan apa yang saya ada untuk membantu komuniti sekeliling saya melalui projek dan program, yang dianjurkan dan menggunakan semua pengalaman yang saya ada... (In. 7a)

Altruisma

Hasil kajian menunjukkan bahawa altruisma merupakan teras motivasi untuk terlibat dalam aktiviti sukarela. Menurut Geiser, Okun, dan Grano (2014) altruisma dapat menentukan tahap keaktifan sukarelawan dalam kerja sukarela. Majoriti informan kajian berpendapat bahawa altruisma adalah faktor penting yang menggalakkan penglibatan mereka dalam program dan kerja sukarela. Sukarelawan yang mempunyai motivasi yang tinggi akan sanggup menggunakan masa, harta dan tenaga bagi menjayakan setiap kerja sukarela.

Saya bermula dengan aktiviti bersama cikgu, Form 2, semasa belajar, cikgu yang mengajar saya. Masa tu umur saya 14 tahun. So, daripada sana saya masuk dalam bidang seni teater. Saya jadi cintakan seni, selepas itu kehidupan saya dah berubah sikit. Dalam jiwa tersemai kehendak untuk menolong orang melalui gerakan teater ni. Saya ajak kawan-kawan berkumpul dan memasyarakatkan seni teater tentang kehidupan kami di pentas. Inilah memotivasikan saya dalam kerja sukarela. Daripada sinilah saya dan ahli sangat aktif mengumpulkan anak muda yang tidak bekerja untuk bersama dengan kami dalam kerja sukarela. (In. 10)

Saya bermula dengan melihat dari jauh iaitu mengikut abang saya yang bertugas sebagai jurukamera untuk mengambil gambar aktiviti sukarelawan dengan gelandangan. Ketabahan sukarelawan ini telah menarik saya untuk terlibat dalam kerja sukarela. Semakin saya aktif dengan kerja sukarela, semakin saya bermotivasi. Sekarang saya juga menjadi sukarelawan sepenuh masa di Yayasan ini. (In. 3)

Saya mula bermotivasi apabila saya berhadapan dengan kumpulan pelajar di tempat saya. Selain menghafal dan menjadi pelajar yang cerdik apa lagi yang kita perlukan? Kerana apabila

habis kelas, saya tanya pelajar persoalan tentang apa yang dekat di hati mereka? Mereka kata ingin berbakti. Saya bawa mereka keluar daripada kelas untuk menemui sekumpulan anak-anak dan ibu tunggal di Kuala Lumpur...pelajar ini berkata inilah yang kami cari. Saya teruskan usaha ini sebagai motivasi kepada diri saya dan kumpulan sukarela ini. (In.4)

Kecenderungan menderma

Kecenderungan menderma dengan memberikan sumbangan merupakan faktor yang utama dalam semua kerja sukarela. Menurut Ellis (2003) sumbangan yang diberikan oleh sukarelawan semasa kerja sukarela dapat menghilangkan beban yang ditanggung oleh penerima tersebut secara fizikal dan mental. Kemusnahan harta benda, hilang keupayaan, gangguan kesihatan dan kesedihan dapat diatasi melalui program dan aktiviti yang diatur oleh sukarelawan. Ini telah dinyatakan oleh informan seperti yang berikut:

Sebenarnya saya seorang doktor perubatan, saya baru terlibat dengan aktiviti sukarela ni tetapi saya mempunyai kekangan masa untuk terlibat dalam semua aktiviti. Saya mampu memberikan sumbangan kewangan dan berharap ianya dapat membantu melalui cara ini untuk saya terlibat dengan program sukarela. Saya juga telah mengwar-warkan aktiviti ini kepada rakan saya melalui persatuan kami... (In. 15a)

Sukarelawan kami bergerak dengan memberikan makanan setiap hari di sebelah petang kepada lebih 100 orang gelandangan di sekitar bandar ini. (In. 14)

Amalan nilai murni

Kerja sukarela juga dipengaruhi oleh amalan nilai murni yang dimiliki oleh sukarelawan. Kajian oleh Brown dan Ferris (2007) mendapati penglibatan dalam kerja sukarela serta aktiviti pembangunan masyarakat dapat meningkatkan modal insan dan modal sosial yang mempunyai kaitan secara langsung dalam amalan nilai murni. Dapatan kajian ini menunjukkan nilai-nilai murni seperti tolong-menolong, belas kasihan, tanggungjawab membantu, dan juga kepuasan turut dijelaskan oleh informan kajian sebagai sebab mereka aktif bersukarela.

Saya perlu menolong orang lain kerana suatu hari nanti orang juga akan menolong saya. Saya juga tidak kisah kalau pada masa hadapan orang tidak membantu saya kerana kerja sukarela ni dapat memberikan kepuasan kepada saya. Of course we serve people is better, is it? (In. 18)

Salah satu sebab saya bersukarela kerana kepuasan. Saya suka berkhidmat kepada masyarakat. Kami telah mula berkhidmat

kepada masyarakat di kawasan ini sekitar tahun 1994. Sekarang dah masuk tahun 2014, sudah hampir 30 tahun. Kami memberikan khidmat kepada masyarakat seperti orang tua, orang istimewa dan orang kurang upaya. (In. 17)

Perjuangan sejagat

Sebahagian besar sukarelawan yang terlibat dalam kajian ini menerangkan mereka memilih untuk bersikap lebih aktif dan agresif untuk perjuangan sejagat dalam menjalankan aktiviti sukarela. Musick dan Wilson (2008) menjelaskan kerja sukarela terbahagi kepada dua aktiviti yang berbeza, iaitu pertama, kerja sukarela yang kekal dan mapan, manakala yang kedua adalah kerja sukarela untuk perjuangan sejagat. Aktiviti perjuangan sejagat termasuklah bergerak dalam mencari dana bantuan, memberikan perkhidmatan profesional seperti kesihatan dan kaunseling serta membantu menyediakan tempat perlindungan. Hasil kajian juga menunjukkan sukarelawan perjuangan sejagat memilih untuk menjalankan kerja sukarela dalam program atau misi bantuan di luar negara.

> *Kami juga memberikan khidmat kepada pelarian daripada United Nations. Kami membentuk kumpulan yang tertentu serta terlatih dalam semua peringkat umur. Kami mengumpulkan sejumlah wang serta keperluan untuk dibawa bersama.* (In. 19)

> *Kami menghantar sukarelawan ke seluruh dunia dalam misi yang disusun oleh kerajaan dan juga persendirian. Kami menyediakan sukarelawan yang sentiasa bersiap sedia dalam pelbagai keadaan. Mengikut rekod kami, sukarelawan kami telah sampai di India, Turki, Australia, New Zealand, Indonesia, Myanmar dan juga Thailand.* (In. 6)

> *Kami juga mempunyai sukarelawan yang sanggup ke luar negara dalam jangka masa yang agak panjang. Mereka selalunya mengeluarkan duit sendiri untuk menampung keperluan harian. Kumpulan ini akan bergerak memberikan bantuan dan dalam masa yang sama turut mencari dana yang sesuai dengan keperluan penerima di negara yang mereka kunjungi.* (In. 4)

Pembangunan kendiri

Pembangunan kendiri merupakan faktor asas dalam menentukan penghayatan sukarelawan dalam kerja sukarela. Dapatan kajian mengukuhkan lagi kajian oleh Finkelstein, Penner dan Brannick (2005) dan Finkelstein dan Brannick (2007) yang mendapati pembangunan kendiri dan identiti sukarelawan menjadi penyebab untuk mereka meluangkan masa dengan kerja sukarela serta jangka masa yang lebih panjang untuk mereka bersama dengan pertubuhan. Selain itu, dapatan kajian juga menyarankan penyerlahan potensi sukarelawan boleh dimantapkan melalui kerja

sukarela (MacNeela & Gannon, 2013). Melalui kerja sukarela, kendiri belia akan menjadi lebih positif kerana perubahan yang berlaku dalam diri sukarelawan termasuk komitmen, kompetensi, kestabilan diri dan keterlibatan dalam kemasyarakatan yang dapat mempengaruhi tingkah laku positif yang membentuk pembangunan diri (Hamzah & Suandi, 2009). Informan kajian menjelaskan:

> *Masa di sekolah saya masuk kelab alpha, apabila sudah habis sekolah saya teruskan dalam kelab Omega yang dianggotai oleh belia lepasan sekolah sehingga bekerja. Saya terus kekal dalam program ini kerana keperluan untuk diri saya bersukarela dan mendapat latihan yang percuma melalui setiap program yang saya ikuti. Saya belajar untuk menganjurkan program seperti program refugee...* (In. 8a).

> *Kita sebagai manusia, kita ada pengalaman bukan satu hala saja. Macam mana kita punya persekitaran, kita punya kawan-kawan, kita punya saudara. Semua pengalaman ini mendorong saya untuk terlibat dengan kerja sukarela.* (In. 12)

> *Memang kita ada pegangan agama, tapi kita kena tahu kita punya niatlah, intention kita, apa kita nak buat. Dan kita kena kuat. Saya kena bertolak ansur lah. Sebab suami saya bagi aktif dalam kerja sukarela sebab saya dah bawa dia. Saya bawa dia pergi chow kit, saya bawa dia pergi free market, saya bawa dia pergi mana-mana. So, I cakap, this is my job. Ini yang saya buat. Saya bukan nak apa, saya nak berkongsi sebenarnya.* (In. 5)

> *Saya pernah berhadapan dengan sekumpulan anak muda yang bertanyakan apakah maksud khidmat masyarakat? Saya ambil masa untuk jelaskan kerana khidmat masyarakat yang mereka tahu adalah kerja gotong-royong. Saya betulkan mereka, maksud sukarela ialah memberi tanpa mengira pulangan kepada yang memerlukan. Sehingga kini saya sudah ada 45 orang ahli sukarelawan yang kekal bersama saya dan mereka amat mudah tersentuh hati dan sentiasa bersedia untuk melaksanakan kerja sukarela.* (In. 2)

Perbincangan

Artikel berdasarkan kajian kualitatif ini bertujuan untuk menentukan teras pemilihan kerja sukarela ke arah membina profil pertubuhan sukarela di Malaysia yang mempunyai pelbagai matlamat, objektif dan tujuan untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Hasil kajian menunjukkan terdapat enam faktor penyebab utama yang telah menentukan keaktifan dan pemilihan utama aktiviti serta program yang dijalankan oleh sesebuah pertubuhan sukarela di Malaysia, iaitu: khidmat komuniti; altruisma; kecenderungan menderma; amalan nilai murni; perjuangan sejagat dan

pembangunan kendiri yang menentukan peranan pertubuhan sukarela.

Hasil kajian juga telah menyokong ketiga-tiga teori yang dicadangkan iaitu teori peranan, teori ekologi dan teori nilai. Menurut informan kajian, khidmat komuniti adalah peranan yang paling utama dan penting sebagai sebab mereka terlibat dengan aktiviti sukarela. Hal ini dapat dikaitkan dengan teori peranan yang menjelaskan sukarelawan akan menerima pakai semua peranan yang dilaksanakan setiap hari dalam aktiviti sukarela. Peranan mereka dalam kehidupan seharian seperti seorang rakan, ibu atau bapa akan mempengaruhi peranan dan tanggungjawab mereka apabila berhadapan dengan peserta aktiviti serta program sukarela. Begitu juga dengan peranan sukarelawan dalam memegang jawatan seperti guru, jururawat, doktor dan sebagainya. Kesemua pengetahuan dan kemahiran yang ada akan digemblengkan untuk memberikan khidmat kepada masyarakat. Kajian juga mendapati secara tidak langsung hubungan dan jaringan dapat diwujudkan melalui usaha sukarelawan ini bersama dengan agensi pembangunan setempat dalam membangunkan komuniti.

Seterusnya, hasil kajian juga menunjukkan sukarelawan bermotivasi untuk turut serta dalam aktiviti sukarela kerana didesak oleh amalan dan nilai murni yang dimiliki. Dapatan kajian ini sejajar dengan teori nilai oleh Schwartz yang menyatakan kebangkitan diri mempunyai pengaruh positif terhadap tingkah laku prososial berkaitan dengan hal-hal kebajikan yang menyebabkan seseorang individu lebih prihatin dan bersedia untuk membantu orang yang memerlukan. Informan yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai latar belakang bangsa dan agama. Mereka telah terdidik dengan agama Islam, Hindu, Buddha atau Kristian yang telah mengajar amalan serta nilai-nilai murni sejak sekian lama. Begitu juga dengan amalan budaya dalam setiap etnik di Malaysia telah berjaya disemai melalui kempen budi bahasa dan amalan nilai murni bagi memperkukuhkan kekuatan peribadi dan jati diri individu. Sejajar dengan objektif serta matlamat bagi kebanyakan pertubuhan sukarela di Malaysia yang berteraskan khidmat komuniti dalam pelbagai bentuk perkhidmatan, amalan nilai murni amat diperlukan.

Profil pertubuhan sukarela sangat penting bagi memastikan khidmat sukarela dapat diaplikasikan kepada penerima yang memerlukan dalam masa, tempat serta sumber yang tepat. Maklumat terkini mengenai profil pertubuhan sukarela merupakan satu keperluan yang dapat memenuhi arah aliran kesukarelawanan kontemporari yang semakin berkembang di Malaysia. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai maklumat asas untuk sukarelawan dan sebagai data kepada pertubuhan dan agensi sukarela di Malaysia.

RUJUKAN

Azizan Bahari. 2013. Bekerja dengan komuniti. Kangar: Pustaka Qarya. Belansky, Elaine S., and Ann K. Boggiano. 1994. Predicting helping behaviors: The role of gender and instrumental/expressive self-schemata. Sex Roles 30, no. 9-10: 647-661.

Briggs, Elten, Mark Peterson, and Gary Gregory. 2010. Toward a better understanding of volunteering for nonprofit organizations: explaining volunteers' pro-social attitudes. Journal of Macromarketing 30, no. 1: 61-76.

Bronfenbrenner, Urie. 1979. The ecology of human development: Experiments by design and nature. Cambridge: Harvard University Press.

Bronfenbrenner, Urie. 1989. Ecological systems theory. In R. Vasta (Eds), Six theories of child development: Revised formulations and current issues. 187-250. Greenwich: JAI Press.

Brown, Eleanor, and James M. Ferris. 2007. Social capital and philanthropy: An analysis of the impact of social capital on individual giving and volunteering. Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly 36, no. 1: 85-99.

Corbin, Juliet M., and Anselm Strauss. 1990. Grounded theory research: Procedures, canons, and evaluative criteria. Qualitative sociology 13, no. 1: 3-21.

Creswell, John W. 1998. Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions. Thousand Oaks: Sage.

Denzin, N. K. 1994. Introduction: Entering the field of qualitative research. In N. K. Denzin & YS Lincoln,(Eds.). Handbook of qualitative research (pp. 1-17).

Douglas, Stephen A. 1972. Voluntary associational structure in Malaysia: Some implications for political participation. Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly 1, no. 1: 24-37.

Eagly, Alice H., and Maureen Crowley. 1986. Gender and helping behavior: A meta-analytic review of the social psychological literature." Psychological bulletin 100, no. 3: 283.

Ellis, Claire. 2003. Participatory environmental research in tourism: A global view. Tourism Recreation Research 28, no. 3: 45-55.

Finkelstein, Marcia A., Louis A. Penner, and Michael T. Brannick. 2005. Motive, role identity, and prosocial personality as predictors of volunteer activity. Social Behavior and Personality: An International Journal 33, no. 4: 403-418.

Finkelstein, Marcia A., and Michael T. Brannick. 2007. Applying theories of institutional helping to informal volunteering: Motives, role identity, and prosocial personality." Social Behavior and Personality: An International Journal 35, no. 1: 101-114.

Geiser, Christian, Morris A. Okun, and Caterina Grano. 2014. Who is motivated to volunteer? A latent profile analysis linking volunteer motivation to frequency of volunteering." Psychological Test and Assessment Modeling 56, no. 1: 3-24.

George, Jennifer M. 1990. Personality, affect, and behavior in groups." Journal of Applied Psychology 75, no. 2: 107.

Glaser, Barney G., and Anselm L. Strauss. 1967. The discovery of grounded theory: Strategies for qualitative research. Chicago: Aldine.

Greenfield, Emily A., and Nadine F. Marks. 2004. Formal volunteering as a protective factor for older adults' psychological well-being. The Journals of Gerontology Series B: Psychological Sciences and Social Sciences 59, no. 5: 258-264.

Hamzah, Siti Raba'ah, and Turiman Suandi. 2009. Youth leaders as change agents in sustaining youth organisations: a case study of Malaysia." Commonwealth Youth and Development 7, no. 1: 18-27.

Hurvitz, Lori A. 2013. Building a culture of student philanthropy. In Drezner, N. (Ed.), Expanding the donor base in higher education. New York: Routledge.

Hussain Mohamed. 1986. Gerakan Belia di Malaysia. Shah Alam: Gateway Publishing House.

Maslow, Abraham H. 1970. New introduction: Religions, values, and peak-experiences. Journal of Transpersonal Psychology 2, no. 2: 83-90.

MacNeela, P., & Gannon, N. 2014. Process and positive development: An interpretative phenomenological analysis of university student volunteering. Journal of Adolescent Research, 29 no. 3: 407-436. doi:10.1177/0743558413510968.

Merriam, Sharan B. 2014. Qualitative research: A guide to design and implementation. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.

Musick, Marc A., and John Wilson. 2007. Volunteers: A social profile. Indiana University Press.

Parsons, Talcott. 1942. Some sociological aspects of the fascist movements. Social Forces. 21: 138.

Reed, Paul B., and Kevin Selbee. 2000. The Influence of Early Life Experiences on Civic Behaviours. Ottawa: Statistics Canada, Draft Research Report prepared by the Nonprofit Sector Knowledge Base Project. http://www3.carleton.ca/casr/McGill.pdf.

Schwartz, Shalom H. 2012. An overview of the Schwartz theory of basic values. Online Readings in Psychology and Culture 2, no. 1: 11.

Suandi, Turiman, Siti Raba'ah Hamzah, and Ismi Arif Ismail. "ATINER's Conference Paper Series SOS2014-1244."

Profil Penulis:

Siti Raba'ah Hamzah,
Jabatan Pemajuan Profesional & Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia
sitirabaahhamzah@gmail.com

Turiman Suandi, PhD.
Jabatan Pemajuan Profesional & Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia
turiman55@gmail.com

Azimi Hamzah, PhD.
Jabatan Pemajuan Profesional & Pendidikan Lanjutan
Universiti Putra Malaysia
azimi49@gmail.com

INFLUENCE OF SOCIAL NETWORKING ON ACADEMIC

SHAKIRATUL HANANY ABD RAHMAN & STEPHEN, J.

ABSTRACT

The future generation's competency in the English language is highly dependent on the performance of our very own TESL students as they are the future English language teachers who must be efficacious to make all the difference. Hence, any issues that could jeopardize their performance can never be taken lightly. This research was carried out to investigate whether TESL students' level of addiction to social networking sites (SNSs) influences their academic performance. A questionnaire was used to gather data from ninety-three Semester 8 TESL students from the Faculty of Education, UiTM Shah Alam. SPSS version 16.0 was used to analyse the data obtained. Despite the initial prediction that students' addiction towards SNSs is interrelated with their academic performance, this study found that there is no significant relationship between the two aforementioned variables. The finding contradicts several other studies on the relationship between SNSs addiction and academic achievement.

Keywords: *Social Networking Sites (SNSs), Internet Addiction and Academic Performance*

ABSTRAK

Kompetensi berbahasa Inggeris generasi yang akan datang adalah amat bergantung pada tahap pencapaian para pelajar TESL memandangkan mereka adalah merupakan guru Bahasa Inggeris di masa akan datang yang mampu melaksanakan segala perubahan. Oleh itu, semua isu yang boleh menjejaskan pencapaian mereka tidak boleh dipandang ringan. Penyelidikan ini telah dijalankan untuk mengenalpasti samada tahap ketagihan para pelajar TESL terhadap media sosial mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Soal selidik telah digunakan untuk memperoleh data daripada sembilan puluh tiga para pelajar TESL Semester 8 dari Fakulti Pendidikan, UiTM Shah Alam. SPSS versi 16.0 telah digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh. Hasil dapatan penyelidikan ini mendapati bahawa hubungan yang siknifikan antara ketagihan terhadap media sosial dan pencapaian akademik pelajar tidak wujud walaupun ramalan awalnya adalah sedemikian. Hasil dapatan ini adalah bertentangan dengan penyelidikan-penyelidikan sebelum ini yang dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara ketagihan media sosial dengan pencapaian akademik.

Kata Kunci: *Media Sosial, Ketagihan Internet, Pencapaian Akademik*

INTRODUCTION

SNSs as defined by Boyd & Ellison (2008) are "web-based services that allow individuals to (1) construct a public or semi-public profile within a bounded system, (2) articulate a list of other users with whom they share a connection, and (3) view and traverse their list of connections and those made by others within the system". In particular, SNSs are websites or applications (app) that can be accessed on various devices that allow users to get instant updates from anyone in their contact list, be it in the form of newsfeed, tweets, status updates, picture uploads, comments on the 'Wall' and the list goes on.

It has been observed that students tend to be logged on to SNSs while doing tasks or assignments through the multiple devices they possess. Despite the common scenario where students would browse through their smartphones to check for the latest updates on their SNSs accounts while listening to lectures, very little did we know whether the academic grades are affected, particularly that of TESL students. It is true that SNSs could serve as a tool to enable instructors and students to communicate virtually regarding academic matters. The website edudemic. com provides immensely useful information on the positive use of social media in education. Any academic-related announcements and information could be made available on the SNSs, especially Facebook.

However, heavy usage of SNSs could also have an adverse effect on students' academic performance. This claim could be further supported by several studies that have been conducted previously (Karpinski & Duberstein, 2009; Kirschner & Karpinski, 2010; Glass et al., 2013; Ahsan ul Haq & Sohail Chand, 2012; and Junco, 2012). Nevertheless, there are always two sides of a coin; there are also studies that show contradictory findings, (Kolek & Saunders, 2008; Martin, 2009; Syarif Husin et al., 2011; and Moon, 2011) which means that the addiction is not interrelated with their CGPA.


> *"Tunku Abdul Razak. Tun Abdul Razak dia dapat mengendalikan pakatan murni antara kaum. Lepas itu, kemerdekaan dapat dicapai dengan harmoni dengan gemilang."*
>
> *(A05 – Temu bual Sharmila)*

"Tunku Abdul Rahman, Tun V.T. Sambanthan, Dato' Onn Jaafar, Tun H.S. Lee dan sebagainya. Dato' Onn Jaafar pernah mengetuai orang Melayu bernaung di bawah UMNO yang dibuat oleh beliau dan dia juga mengetuai IMP yang menegakkan konsep kerjasama kaum dalam satu parti. Beliau merupakan tokoh politik yang paling awal menyedari kepentingan kerjasama pelbagai kaum."

(A07 – Temu bual Stephanie)

"Beberapa contoh yang saya tahu ialah Tunku Abdul Rahman dan Tun Tan Cheng Lock. Daripada tokoh yang saya sebutkan, saya memilih Tunku Abdul Rahman disebabkan jasanya yang amat besar kepada negara iaitu beliau mendapatkan perjanjian kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di London daripada Queen Elizabeth."

(A09 – Temu bual Thracy)

"Saya cuma tahu beberapa orang tapi yang saya paling suka saya rasa Tun V.T. Sambanthan. Ada lagi Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman itu semua orang tahu. Tun V.T Sambanthan telah menyeru kaum India untuk memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara Malaysia saya rasa."

(A11 – Temu bual William)

Selain itu, temu bual dengan responden berkaitan perjuangan tokoh-tokoh tempatan menentang pihak penjajah seperti yang pernah dipelajari dalam mata pelajaran Sejarah juga dimasukkan ke dalam sub tema ini. Pengkaji telah meminta responden untuk memberikan contoh tokoh nasionalisme yang diketahui serta menyatakan sebab tokoh tersebut menentang pihak penjajah. Antara tokoh nasionalisme yang diberikan oleh responden termasuklah Dato' Maharaja Lela, Rentap, Tok Janggut dan Syarif Masahor.

"Dato' Maharaja Lela, Dato' Syarif Masahor, Rosli Dhobi, Rentap. Di negeri Perak, Residen memungkiri fungsinya dalam Perjanjian Pangkor tak silapnya. Dato' Maharaja Lela macam dia tidak berpuas hati dengan cukai yang dijalankan oleh pihak British."

(A02 – Temu bual Azri)

"Tok Janggut, Rentap dan Dol Said. Rentap menentang James Brooke kerana Brooke yang bertindak menghapuskan orang Iban di Sungai Skrang yang dianggap lanun."

(A04 – Temu bual Ian)

"Rentap, Tok Janggut, Sharif Masahor. Tok Janggut menentang pihak British di negeri Kelantan kerana pihak British buat satu

Sistem Penasihat. Rakyat pada waktu itu dipaksa untuk membayar cukai."

<div align="right">

(A06 – Temu bual Sharmila)

</div>

"Yang paling popular masa itu adalah Dol Said, Tunku Abdullah, Dato' Maharaja Lela, Dato' Bahaman dan Rentap. Di Sarawak, Syarif Masahor menentang keluarga Brooke kerana James Brooke dia mengambil kawasan Sungai Rajang daripada Sultan Brunei dan kalau tak silap pada masa itu, terdapat pelantikan Henry Steele sebagai wakil British di Kanowit dan membangkitkan kemarahan dia."

<div align="right">

(A08 – Temu bual Stephanie)

</div>

"Contoh tokoh-tokoh tempatan yang pernah menentang pihak penjajah yang saya tahu ialah Dato' Maharaja Lela, Rentap dan Dato' Bahaman. Dato' Maharaja Lela menentang penjajah disebabkan pihak penjajah bertindak menghapuskan sistem perhambaan dan mengenakan cukai."

<div align="right">

(A10 – Temu bual Thracy)

</div>

"Yang paling diingati oleh saya adalah Rentap dan Rosli Dhobi. Setahu saya daripada buku teks yang saya belajar dulu, saya dapati Rentap dia berbangkit dan menentang keluarga James Brooke. Kalau tak silap saya, sebab mereka dianggap sebagai lanun oleh keluarga James Brooke. Ada lagi iaitu James Brooke telah mencabuli hak mereka orang tempatan."

<div align="right">

(A12 – Temu bual William)

</div>

Mengenali dan Menghormati Lambang-lambang Negara

Dalam sesi temu bual yang dijalankan, pengkaji turut meminta responden untuk menyatakan lambang-lambang negara yang pernah dipelajari dalam mata pelajaran Sejarah serta menjelaskan makna bagi salah satu lambang negara yang telah disebutkan. Antara lambang negara yang telah diberikan oleh responden termasuklah bendera Malaysia, Yang di-Pertuan Agong, lagu Negaraku, jata negara, bunga raya dan Rukun Negara.

"Jata negara, bendera Malaysia, Yang di-Pertuan Agong, lagu Negaraku. Lagu Negaraku merupakan lagu semua rakyat Malaysia tak kira kaum. Semua rakyat menyanyi satu lagu untuk 1Malaysia iaitu lagu Negaraku. Sepatut-patutnya, kita hendaklah memberi hormat sekurang-kurangnya kita berdiri tegak."

<div align="right">

(B01 - Temu bual Azri)

</div>

"Bunga raya, bendera Malaysia dan jata negara. Dalam bendera Malaysia, mempunyai empat warna iaitu merah, kuning, biru

dan putih. Warna merah melambangkan keberanian. Warna putih melambangkan kesucian. Warna biru melambangkan perpaduan. Warna kuning melambangkan kedaulatan.”

(B02 – Temu bual Ian)

“Jata negara, bendera Malaysia Jalur Gemilang, bunga raya. Bunga raya terdapat lima kelopak. Lima kelopak itu melambangkan lima prinsip Rukun Negara. Lima prinsip Rukun Negara itu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan.”

(B03 – Temu bual Sharmila)

“Saya pernah belajar jata negara, bendera kebangsaan, lagu kebangsaan dan lain-lain. Saya rasa lagu Negaraku menggambarkan kesetiaan rakyat yang tidak berbelah bahagi kepada tanah air. Dan lirik lagu Negaraku juga menuntut kita supaya bersyukur, taat kepada raja dan sanggup berkorban demi mempertahankan negara. Saya juga rasa lagu ini membangkitkan semangat patriotik dan cinta akan tanah air.”

(B04 – Temu bual Stephanie)

“Lambang negara yang saya tahu adalah seperti tugu negara, bendera Malaysia. Maksud empat warna dalam bendera Malaysia iaitu warna merah bermaksud keberanian. Warna biru bermaksud perpaduan. Warna putih bermaksud kesucian dan warna kuning melambangkan kedaulatan Raja-Raja Melayu.”

(B05 – Temu bual Thracy)

“Bunga raya, lagu kebangsaan, Rukun Negara dan juga bendera Malaysia. Saya akan pilih bendera kebangsaan lah iaitu juga digelar sebagai Jalur Gemilang. Ada sesuatu yang unik iaitu mereka ada empat belas jalur yang terdiri daripada merah dan putih saya rasa dan itu melambangkan gabungan negeri di Malaysia. Dalam bendera Malaysia, warna biru melambangkan perpaduan rakyat, Warna kuning kalau tidak silap saya melambangkan kedaulatan Raja-Raja, warna merah melambangkan keberanian dan warna putih melambangkan kesucian.”

(B06 – Temu bual William)

Menghargai Tradisi dan Budaya Bangsa

Sub tema ini berkaitan dengan bahagian terakhir dalam sesi temu bual yang mengkehendaki responden untuk memberikan contoh tradisi dan budaya bagi mana-mana kaum yang pernah dipelajari dalam mata pelajaran Sejarah sebelum ini. Antara budaya dan tradisi yang telah diberikan oleh responden termasuklah tradisi

masyarakat di Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah.

> *"Kaum Minangkabau di Negeri Sembilan. Rumah yang berbucu macam tanduk."*
>
> *(C01 – Temu bual Azri)*

> *"Masyarakat Iban menyambutkan Hari Gawai Dayak pada awal bulan Jun. Orang Iban menyambut Hari Gawai sebagai tanda kesyukuran memperoleh hasil tuaian padi. Pada Hari Gawai, orang Iban menari tarian Gawai iaitu tarian Ngajat. Orang Iban turut memasak 'manok pansoh' iaitu ayam yang dimasak dalam buluh."*
>
> *(C02 – Temu bual Ian)*

> *"Tradisi Kadazan-Dusun di negeri Sabah. Mereka mengamalkan Pesta Kaamatan. Pesta Kaamatan itu dibuat untuk sebagai tanda kesyukuran untuk hasil padi yang banyak selepas mereka menuai. Pada hari tersebut, mereka akan buat tarian Sumazau. Lepas itu, mereka akan buat pertandingan ratu cantik yang dipanggil Unduk Ngadau."*
>
> *(C03 – Temu bual Sharmila)*

> *"Tradisi dan budaya orang Kayan yang menarik perhatian saya iaitu bertindik telinga dan menggantung gelang-gelang timah pada cuping telinga sehingga menjadi lanjut. Menurut adat resam mereka, gelang tersebut melambangkan kecantikan dan jenis anting-anting juga melambangkan status yang berbeza dan diwarisi turun-temurun. Selain itu, mereka juga melukis tatu ataupun mencacah badan dengan pelbagai corak yang mempunyai makna tersendiri."*
>
> *(C04 – Temu bual Stephanie)*

> *"Saya berikan salah satu contoh tradisi budaya iaitu daripada tradisi budaya kaum Iban. Mereka mengadakan Pesta Gawai sebagai tanda kesyukuran selepas habisnya musim menuai dan mereka mengadakan pertandingan 'kumang' dan 'keling' sebagai tanda memeriahkan sambutan tersebut."*
>
> *(C05 – Temu bual Thracy)*

> *"Saya tahu ada orang Penan, orang Kelabit, orang Iban. Orang Iban akan menggantung tengkorak manusia di rumah mereka, rumah panjang untuk menghalau roh-roh kejahatan. Selain itu, mereka juga ada kebiasaan menyimpan itu tempayan yang juga dikenali sebagai tajau."*
>
> *(C06 – Temu bual William)*

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji berpendapat unsur patriotisme dari segi berbangga sebagai rakyat Malaysia yang dibangunkan dalam kurikulum Sejarah tidak memadai untuk membina pemahaman konsep patriotisme yang homogen dalam persekitaran multi-etnik di Malaysia. Hal ini kerana wujud pemahaman yang berbeza dalam kalangan setiap etnik terhadap konsep patriotisme. Masyarakat Melayu memahami patriotisme sebagai kesedaran dan keperluan untuk mempertahankan perkara-perkara yang terkandung dalam Perlembagaan seperti bahasa Melayu, agama Islam serta institusi Raja-Raja Melayu. Masyarakat Cina pula mentafsir konsep patriotisme sebagai usaha untuk mengekalkan identiti yang melambangkan etnik mereka seperti pendidikan Cina, bahasa ibunda dan juga dari sudut pegangan kuasa ekonomi. Konsep patriotisme yang dipegang oleh masyarakat India lebih bersifat fleksibel iaitu mengakomodasi dan mengadaptasi diri mereka dengan persekitaran semasa untuk tujuan survival. Perspektif yang berbeza telah mewujudkan pemahaman konsep patriotisme yang tidak homogen antara setiap etnik.

Halangan utama untuk membentuk pemahaman konsep patriotisme yang homogen adalah wujudnya etnosentrisme dalam konteks masyarakat plural seperti di Malaysia. Hal ini bermaksud setiap etnik mempunyai kepentingan yang ingin dilindungi dan dipertahankan. Di Malaysia, senario yang paling jelas adalah berlaku etnosentrisme antara etnik Melayu dengan etnik Cina. Masyarakat Melayu ingin mempertahankan hak-hak istimewa atau status quo sebagai penduduk asal Tanah Melayu yang telah termaktub di dalam Perlembagaan. Pada waktu yang sama juga, masyarakat Melayu berpendapat bahawa dasar-dasar negara yang diperkenalkan harus bertujuan mempertahankan survival etnik mereka. Contohnya, Dasar Bahasa Kebangsaan yang memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ataupun agama Islam yang diiktiraf sebagai agama rasmi negara.

Hak istimewa yang dimiliki oleh masyarakat Melayu misalnya telah dipersoalkan oleh masyarakat Cina. Masyarakat Cina beranggapan bahawa semua etnik seharusnya menerima ataupun mempunyai hak yang sama sebagai warganegara Malaysia. Perbezaan hak antara etnik mewujudkan diskriminasi yang secara jelasnya telah berlaku. Ketidaksamaan hak tersebut telah mewujudkan survival dalam kalangan masyarakat Cina untuk bersaing dengan masyarakat Melayu yang merupakan penduduk majoriti di negara ini. Justeru, masyarakat Cina berpendapat pengekalan identiti mereka menjadi satu keperluan selagi wujudnya hak istimewa masyarakat Melayu yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Sebaliknya, masyarakat Melayu telah mempersoalkan *survival* dalam bidang ekonomi, pendidikan Cina dan penggunaan bahasa ibunda yang tidak ingin dilepaskan oleh masyarakat Cina. Bagi masyarakat Cina, elemen-elemen tersebut merupakan primary strength yang perlu dipertahankan untuk menjamin kelangsungan survival mereka. Pada waktu yang sama, masyarakat Cina meletakkan isu-isu yang

berkaitan dengan nilai seperti cinta akan negara dan bangsa sebagai *secondary strength*. Oleh itu, timbul persoalan sejauh manakah takrifan mengenai konsep patriotisme masyarakat Cina terikat dengan diri, keluarga dan masyarakat Cina itu sendiri? Adakah patriotisme yang dimaksudkan itu merujuk kepada kecintaan terhadap bangsa masyarakat Cina itu sendiri ataupun bangsa Malaysia? Persoalan-persoalan tersebut telah menimbulkan keraguan dalam kalangan masyarakat Melayu terhadap cara masyarakat Cina menunjukkan sikap patriotik mereka kepada negara.

Kewujudan etnosentrisme merupakan halangan utama untuk membentuk konsep patriotisme yang homogen dalam kalangan etnik di Malaysia. Sekiranya setiap etnik bersedia untuk melepaskan kepentingan masing-masing seperti masyarakat Melayu melepaskan hak-hak istimewa yang termaktub di dalam Perlembagaan ataupun masyarakat Cina melepaskan pegangan kuasa ekonominya, hal ini sudah semestinya dapat membuka langkah ke arah usaha membentuk satu dimensi mengenai konsep patriotisme yang baharu. Setiap etnik akan berpegang kepada konsep patriotisme yang homogen iaitu cinta akan negara Malaysia dan bangsa Malaysia. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi oleh Malaysia sebelum mencapai status sebuah negara bangsa.

Salah satu cabaran yang terpaksa dihadapi adalah dari aspek pendidikan. Sistem pendidikan di Malaysia masih lagi bersifat top down dan terikat dengan ideologi politik. Pendidikan telah dijadikan sebagai medium untuk mengindoktrinasi atau dijadikan sebagai alat propaganda untuk mendukung tujuan parti-parti tertentu. Pemilihan dan penjelasan pensejarahan di dalam buku teks misalnya bagi mata pelajaran Pendidikan Sejarah telah ditentukan oleh parti politik semasa yang mentadbir negara kita. Sebagai contoh, kurikulum Sejarah tingkatan lima bab lima yang membincangkan tentang topik Pembinaan Negara dan Bangsa yang Merdeka. Sekiranya diteliti secara telus, perbincangan kandungan dalam bab tersebut lebih mengutamakan perjuangan Parti Perikatan berserta dengan manifesto semasa pilihan raya umum 1955. Persoalan yang timbul adalah mengapakah perjuangan parti-parti lain seperti Persatuan Islam Se-Tanah Melayu, People's Progressive Party dan parti-parti lain yang berhaluan kiri tidak dibincangkan secara kritis di dalam bab tersebut? Keadaan sedemikian jelas menunjukkan wujudnya unsur bias dalam pemilihan sejarah untuk dijadikan sebagai kurikulum.

Isu yang sama juga berlaku dari segi penulisan pensejarahan mengenai etnik-etnik yang terdapat di dalam buku teks bagi mata pelajaran Pendidikan Sejarah. Pemilihan isi kandungan sejarah dilihat masih lagi bersifat berat sebelah serta berlaku pentafsiran sejarah yang bias seperti hanya mengagung-agungkan pengorbanan dan sumbangan golongan tertentu sahaja. Sebagai contoh, kurikulum Sejarah tingkatan tiga bab tiga yang membincangkan tentang topik Ancaman Pihak Komunis Malaya dan Darurat. Panel penulis buku teks tersebut telah menyatakan bahawa "PKM memerintah selama 14 hari: Banyak orang Melayu terbunuh dan rumah mereka dibakar oleh PKM" serta "Kesanggupan dan keberanian orang Melayu *(Home Guard)* melawan pengganas komunis secara berhadapan amat

mengagumkan Pesuruhjaya Tinggi British pada masa itu". Penulisan sedemikian jelas tidak mengambil kira sumbangan masyarakat Cina dan India pada ketika itu yang juga berani menentang PKM sehingga sesetengah daripada mereka telah dibunuh oleh tentera PKM. Malah, penyertaan masyarakat Cina dalam Home Guard bagi mempertahankan keselamatan Kampung Baru juga tidak diperjelaskan sedangkan idea penubuhan sistem Home Guard dicadangkan oleh Tun Tan Cheng Lock sendiri untuk mendapatkan sokongan masyarakat Cina menentang pengganas PKM.

Oleh itu, hal ini telah menimbulkan persoalan mengenai "Sejarah siapakah yang dipelajari di dalam Pendidikan Sejarah?" Kandungan di dalam kurikulum Sejarah ternyata lebih membincangkan pensejarahan masyarakat Melayu yang merupakan penduduk majoriti di Malaysia. Pensejarahan bagi etnik-etnik lain pula sememangnya ada dibincangkan tetapi tidak dikupas secara menyeluruh. Kurikulum Sejarah yang masih lagi bersifat malay-centric sebenarnya tidak menggambarkan atau menampakkan usaha untuk membina konsep patriotisme yang homogen dalam kalangan etnik.

Justeru, kandungan kurikulum Sejarah perlu dirombak semula agar sumbangan setiap etnik di negara ini dapat dilihat dengan jelas dan seterusnya dihargai secara bersama. Sumbangan tokoh-tokoh yang terdiri daripada setiap etnik seharusnya dicakupi secara menyeluruh dan bukannya dipilih *(selected)*. Hal ini dapat mengelakkan sejarah yang dipelajari bersifat malay-centric serta berupaya merangsang pelajar-pelajar untuk menghayati sejarah yang dipelajari itu adalah milik bersama. Malah, setiap etnik juga berpeluang memahami sejarah bagi etnik-etnik yang lain. Penggubalan kurikulum sedemikian mampu membentuk pemahaman konsep patriotisme yang homogen dalam kalangan masyarakat berbilang etnik di Malaysia.

Sesetengah tema dalam kurikulum Sejarah juga dilihat kurang relevan dengan usaha membentuk konsep patriotisme yang homogen dalam kalangan pelajar. Tema-tema seperti i) Tamadun Awal Manusia; ii) Tamadun Islam dan Perkembangannya; dan iii) Perkembangan di Eropah dan Kesannya Terhadap Ekonomi Negara merupakan antara tema yang dilihat sukar untuk memupuk nilai patriotisme ataupun integrasi kaum kerana pensejarahannya dianggap terlalu 'jauh' dengan konteks sejarah Malaysia. Sebaliknya, tema-tema yang memperlihatkan peranan dan sumbangan setiap etnik dari aspek politik, ekonomi dan sosial seharusnya diberikan tumpuan dalam penggubalan kurikulum Sejarah.

Tema berkaitan dengan proses dan pengisian kemerdekaan juga sepatutnya diberikan lebih banyak penekanan serta dibincangkan secara kritis dalam kurikulum Sejarah. Peranan dan sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Dr. Ismail, Tun Tan Siew Sin, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V.T. Sambanthan perlu dikupas dan diperhalusi dari aspek patriotik terhadap negara. Jasa tokoh-tokoh tersebut kepada negara seharusnya dijadikan sebagai model patriotisme

terbaik generasi terdahulu dalam membentuk persefahaman konsep patriotisme yang memenuhi maksud kepelbagaian etnik di Malaysia. Melalui penghayatan terhadap jasa tokoh-tokoh yang terdiri daripada pelbagai etnik, barulah mudah konsep patriotisme yang homogen dapat diterapkan atau disampaikan kepada pelajar-pelajar.

Berdasarkan dapatan kajian juga, pengkaji berpendapat bahawa aras pemikiran pelajar mengenai nilai-nilai patriotisme masih berada di aras pengetahuan iaitu aras terendah dalam Taksonomi Bloom. Maklum balas berkaitan dengan pemikiran nilai-nilai patriotisme yang diberikan oleh pelajar dalam konteks kajian ini hanya sekadar mengingat semula peristiwa sejarah yang pernah dipelajari sebelum ini. Pelajar-pelajar dilihat masih belum mempunyai kemampuan untuk memahami atau menjelaskan nilai-nilai patriotisme berdasarkan isi kandungan sejarah yang telah dipelajari. Pembelajaran setakat mengetahui peristiwa-peristiwa sejarah khususnya melalui teknik penghafalan sudah semestinya tidak dapat menjana kemahiran berfikir aras tinggi yang ditekankan dalam Pendidikan Sejarah.

Dalam usaha meningkatkan aras pemikiran pelajar mengenai nilai-nilai patriotisme berdasarkan pembelajaran isi kandungan Sejarah, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan guru-guru Sejarah harus menggubal soalan-soalan peperiksaan yang menjurus ke arah menguji serta mencungkil perasaan, sikap, dan isi hati pelajar. Soalan-soalan yang digubal bukan sahaja harus menguji penguasaan pelajar terhadap fakta-fakta sejarah malah turut menilai dari segi aras pemikiran tentang nilai-nilai patriotisme dan iktibar yang boleh dipelajari melalui peristiwa-peristiwa sejarah. Usaha tersebut sudah jelas kelihatan melalui pelaksanaan Sejarah Kertas 2 dan pengenalan Sejarah Kertas 3 dalam SPM. Pengujian dari aspek domain afektif dapat dilihat di bahagian terakhir bagi setiap soalan yang bertujuan menilai sejauh mana peristiwa sejarah dapat membina aras pemikiran pelajar mengenai nilai-nilai patriotisme.

Apabila membincangkan tentang soal penggubalan soalan-soalan yang menguji pemikiran nilai-nilai patriotisme pelajar, LPM dan guru-guru Sejarah tidak boleh bersikap rigid ataupun terikat dengan pilihan yang terdapat di dalam skema jawapan. Soalan-soalan yang berbentuk i) Pada pandangan anda; ii) Berikan justifikasi anda; atau iii) Pada pendapat anda boleh terdiri daripada pelbagai jawapan dan tidak semestinya hanya satu jawapan yang betul sahaja. Di bahagian akhir pilihan jawapan bagi soalan-soalan tersebut harus diletakkan pernyataan 'Mana-mana jawapan yang munasabah'. Dengan itu, markah boleh diberikan kepada pelajar sekiranya telah memberikan jawapan yang relevan dan sesuai. Markah tambahan juga harus diberikan kepada pelajar yang berupaya membuat perkaitan antara peristiwa sejarah dengan pemikiran nilai patriotisme mereka.

Aras pemikiran pelajar mengenai nilai-nilai patriotisme dalam kurikulum Sejarah yang masih berada di aras pengetahuan juga mungkin disebabkan oleh kekangan masa pengajaran. Berdasarkan kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh

KPM, waktu pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Sejarah telah ditetapkan 120 minit ataupun tiga waktu seminggu. Walaupun telah dibekalkan tiga waktu seminggu untuk pengajaran, guru-guru Sejarah lazimnya masih menghadapi kekangan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Sebagai contoh, guru-guru Sejarah dikehendaki untuk menghabiskan sukatan pelajaran Sejarah tingkatan lima sebelum peperiksaan percubaan SPM. Justeru, ada sesetengah guru Sejarah yang sedaya upaya untuk menghabiskan sukatan pelajaran dengan secepat mungkin agar tidak dipersoalkan oleh ibu bapa pelajar ataupun pihak pentadbir sekolah. Keadaan ini seterusnya menyebabkan domain afektif seperti pemikiran nilai-nilai patriotisme berdasarkan isi kandungan Sejarah kurang diberikan tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Penetapan tiga waktu seminggu untuk pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Sejarah juga tidak mengambil kira sekiranya guru-guru Sejarah mempunyai komitmen yang lain. Guru pakar Sejarah lazimnya akan dijemput oleh sekolah-sekolah lain untuk memberikan ceramah atau bengkel berkaitan dengan teknik-teknik menjawab soalan-soalan peperiksaan. Kadang kala, guru-guru Sejarah turut dikehendaki oleh Pejabat Pentadbiran Daerah ataupun Jabatan Pelajaran Negeri untuk menjalankan tugas-tugas rasmi di luar sekolah. Hal ini belum termasuk program atau aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah seperti sukan tahunan dan sebagainya. Keadaan sedemikian sudah tentu mengambil masa atau mengganggu masa pengajaran seseorang guru Sejarah.

Pengenalan Sejarah Kertas 3 turut memberikan pengaruh ke atas masa pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Tema am berkaitan dengan Sejarah Kertas 3 akan dikeluarkan oleh LPM sebulan sebelum peperiksaan. Guru-guru Sejarah lazimnya akan menggunakan masa pengajaran yang ada untuk berbincang dengan pelajar-pelajar mengenai tema tersebut dan membina soalan-soalan yang mungkin dikeluarkan berserta dengan skema jawapan untuk soalan-soalan tersebut. Perbincangan tersebut sudah tentu mengambil masa yang sepatutnya digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Implikasinya, terdapat sesetengah guru Sejarah mengambil pendekatan untuk mengajar topik yang mungkin dikeluarkan dalam peperiksaan sahaja ataupun menghabiskan sukatan pelajaran dengan tergesa-gesa untuk mempersiapkan pelajar menjawab soalan peperiksaan tanpa menitikberatkan aspek pemikiran nilai patriotisme pelajar.

Memandangkan permasalahan sebenar berpunca daripada waktu pengajaran yang terhad, pihak KPM seharusnya mengambil inisiatif untuk menambahkan waktu pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Sejarah. Penambahan bilangan waktu pengajaran diperlukan lebih-lebih lagi apabila Sejarah Kertas 3 mula diperkenalkan pada tahun 2013 di dalam peperiksaan SPM. Malah, penambahan bilangan waktu pengajaran adalah selari dengan beban Pendidikan Sejarah yang kini merupakan mata pelajaran yang wajib lulus sebagai syarat untuk mendapatkan sijil SPM. KPM boleh memperuntukkan sekurang-kurangnya lima waktu seminggu bagi mata pelajaran Pendidikan Sejarah agar menyamai taraf bahasa Malaysia yang

juga merupakan mata pelajaran wajib lulus di peringkat SPM.

Pemikiran nilai patriotisme pelajar berdasarkan pembelajaran isi kandungan Sejarah yang masih dikategorikan sebagai aras pengetahuan dalam kajian ini menunjukkan aspek latihan perguruan perlu diutamakan terutamanya kepada bakal-bakal guru dan guru novis. Pemilihan calon-calon untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang perguruan khususnya bidang Pendidikan Sejarah perlu berlatarbelakangkan kepada minat yang mendalam serta kesediaan menggalas tanggungjawab untuk menjana pemikiran nilai patriotisme dalam kalangan pelajar. Hal ini penting agar calon-calon guru yang terpilih dapat dilatih secara profesional untuk menjadi seorang guru yang bukan sahaja dapat menguasai kandungan kurikulum Sejarah dengan baik malah berupaya menekankan aspek pemikiran nilai patriotisme dalam proses pengajaran.

Bagi guru-guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Sejarah, KPM seharusnya merangka kursus-kursus khas kepada guru-guru tersebut agar mereka dapat memahami kurikulum Sejarah secara holistik dan komprehensif. Guru-guru bukan opsyen perlu didedahkan dengan latihan yang bersifat mikro dan amali secara konsisten untuk menguasai bidang Pendidikan Sejarah. Latihan yang diberikan perlu disesuaikan dengan matlamat kurikulum Sejarah itu sendiri yang menekankan pemupukan nilai patriotisme dan jati diri sebagai warganegara Malaysia. Dengan itu, barulah guru-guru tersebut dapat memahami serta menyelami aspirasi yang ingin dicapai dalam mata pelajaran Pendidikan Sejarah.

KPM pada masa hadapan juga harus mengkaji semula kesesuaian Kursus Perguruan Lepasan Ijazah untuk mengisi kekurangan guru-guru Sejarah di sekolah. Memandangkan Pendidikan Sejarah kini telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM, KPM harus membuat unjuran guru-guru Sejarah yang diperlukan pada masa hadapan. Bilangan calon yang mengikuti kursus perguruan dalam bidang Pendidikan Sejarah di institusi pengajian tinggi awam pada setiap tahun boleh ditentukan berdasarkan unjuran yang telah dilakukan itu. Dengan itu, masalah kekurangan guru Sejarah ataupun masalah guru bukan opsyen yang diminta untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Sejarah boleh diatasi. Hal ini juga memastikan bilangan guru-guru Sejarah keluaran institusi pengajian tinggi awam adalah selari dengan keperluan semasa.

Apabila membincangkan tentang soal pemikiran nilai-nilai patriotisme yang masih berada di aras rendah daripada dapatan kajian yang diperoleh, hal ini menunjukkan keperluan seseorang guru Sejarah untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran. Kaedah chalk and talk yang lazimnya digunakan oleh guru-guru Sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak sesuai lagi digunakan pada masa kini. Sebaliknya, konsep pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar perlu dilaksanakan dan diberi nafas yang baharu. Pembelajaran sedemikian amat digalakkan kerana mendukung teori konstruktivisme iaitu pelajar membina ilmu pengetahuan melalui penglibatan yang aktif serta berupaya

menghubungkaitkan pengalaman pembelajaran dengan maklumat baharu bagi menyelesaikan permasalahan yang wujud.

Penglibatan seseorang pelajar amat digalakkan dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran Sejarah yang berpusatkan kepada pelajar. Penglibatan secara langsung dalam proses pembelajaran yang berbentuk hands on dan minds on dapat memberikan ruang kepada pelajar untuk menunjukkan sikap, reaksi, pandangan dan pendirian masing-masing. Setiap maklum balas yang diberikan oleh pelajar seharusnya diterima dengan seadanya kerana tiada istilah betul atau salah dalam pembelajaran Sejarah. Maklum balas yang berbeza mengenai sesuatu peristiwa sebenarnya turut menjana pemikiran kreatif dan kritikal dalam kalangan pelajar. Dengan itu, akan wujud pelbagai pemikiran, perasaan dan semangat yang boleh membantu pelajar untuk menjana idea-idea yang bernas serta mewujudkan keseronokan dalam kalangan pelajar untuk mempelajari Sejarah. Begitu juga dengan aspek pemikiran nilai-nilai patriotisme yang boleh ditingkatkan sekiranya pelajar diberikan peluang untuk memberikan interpretasi sendiri mengenai perisitiwa-perisitiwa sejarah yang telah dipelajari.

Selari dengan perubahan teknologi, guru-guru Sejarah juga seharusnya lebih berinovasi dan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah bagi memastikan pemikiran nilai-nilai patriotisme dapat diterapkan ke dalam diri pelajar. Salah satu aspek yang perlu diambil kira adalah penggunaan sumber-sumber sejarah. Penerokaan sumber-sumber di luar buku teks dan pusat sumber seperti lawatan ke muzium, arkib ataupun tempat-tempat bersejarah sebenarnya amat digalakkan kerana lebih memberikan kesan yang positif dari segi pemahaman peristiwa-peristiwa sejarah mahupun pemikiran nilai-nilai patriotisme. Contohnya, pelajar-pelajar berpeluang melihat secara terus imej dan dokumen perjanjian yang memperlihatkan kerjasama parti berasaskan kaum dalam membentuk Parti Perikatan ataupun tokoh-tokoh daripada semua kaum yang terlibat dalam proses kemerdekaan negara.

Walau bagaimanapun, guru-guru Sejarah yang ingin menggunakan sumber-sumber di luar buku teks dan pusat sumber mungkin berhadapan dengan kekangan seperti kos yang tinggi ataupun masa perjalanan yang panjang. Sebagai cadangan untuk mengatasi masalah tersebut, KPM melalui Bahagian Teknologi Pendidikan boleh mengadakan kerjasama dengan pihak arkib ataupun muzium untuk mendigitalkan sumber primer (artifak, imej, fosil, dan keterangan lisan) serta sumber sekunder (akhbar, buku dan ensiklopedia). Sumber-sumber yang telah didigitalkan seterusnya boleh disebarkan melalui rangkaian internet yang boleh dicapai seperti portal pendidikan, perpustakaan, muzium atau arkib digital. Penjelasan dan pentafsiran terhadap sumber-sumber tersebut perlu menggambarkan unsur-unsur patriotisme yang melibatkan semua kaum untuk memupuk dan membangkitkan nilai patriotisme.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, setiap etnik mempunyai pemahaman konsep patriotisme yang

berbeza. Kepelbagaian pemahaman tersebut boleh wujud disebabkan oleh pengaruh sosialisasi daripada latar belakang keluarga ataupun budaya sesebuah etnik. Cabaran utama yang terpaksa dihadapi dalam membentuk pemahaman patriotisme yang homogen adalah mengetepikan etnosentrisme setiap etnik. Sikap setiap etnik yang sanggup melepaskan kepentingan masing-masing merupakan langkah pertama untuk mewujudkan pemahaman patriotisme yang homogen. Seterusnya, kurikulum Sejarah yang digubal perlu bersifat Malaysian-centric iaitu membincangkan sejarah semua kaum termasuklah sumbangan dan peranan tokoh masing-masing dalam membangunkan negara. Dengan itu, barulah tumpuan dapat diberikan kepada usaha untuk meningkatkan aras pemikiran nilai patriotisme pelajar yang homogen dengan mengambil kira i) penggubalan soalan yang menguji nilai patriotisme; ii) penambahan waktu pengajaran; iii) peningkatan latihan profesionalisme perguruan; iv) kepelbagaian kaedah pengajaran; dan v) inovasi terhadap sumber-sumber sejarah.

RUJUKAN

Abdul Rahim Abdul Rashid. 1999. Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori dan Amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Ahamad Bin Rahim, Azwani Binti Ismail, Abdul Razaq Bin Ahmad, Zahara Binti Aziz & Sharifah Nur Puteh. 2011. Kurikulum Sejarah ke arah pembentukan perpaduan kaum di Malaysia. Jurnal Pendidikan dan Latihan 3(1): 1-17.

Ahmad Ali Bin Seman. 2009. Pemupukan patriotisme melalui Pendidikan Multikultural dalam Pendidikan Sejarah di Malaysia: Satu tinjauan perspektif. Jurnal Ilmu-Ilmu Sejarah, Budaya dan Sosial 1(2): 28-49.

Amla Mohd. Salleh. 2008. Menyemai nilai untuk masyarakat harapan. Dlm. Mohd. Arif Ismail & Amla Mohd. Salleh (pnyt.). Media: Penerapan dan Pemupukan Nilai, hlm. 1-16. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Anuar Bin Ahmad. 2001. Warganegara patriotik, masyarakat sivil dan Pendidikan Sejarah. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke Arah Pembentukan Warganegara Patrotik. Anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum dan Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur, 8-12 Oktober.

Azwani Ismail, Ahamad Rahim, Hardianaema Ribu, Zahara Aziz & Sharifah Nor Puteh. 2011. Pemupukan semangat patriotisme dalam mata pelajaran Sejarah. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional. Anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Kuala Lumpur, 14-15 Disember.

Barr, R.D., Barth, J.L. & Shermis, S.S. 1977. Defining the Social Studies. Arlington Va.: National Council for the Social Studies.

Chua, K.H. 2007. Pembangunan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah tingkatan dua: Perbandingan antara empat jenis sekolah. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.

Haminah Binti Suhaibo. 2007. Pemupukan patriotisme dalam Pendidikan Sejarah. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 1979. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002a. Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Sejarah Tingkatan Satu. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002b. Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Sejarah Tingkatan Empat. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. 2010. Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. MALIM – SEA Journal of General Studies 11: 117-130.

Norrizan Binti Seman. 2003. Perkembangan Pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia (1874 hingga 2002). Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial: Universiti Malaya.

Wilbinah Bahoi. 2013. Kaedah soalan Sejarah Kertas 3 SPM Pentaksiran 2013 dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah: Meningkatkan semangat patriotisme murid. Prosiding Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013, hlm. 188-213.

Profil Penulis:

Anuar Bin Ahmad
Jabatan Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
anuarahmadukm@gmail.com

Peter Ling Huo Hang
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
peter_ling88@hotmail.com

Nur Atiqah Tang Abdullah PhD
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
atiqah@ukm.edu.my

EMAIL USAGE AMONG YOUTH STAFF IN MALAYSIAN PUBLIC AND PRIVATE UNIVERSITIES

ANUAR SHAH BALI MAHOMED, MICHAEL G. MCGRATH & MAREE KEATING

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan mengkaji faktor yang mempengaruhi penggunaan emel dalam kalangan kakitangan belia di universiti awam dan swasta di Malaysia. Model Penerimaan Teknologi (TAM) telah digunakan sebagai asas penyelidikan untuk mengkaji hubungan Tanggapan Mudah Guna (PEOU) dan Tanggapan Kebergunaan (PU) dengan penggunaan emel (U). Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik dan kajian diedarkan dalam kalangan kakitangan belia bukan akademik di empat buah universiti awam dan empat buah universiti swasta di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan pengaruh yang signifikan positif PEOU ke atas PU dalam penggunaan emel dalam kalangan kakitangan belia universiti awam dan swasta di Malaysia . Kedua-dua PEOU dan PU mempunyai pengaruh positif dengan penggunaan emel dalam kalangan mereka. Akhirnya, PU mempunyai kesan pengantaraan pada hubungan PEOU dan penggunaan emel. Kakitangan belia dengan tahap PEOU yang tinggi menyumbang kepada PU yang tinggi dan seterusnya menyebabkan penggunaan emel yang lebih tinggi dalam kalangan kakitangan belia tersebut.

Kata Kunci: *Belia, Emel, Model Penerimaan Teknologi (TAM), Tanggapan Mudah Guna (PEOU), Tanggapan Kebergunaan (PU)*

ABSTRACT

This article investigates factors that influence email usage among youth staff members in Malaysia public and private universities. The Technology Acceptance Model (TAM) was used as the basis of the research framework to look into the relationship of perceived ease of use (PEOU) and perceived usefulness (PU) on email usage (U). Data collection was done using survey questioners distributed among non-academic youth staff in four public and four private universities in Malaysia. The research findings showed a significant positive influence of PEOU towards PU on email usage among youth staff in Malaysian universities. Both PEOU and PU have significant positive influence on email usage among them. Finally, PU has a mediation effect on the relationship of PEOU and email usage. Youth staff with higher PEOU level has contributed to higher PU, subsequently resulted in higher email usage among that particular youth staff mentioned.

Keywords: *Youth, Email, Technology Acceptance Model (TAM), Perceived Ease of Use (PEOU), Perceived Usefulness (PU)*

INTRODUCTION

Electronic mail, also known as email was first introduced in 1960's for channeling communication between single computer users (Peter 2004). As internet becomes the way of life for most people in the recent years, electronic mail communication has been the most popular communication medium used in most organizations (Habil 2010). Email is "---a series of protocols to enable messages containing text, images, sound, and video clips to be transferred from one internet user to another" (Laudon & Traver 2002, p. 154). Email was initially used only for sending and reading messages alone (Peter 2004), however, email nowadays is suggested to be capable of managing action, distributing information and gratify social needs (Habil 2010). Below is quoted from a publication by Osterman Research (2010: 2):

> *"Email has changed from a tool focused primarily on communications to an information portal for the typical user. For example, most email clients or browser-based equivalents are used to: send and receive email messages, attach word processing documents, presentations and spreadsheets, create, respond to and [to] be reminded of appointments, manage tasks, manage contacts, manage real-time communications [and] take notes. [In addition], ---email is used as a portal for social networking interactions, a sort of clearinghouse for various social media feeds, not to mention the integration of real-time communications into email clients that is replacing standalone instant messaging clients".*

Eunson (2012) has listed down the benefits of using email instead of other conventional information conveyer. Email ensures the same message reaches all appropriate persons at almost the same time if needed. In addition, email is asynchronous; meaning the sender can send the message at one time and the receiver has the privilege to receive the message at another time, there need not be a proper scheduling for the prospect receivers to gather and listen to the same message at one particular time. Email also allows attachments in the form of files that contain graphics which are capable of displaying real information instead of vivid memos. The most outweighed benefit towards organizational communication is that the email healthily instigates upward and lateral communication and is effectively quicker than paper-based memos (Eunson 2012). Unfortunately, the email is not without some weaknesses. It may be perceived to be pointless and to some extent annoying if the sender has been abusing the usage or has been out focusing the message therefore risking redundancy. If again sent too frequently, emails may not be read or given attention or taken seriously. Email may be used as an excuse for some writers to avoid face to face communication be it superiors avoiding explanation or employees avoiding request disappointment. An email written in a hurry may be displaying carelessness and may seem unprofessional. In addition, an email may become difficult to be filed, stored or accessed and users risk data lost once software or hardware becomes damaged (Eunson 2012).

EMAIL USAGE WORLDWIDE

According to Radicati (2015), email usage continues to increase all over the world. In 2015, the number of worldwide email users is estimated to be nearly 2.6 billion and by the end of 2019, the increase is estimated to be over 2.9 billion. Given the estimated world population is 7.6 billion in 2019 (Cisco 2015), almost one-third of the world population will be using electronic mail by the end of 2019 (Radicati 2015).

The average number of email accounts per user ratio will grow from 1.7 accounts to 1.9 accounts per user over the next four years. Email continues to show stable growth despite the increased use of IM and social networking since it is compulsory to initiate an email account before accessing most social networking service. This requirement, a valid email address, is also applied to all online transactions services mainly shopping and banking. However, the number of email accounts all over the world is expected to increase faster than the number of email users since many users are likely to have several email accounts (Radicati 2015). Table 1 explains the statistic of worldwide email accounts and users.

Table 1: Worldwide Email Accounts and Users

	2015	2016	2017	2018	2019
Worldwide Email Accounts (M)	4,353	4,626	4,920	5,243	5,594
%Growth		*6%*	*6%*	*7%*	*7%*
Worldwide Email Users* (M)	2,586	2,672	2,760	2,849	2,943
% Growth		*3%*	*3%*	*3%*	*3%*
Average Accounts Per User	1.7	1.7	1.8	1.8	1.9

Source: Reproduced from Radicati (2015)

In 2015, the total number of emails received and sent per day is over 205 billion. The number is predicted to increase at an average yearly rate of 3% making the expected total number of email activities 246 billion by the end of 2019 (Radicati 2015). Table below explains the daily email traffic worldwide.

Table 2: Daily Email Traffic

Daily Email Traffic	2015	2016	2017	2018	2019
Total Worldwide Emails Sent/Received Per Day (B)	205.6	215.3	225.3	235.6	246.5
% Growth		*5%*	*5%*	*5%*	*5%*
Business Emails Sent/Received Per Day (B)	112.5	116.4	120.4	124.5	128.8
% Growth		*3%*	*3%*	*3%*	*3%*
Consumer Emails Sent/Received Per Day (B)	93.1	98.9	104.9	111.1	117.7
% Growth		*6%*	*6%*	*6%*	*6%*

Source: Reproduced from Radicati (2015)

EMAIL USAGE IN MALAYSIA

A study by Ipsos among 24 countries across the world showed that as high as 85% of respondents are using emails (Ipsos 2012) while in Malaysia, many studies suggest that less than 35% of the sample population are found to be using emails (Mahomed 2015). A study among 4,000 Malaysian between the ages of 15 to 64 years old, regardless of social status, showed that only 33% of the samples used email whilst Facebook was used by about 71% of the samples (see figure 1) (Nielsen 2010). The study signifies the difference in usage between email and Facebook in Malaysia.

Figure 1: Internet Activities among Malaysian Citizens Between October and December 2010 for the last 30 days

Source: Reproduced from Nielsen (2010)

In a study by Osman et al. (2011) which looked into multiple variables in smartphone usage (such as application software, email, internet browsing, ringtones and other mobile applications), concluded that despite admitting to having experience internet browsing, half of the respondents have no email account and only one-third used email frequently. The study found that among the substantial 1,814 respondents, 75% of them have experienced browsing the internet, 44.3% did not have any email account and 29.8% used email frequently. These results suggest that Malaysia is facing an issue in email usage, volume and responsiveness particularly when compared to developed countries.

A more recent study by Mahomed (2015) on the level of email usage among non-academic staff in Malaysian public and private universities found private universities received a significantly higher number of official emails usage as compared to public universities with the mean rank for private universities was 234.41 while for public universities only 173.44 at 0.05 significance level. Detail findings on email received in Malaysia for both public and private universities, suggested that 30.1 % of the respondents received 6-10 messages per day, 21.9% of the respondents received more than 20 messages per day, 17.4% received 16-20 messages per day, 15.4% received around three to five messages per day and 14.9% received 11 to 15 messages. Only 1 respondent reported receiving two messages or less (Mahomed 2015).

Whilst findings for email sent between Malaysian public and private universities, suggested that one-third of the respondents (33.3%) sent 3-5 messages per day. For the frequent users, 20.1% sent 6-10 messages daily, 11.7% sent 16-20 messages per day, 9% sent more than 20 messages per day, while 33 respondents (8.2 per cent) sent 11-15 messages per day. Only 0.5% or two respondents sent two messages or less per day. In addition, a mean rank of 172.26 for public universities and 235.79 for private universities clearly reflect that private universities have higher numbers of official emails sent compared to public universities p-value ≈ 0.00 (Mahomed 2015).

YOUTH AND INFORMATION TECHNOLOGY

Malaysian population under 15 years old has been found to be decreasing from 33.3% in 2000 to 27.6% in the year 2010. The same reduction is happening towards the working age population (15 to 64 years) from 67.3 % to 62.8% whilst the pensioners population (> 65 years) increased from 3.9% to 5.1% most likely due to increased health awareness therefore prolonging life and the change in social culture that no more encourages lots of children as previously practiced. This has led to the increased of the median age from 23.6 years in 2000 to 26.2 years in 2010, while the dependency ratio decreased from 59.2 per cent to 48.5 per cent. All these variables indicates the transition towards being an ageing population in Malaysia (Mahomed 2015 cited from Department of Statistics Malaysia 2010, p. 6). Figure 2 below suggests that the population of youth in Malaysia aged below 30 years are

more than 15 million which is more than half of the whole Malaysian population (Department of Statistics Malaysia 2010). The details of composition of population by sex and age group are depicted in the figure given below:

Figure 2: Composition of Population by Sex and Age Group in 2000 and 2010

Source: Reproduced from the Department of Statistics, Malaysia (2010, p. 6)

The definition of Youth according to United Nations Education, Scientific, and Cultural Organization 2015) as follows:

> *"Youth is best understood as a period of transition from the dependence of childhood to adulthood's independence and awareness of our interdependence as members of a community. Youth is a more fluid category than a fixed age-group. However, age is the easiest way to define this group, particularly in relation to education and employment. Therefore "youth" is often indicated as a person between the age where he/she may leave compulsory education, and the age at which he/she finds his/her first employment. This latter age limit has been increasing, as higher levels of unemployment and the cost of setting up an independent household puts many young people into a prolonged period of dependency. ---- The UN, for statistical consistency across regions, defines 'youth', as those persons between the ages of 15 and 24 years, without prejudice to other definitions by Member States".*

In Malaysian context, Bahari (1995) defines youth based on values, spirit and idealism. The community likewise, considered youth as living the age ranged between 15 – 40 years old as suggested by Malaysian Youth Council, post National Youth Policy in 1980. However, recently the Malaysian government in the new National Youth Policy have changed the range of the age from 15-40 years old to 15-30 years old starting from 2018 in order to provide opportunities for generation aged under 30 years to be at the helm of leadership to shape the future parallel to development of national transformation (Omar 2014). And since the writers' research is more related to information technology studies, the range age of 15-30 years old was used in order to focus into this specific young group in line with the future plan by the government.

Teenagers nowadays grow with the internet making the social media and networking as their most used communication media in gaining acquaintance, information, knowledge and amusement. In a study by Jalil et al. (2010), 98 undergraduate students from the age of 18 to 23 years old were studied and found that both mass media and social media were equally consumed by the youth in terms of media influence and trustworthiness. It could be debated that social media complemented the mass media and they have somehow become a part of youth activities of daily living (Jalil et al. 2010).

Kapahi et al. (2013) has looked into the addiction of internet among Malaysian youth and found that there is a high risk of internet addiction for those aged between 18 – 25 years old. This is the same age group of which internet usage was the highest. On the other hand, Sathye (1999) found no association between age groups and internet adoption in Australia, however, willingness to adopt information technology tools are greater shown in younger age groups (Alsukkar 2005; Alhujran 2009).

Malaysian youth at the age group of 15 to 24 was ranked fourth as most active Internet users globally. These teenagers are called "Digital natives", defined as youths aged 15 to 24 with at least five years of active internet use. They consist of 13.4 per cent or more from the other 3.9 million Malaysians, accounting for nearly three quarters of the country's youths (Sipalan 2013 cited from United Nations International Telecommunication Union 2013).

Love which is not guided by religion and reason can lead youth to engage in free sex, unwanted pregnancy, and the abandonement of new born babies. Islam celebrates love and affection upon mankind. Love in Islam does not hurt oneself and society. Therefore, the aim of this study is to introduce the psychological love from the Islamic perspective and to see how this understanding can expand one's horizon of thinking and prevent Muslims from involving in various social problems. This content analysis study was based on selected literature. The review of literature elicited that the concept of love from Islamic perspective is not limited to romantic love only, but most fundamental is the love of Allah SWT. This qualitative study adheres to the thematic analysis method on understanding the various types of love. The results showed that psychological concept of love can be used in various branches of psychology, such as social psychology, developmental psychology, personality, psychology of religion and cross-cultural psychology. The study also found that

there are some underlying principles in Islam in relation to the human relationships that can be used as a mechanism in the prevention of free sex, unwanted pregnancy and new born babies abandonment. Overall, the study found that adolescents who understand the psychology of love in the wider context can abstain themselves and the society from the destructive element that is caused by love.

PENDAHULUAN

Teori dan kajian tentang cinta sentiasa dikaji dari semasa ke semasa dalam pelbagai bidang ilmu, seperti biologi (Diamond 2003; Critelli, Myers & Loos 1986) , kognitif (Fisher et al. 2002; Fisher 2002) dan evolusi (Plutchik 1980; Buss 1994). Malah, cinta menjadi dasar kepada pengalaman hidup manusia yang kompleks. Pandangan ahli psikologi sosial menekankan bahawa cinta juga dapat difahami dengan mempertimbangkan struktur sosial di mana pola-pola hubungan peribadi terungkap (Dion, & Dion, 2006). Satu ketika dahulu, Dion dan Dion (1988) telah menulis tentang hubungan antara konteks sosial dan hakikat cinta dalam buku The Psychology of Love, dan mendapati sejumlah kecil kajian dalam psikologi sosial yang telah mengambil kira perspektif budaya. Akan tetapi sekarang, telah terbukti wujudnya pertumbuhan minat yang besar untuk mengkaji kesan budaya dan faktor budaya yang berkaitan dengan cinta dalam proses intrapersonal dan interpersonal (Dion & Dion, 2006). Psikologi cinta juga telah dikaji dalam bidang Psikologi Budaya, Psikologi Interpersonal, Psikologi Perkembangan, Personaliti dan juga Psikologi Agama.

Berbeza dengan apa yang diperolehi oleh para pengkaji cinta di Barat, pengkaji cinta Muslim menjadikan Qur'an dan Sunnah sebagai rujukan dan mendapati bahawa konsep cinta adalah luas dan bersifat universal di mana ia merangkumi cinta sesama manusia, makhluk selain manusia dan cinta kepada Tuhan (Suzana et al 2012; Syaidatun & Maznah 2009; Syaidatun 2013). Antara aspek cinta dalam Islam adalah merangkumi munakahat (perkahwinan), muamalah (pergaulan), dan muraqabatullah (mendekatkan diri kepada Allah SWT). Dengan memahami cinta dari perspektif yang lebih luas, adalah diharapkan ia dapat membantu para penyelidik dan pengkaji masalah sosial dapat menyediakan penawar kepada masalah-masalah cinta yang dikongsi dalam penulisan ini.

PERMASALAHAN CINTA

Golongan muda adalah diharapkan untuk memimpin negara pada masa akan datang. Dalam usaha untuk mencintai dan dicintai, ada di antara mereka yang lupa kepada tuntutan syariat dan kepentingan memelihara akhlak sepanjang pencarian cinta tersebut. Dari aspek muamalah, isu kebebasan dalam pergaulan menjadi kebimbangan di Pusat Pengajian Tinggi (Zainudin, Zuria & Salleh 2008). Manakala, masalah sosial dan keruntuhan akhlak yang membabitkan remaja Melayu Islam

khususnya di Malaysia kian meruncing. Zeenath (2005), Jaafar, Wibowo dan Afiatin (2006), Zaleha, Nik Hisham dan Sahari (2008) dan ramai lagi pengkaji mendapati keruntuhan akhlak dan seks bebas yang melibatkan remaja berlaku di Malaysia semakin meningkat dari masa ke semasa. Fenomena sosial ini perlu ditangani segera sebelum ianya menjadi tidak terkawal pada masa akan datang. Fatimah (2010) menjelaskan bahawa pelbagai faktor cuba dikaitkan dengan hubungan seks sebelum berkahwin, luar nikah atau zina. Antaranya ialah pergaulan bebas, pengaruh media massa, kurang didikan agama dan kawalan ibubapa, pengaruh rakan sebaya dan pelbagai lagi (dalam Nur Syahidah 2012). Salah faham terhadap konsep cinta juga merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada perzinaan (Mohd. Makzan 2010). Masalah sosial yang membabitkan remaja Islam pada hari ini kian meruncing. Hampir setiap hari ada sahaja berita masalah seksual bebas, pembuangan bayi, dan pembunuhan yang disebabkan oleh cinta dan pihak ketiga. Masalah perzinaan pula lebih kerap disiarkan di dada-dada akhbar, televisyen, dan media elektronik yang lain, berikutan dengan tangkapan para remaja Islam di disko-disko, rumah-rumah urut, chalet-chalet dan hotel-hotel. Berikut adalah natijah daripada cinta yang didorong oleh hawa nafsu dan tidak berlandaskan keimanan serta ketaqwaan -

Masalah Perzinaan
Berikut adalah kajian kes ke atas beberapa remaja Melayu Islam di sebuah kolej tempatan yang terlibat dengan masalah perzinaan di atas nama cinta (Syaidatun 2007).

Remaja A mengadu kepada seorang pensyarah di kolejnya mengenai kesukaran untuk fokus kepada pelajaran dan peperiksaan akhir semester. Keputusan peperiksaannya sebelum ini juga turut merosot. Apabila ditanya, dia berkata antara punca masalahnya ialah kekerapan bergaduh dengan kekasihnya, remaja B. Apabila jarang bertemu, mereka kerap bergaduh melalui telefon. Remaja B yang dikenali beberapa bulan lepas, telah meminta "mahkota" dari remaja A ini. Atas dasar cinta, remaja ini telah menyerahkan kehormatannya pada lelaki tersebut di sebuah hotel di ibu kota. Kedua-dua remaja yang mempunyai latar pendidikan sekolah agama, telah mengambil jalan pendek untuk membuktikan cinta mereka, dengan cara berzina dan melakukannya beberapa kali atas nama cinta. Remaja A takut rahsianya diketahui oleh ibu bapa yang dikenali sebagai orang baik-baik di kampung. Akan tetapi, kerana takut kehilangan kekasihnya, dia sanggup menuruti keinginan lelaki itu. Remaja A ingin berkahwin dengan kekasihnya, tetapi keluarga menyuruhnya menamatkan pengajian dahulu.

Remaja C seorang pelajar yang riang dan sentiasa suka kelihatan cantik. Dia mempunyai beberapa teman lelaki dan mempunyai daya tarikannya yang tersendiri. Dia telah lama bercinta dengan abang D, dan lelaki ini telah lama menikmati tubuh remaja C tanpa ada sebarang ikatan perkahwinan. Apabila ditanya bila mereka hendak berkahwin, remaja C menjawab keluarganya tidak suka kepada abang D. Suatu hari, remaja C ponteng kelas dan dia telah disyaki oleh kawan-kawan serumahnya terlibat dengan remaja lelaki E di sebelah rumah. Remaja C keluar dari

rumah remaja lelaki E yang merupakan jirannya itu dalam keadaan kusut masai dan menangis teresak-esak. Setelah keadaan tenang, remaja C bercerita kepada kawan baiknya bahawa dia telah dinodai oleh salah seorang remaja lelaki yang mendiami rumah tersebut.

Pembuangan Bayi

Saban hari kita disogokkan dengan pelbagai laporan akhbar yang memaparkan kes-kes pembuangan dan pembunuhan bayi. Berikut adalah antara ratusan kes yang telah dilaporkan dan berlaku secara berleluasa di dalam masyarakat Malaysia dewasa ini:-

Shah Alam 25 Mei 2010 – Mayat seorang bayi lelaki yang dipercayai baru dilahirkan ditemui ditanam berhampiran stesen Komuter Padang Jawa. Mayat yang dibalut dengan kain lampin itu ditemui selepas seorang pekerja Keretapi Tanah Melayu (KTMB) ternampak sebuah kubur kecil yang baru di kawasan tersebut kira-kira pukul 10 malam (Utusan Online).

Kuala Terengganu 7 Jun 2010 – Seorang siswazah universiti dikenakan hukuman penjara setahun dan denda RM7000 oleh Mahkamah Majistret Kuala Terengganu hari ini selepas mengaku bersalah membuang mayat bayi lelaki (Utusan Online).

Kuala Lumpur 13 Ogos 2010 – Tiga lagi kes pembuangan bayi telah dilaporkan dalam tempoh 24 jam di Kelantan, Melaka dan Kuala Lumpur, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil (Utusan Online).

Petaling Jaya 15 Ogos 2010 – Meskipun kerajaan telah mengumumkan akan bertindak tegas terhadap pesalah kes buang bayi, ia masih gagal memberi kesedaran malah perbuatan itu berlaku lagi. Kali ini, mayat seorang bayi perempuan ditemui dalam sebuah beg sandang yang tersangkut di tebing Sungai Tambun, Kota Damansara di sini hari ini. Mayat bayi yang masih bertali pusat itu ditemui sekumpulan lima lelaki yang sedang menjala ikan di sungai berkenaan kira–kira pukul 11.40 pagi (Utusan Online).

Melaka 16 Ogos 2010 - Sepasang kekasih mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, hari ini atas tuduhan membuang bayi perempuan yang baru dilahirkan di luar kilang tempat mereka bekerja di Ayer Keroh. Mengikut pertuduhan, pasangan kekasih yang berasal dari Felda Jelai 2, Gemas, Negeri Sembilan itu membuang bayi perempuan mereka di kawasan kilang Daibochi, Ayer Keroh, kira-kira jam 1 pagi, 11 Ogos (Berita Harian Online).

Sebaik-baik ilmu Psikologi yang boleh dipelajari adalah melalui Al-Qur'an dan As-Sunnah, ini adalah kerana kedua-dua ilmu wahyu tersebut adalah "manual" khas yang disediakan oleh Allah SWT untuk membimbing kehidupan manusia sejagat. Allah SWT yang menciptakan manusia, dan Dia mengetahui

apakah yang terbaik untuk manusia, dan Dialah yang paling mengetahui psikologi manusia. Justeru, sebagai penganut Islam yang percaya kepada Tuhan yang Satu, tidak sewajarnya kita meminggirkan ajaran dalam al-Qur'an dan As-Sunnah. Dalam perbuatan membunuh, Allah SWT telah menyatakan di dalam al-Qu'ran, surah al-An'am ayat 151 –

> Katakanlah (Muhammad), "Marilah aku bacakan apa yang diharamkan Tuhan kepadamu. Janganlah mempersekutukan-Nya dengan apa pun, berbuat baik kepada ibu bapa, janganlah membunuh anak–anakmu kerana miskin. Kamilah yang memberi rezeki kepadamu dan kepada mereka; janganlah kamu memdekati perbuatan yang keji, baik yang terlihat mahupun yang tersembunyi, janganlah kamu membunuh orang yang diharamkan Allah kecuali dengan alasan yang benar. Demikianlah dia memerintahkan kepadamu agar kamu mengerti."

Sekiranya pasangan kekasih telah terlanjur, janganlah anak luar nikah hasil perzinaan tersebut dibunuh pula, kerana membunuh adalah dosa besar, begitu juga dengan perzinaan. Anak tersebut tidak bersalah, maka bagi mengelakkan trauma dan penyakit psikosis yang boleh dihinggapi oleh penzina dan pembunuh, maka Islam sudah lama menyarankan usaha pencegahan iaitu tidak menghampiri zina. Cara terbaik untuk menjauhi zina ialah mempercepatkan perkahwinan atau memutuskan hubungan dengan pasangan yang didapati tidak menghormati hukum syarak, contohnya seperti mengabaikan solat, mengambil kesempatan ke atas kekasihnya, tidak menghormati orang tua, dan kerap berbohong atau mungkir janji.

Cintailah pasangan kita kerana Allah SWT, bukan kerana hawa nafsu. Tatkala kita mencintai pasangan kerana Tuhan, maka segala tindak tanduk cinta kita adalah untuk mendapatkan keredhaanNya. Akan tetapi jika bercinta kerana kacantikan, harta dan keturunan, yang mana segalanya ini adalah berlandaskan hawa nafsu, maka sifat cinta ini tidak kekal dan sering bergelora bersama gelombang nafsu yang tidak terkawal oleh iman. Itulah hakikatnya apabila cinta adalah berlandaskan hawa nafsu, maka tidak mustahil nafsu juga yang menguasai diri hingga memudaratkan orang lain. Mohd Makzan Musa (2010) mendapati bahawa sebab utama remaja membuang bayi adalah kerana cinta yang berlandaskan hawa nafsu.

Pembunuhan Kerana Cinta
Kajian di Amerika Syarikat mendapati pembunuhan yang berlaku di antara tahun 1976 hingga 1998 menunjukkan bahawa satu pertiga wanita telah dibunuh oleh pasangan intim, berbanding dengan hanya 4 peratus lelaki dibunuh oleh isteri atau kekasih (Greenfield et. al, 1998). Perkara seumpama ini juga berlaku dalam masyarakat kita yang berpunca apabila cinta bertukar menjadi benci. Adakalanya, pihak ketiga turut berperanan untuk mewujudkan api permusuhan di antara suami isteri, ataupun pasangan yang sedang bercinta. Adalah menghairankan bagaimana perasaan cinta boleh bertukar menjadi benci. Inilah akibatnya apabila cinta tidak

berlandaskan iman, tetapi cinta kerana hawa nafsu (Syaidatun, 2013).

Kefahaman mengenai cinta dalam munakahat atau rumahtangga haruslah difahami dengan landasan Iman dan taqwa. Terdapat etika percintaan dalam rumahtangga Muslim yang perlu dijaga dengan baik (Syaidatun, Abu Zahrin & Maznah, 2013). Dalam Islam, antara penyelesaian bagi rumahtangga yang mempunyai pasangan yang curang adalah seperti yang berikut; 1) melakukan usaha perdamaian dan mengusahakan agar pasangan insaf serta tidak berlaku curang 2) memohon perceraian atau 3) membina rumahtangga poligami. Membunuh suami atau isteri bukanlah penyelesaiannya, malah akan mengundang lebih banyak masalah dan kekecewaan. Bayangkanlah anak-anak yang akan menjadi mangsa keadaan, begitu juga dengan status sosial yang memalukan apabila digelar sebagai seorang pembunuh. Pembunuh akan sukar mendapat pekerjaan selepas keluar penjara, dan gelaran sebagai pembunuh akan melekat dalam ingatan ahli keluarga, rakan dan kenalan.

Islam telah mengajar kita untuk memelihara hubungan persaudaraan dan kemanusiaan, sehinggalah dijanjikan ganjaran apabila kita memuliakan orang lain. Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa yang ingin diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya hendaklah memanjangkan silaturrahim." Menjaga hubungan persaudaraan adalah amat dituntut dan kebaikannya adalah untuk kemaslahatan dunia dan akhirat. Andainya cinta sudah bertukar menjadi benci, haruslah kita sentiasa beringat bahawa cinta itu adalah anugerah Allah SWT, dan bila-bila masa boleh diambilNya kembali, begitulah juga nyawa kita. Apa yang boleh kita lakukan ialah sentiasa berdoa dan berusaha agar cinta yang kita miliki sekarang itu boleh kekal hingga ke alam akhirat, dan sentiasa mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT.

Betapa rapuhya pegangan dan amalan agama menjadi penyebab berlakunya kesemua perkara di atas. Agama Islam telah menggariskan beberapa akhlak percintaan dan sekiranya dituruti, akan dapat memelihara individu dari kancah perzinaan. Akhlak percintaan adalah sebahagian dari kefahaman yang akan diterapkan melalui Psikologi Cinta dari pespektif Islam. Berikut adalah dalil dari Qur'an dan hadith, yang sekiranya dipatuhi akan menjadi benteng kepada pasangan kekasih. Cinta juga perlu kepada akhlak percintaan kerana ia memandu individu Muslim untuk berada dilandas yang benar. Muslim hendaklah menjaga akhlak mereka ketika bercinta. Apa yang pasti, usaha pencegahan adalah lebih baik dari merawat. Individu yang bercinta wajib menjaga kehormatan diri seperti dalil-dalil tersebut:

> • *Menjaga pandangan mata, menjaga kehormatan dan menutup aurat-*
> *"Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka.*

Demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan Katakanlah kepada perempuan-perempuan beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara lelaki mereka, atau anak bagi saudara-saudara perempuan mereka, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak Yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang beriman, supaya kamu berjaya." (al-Quran, al-Nur 24:30-31).

• Menjaga diri agar tidak jatuh dalam kebinasaan –
"Dan belanjakan (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhNya Allah mencintai orang yang berbuat kebaikan (al-Qur'an, al-Baqarah: 195).

• Menjauhi perzinaan kerana kemudaratannya besar -
"Dan janganlah kamu mendekati zina; (zina) itu sungguh suatu perbuatan keji,
  dan suatu jalan yang buruk (al-Qur'an, al-Isra: 32).

• Tidak berdua-duaan dengan bukan muhrim –
Hadis riwayat Imam Ahmad dari Amid bin Ra'bah, " Janganlah seorang lelaki bertemubersendirian dengan seorang wanita yang tidak halal baginya,kerana bahawasanya yang ketiga adalah syaitan, kecuali jika ada muhrimnya . "

"Jagalah diri kamu dari mendatangi wanita yang bukan mahram secara sendirian. Aku bersumpah dengan nama Allah SWT yang memegang nyawaku. Apabila seorang lelaki mendatangi seorang wanita yang bukan mahram sendirian, maka syaitan akan selalu bersama mereka. Lebih baik bagimu berselisih dengan seekor khinzir yang penuh lumpur dari berselisih bahumu dengan bahu

wanita yang tidak halal bagimu."
(Hadis Riwayat Thabrani)

• **Tidak menyentuh wanita yang bukan muhrim –**
"Lebih baik bagimu jika sebatang paku dipacakkan ke kepalamu daripada engkau menyentuh wanita yang tidak dihalalkan bagimu."
  (Riwayat Thabrani & Baihaqi)

## DEFINISI PSIKOLOGI CINTA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Psikologi cinta telah berkembang dengan pesat di Barat. Pelbagai kajian cinta telah dikompilasikan di Yale University pada tahun 1988, dan seterusnya kajian-kajian cinta yang terkini telah dikompilasikan dalam buku The New Psychology of Love pada tahun 2006 oleh universiti yang sama (Sternberg & Barnes, 1988; Sternberg & Weis, 2006). Walaupun kajian empirikal tentang psikologi cinta ini belum berlaku dengan pesat dalam dunia Islam, para ulama dan cendekiawan Islam telah lama berdiskusi dan berdakwah mengenai cinta. Kebanyakan persoalan cinta dalam pengajian Islam dibincang oleh ahli falsafah dan tasawuf yang merujuk kepada cinta hakiki insan kepada Penciptanya iaitu Allah s.w.t. Kajian cinta dalam dunia Islam pula banyak dilakukan secara kualitatif, dan amat berkurangan dari sudut kuantitatif.

Konsep ini merupakan satu usaha untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai Psikologi Cinta dari perspektif Islam di mana cinta Allah dan Nabi Muhammad SAW menjadi asas utama. Psikologi cinta dalam Islam adalah amat luas dan tidak terhad pada pengertian umum tentang cinta romantis. Kajian Syaidatun (2004) mendapati bahawa cinta hakiki ialah cinta kepada Allah SWT disusuli dengan cinta untuk Nabi Muhammad (SAW), serta cinta kepada Al-Quran dan Sunnah. ia mendapati bahawa cintakan Al-Quran dan Sunnah memandu pembacanya dengan memotivasikan fikiran mereka untuk berfikir secara mendalam, kreatif dan kritis, zikir yang istiqamah dan seterusnya mencetuskan cinta kepada ilmu pengetahuan. Cinta untuk pengetahuan akan mencetuskan pelbagai jenis cinta lain, seperti cinta membaca, cinta berfikir, cinta menulis dan cinta kebaikan yang bermanfaat bagi kemaslahatan umat manusia. Cinta berfikir dan berzikir (banyak mengingati Allah SWT kerana kecintaan yang mendalam kepadaNya) akan melahirkan individu yang menyumbang kepada pembangunan agama, bangsa, negara dan dunia. Konsep psikologi cinta menurut perspektif Islam boleh dirujuk kepada gambarajah 1.

Selain itu, beberapa pengkaji cinta di Malaysia (Syaidatun, Fazilah & Rozmi 2012) telah menegaskan kepentingan untuk mengkaji cinta secara saintifik di samping tidak mengetepikan kepentingan ajaran Islam yang menjadi tunjang kepada jati diri Muslim yang unggul. Maka, dalam memahami hakikat cinta, ayat-ayat Quran, hadis-hadis Rasulullah SAW dan pandangan-pandangan pakar serta penulisan-penulisan cendiakawan Muslim telah dikenal pasti untuk memperkayakan

kefahaman konsep cinta menurut Islam. Instrumen yang telah dibina dapat memberikan gambaran awal mengenai kefahaman cinta dalam kalangan remaja Islam, pemikiran rasional dalam percintaan dan akhlak percintaan.

Konsep Psikologi Cinta dalam Islam ini telah digarap melalui pembacaan dan analisis ke atas ayat-ayat Qur'an, hadis-hadis sahih yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, serta penulisan cendiakawan Islam seperti Imam al-Ghazali (1982), Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (dalam Abdul Aziz, 1997), Imam al-Nawawi dan Hamka (1985). Seterusnya tema-tema cinta disusun mengikut kategori cinta kepada Allah SWT, Rasulullah SAW, Qur'an dan Sunnah, ilmu dan manusia serta makhluk lainnya (Syaidatun 2004). Kajian lanjutan mengenai psikologi cinta dalam Islam dikemaskini dengan akronim ARDIMIK di mana ia ditemakan dengan cinta kepada Allah SWT, Rasulullah SAW, diri sendiri, ibu bapa, makhluk, ilmu dan kebaikan (Syaidatun 2013).

Psikologi Cinta Menurut Perspektif Islam

Cinta kepada Allah (Al-Baqarah: 165)
Cinta kepada Nabi Muhammad SAW (Ali Imran: 31)

**MOTIVASI BERFIKIR
(ZIKIR DAN FIKIR)**

Cinta kepada Quran' and Sunnah (Al Ahzab: 71)

Cinta kepada ilmu pengetahuan (Al-Alaq: 1-5) dan kebaikan (Ali-Imran: 134)

Cinta kepada manusia dan jenis-jenis kecintaan yang lain

(Lihat Lampiran 1- Tidak semua jenis cinta yang dinyatakan adalah hasil daripada cinta kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Ada di antaranya adalah cinta yang lahir di atas tuntutan hawa nafsu dan godaan syaitan. Terdapat lebih dari 100 sifat dan jenis cinta)

Gambarajah 1: Psikologi Cinta Menurut Perspektif Islam (Syaidatun & Maznah, 2009)

Psikologi Cinta didefinisikan sebagai kajian cinta yang dilakukan secara saintifik dan Islamik bagi menampilkan kajian-kajian ilmuwan Islam dan ahli psikologi yang bertujuan untuk dijadikan satu bidang ilmu yang boleh digunakan untuk menangani masalah psikologi dan sosial dalam masyarakat sejagat dan

juga di masa hadapan (Syaidatun 2015) Dengan memahami hakikat bahawa terdapat kepelbagaian cinta di dunia ini (lihat Lampiran 1), maka ia seharusnya dapat meluaskan horizon pemikiran dan tidak tertakluk kepada definisi cinta yang sempit dan dangkal. Cara berfikir yang sempit terhadap cinta adalah antara sebab berlakunya masalah-masalah psikologikal dan sosial dalam masyarakat.

Psikologi Cinta dari perspektif Islam merangkumi perbincangan berkaitan definisi, sifat-sifat dan jenis-jenis cinta yang diciptakan oleh Allah SWT sebagai penyeri hidup dan juga ujian kepada manusia sejagat. Dengan memahami hakikat bahawa Allah SWT adalah sumber kepada cinta (bahawa cinta hadir dengan kehendakNya jua) dan terdapat banyak jenis cinta di dunia ini (bukan hanya cinta di antara lelaki dan perempuan), maka sewajarnya hakikat ini dapat membuka mata masyarakat dan Ummah bahawa kepelbagaian cinta ini sewajarnya digunakan untuk keharmonian dan keamanan sejagat, bukannya untuk merosakkan individu, keluarga mahupun masyarakat.

Psikologi Cinta dari sudut Islam menggali khazanah ilmu yang terdapat dalam ayat-ayat cinta yang termaktub dalam Al-Qur'an, dan hadis-hadis cinta yang digarap dari kehidupan Rasulullah SAW yang kita cintai. Memandangkan ajaran Islam adalah untuk seluruh alam, maka ia bukan sahaja bersesuaian untuk masyarakat Islam, tetapi juga boleh diaplikasikan kepada mereka yang bukan beragama Islam mengikut kesesuaian dan kefahaman masing-masing. Apa yang penting ialah kesungguhan untuk memelihara keharmonian hidup dengan memahami hakikat cinta yang sebenar. Psikologi cinta ini pula boleh dikaji dalam pelbagai bidang psikologi.

PSIKOLOGI CINTA DALAM PELBAGAI CABANG ILMU PSIKOLOGI

Kajian cinta di Barat merentas pelbagai bidang ilmu Psikologi. Di antara bidang psikologi yang dikenalpasti memperkayakan khanazah Psikologi Cinta ialah Psikologi Sosial, Psikologi Perkembangan, Personaliti, Psikologi Agama dan Psikologi Silang Budaya.

Psikologi Sosial
Kebanyakan kajian cinta boleh didapati dalam Journal of Personality and Social Psychology. Kajian cinta pada masa kini banyak dilakukan dalam bidang Psikologi Sosial kerana ia menerangkan secara terperinci mengenai hubungan intim, ciri-cirinya, teori-teori yang berkaitan dengan cinta, dan sebagainya. Psikologi Sosial dilihat sebagai satu bidang psikologi yang banyak menyumbang kepada kajian cinta, walaupun sebenarnya kajian cinta telah dimulakan dalam bidang personaliti oleh Sigmund Freud pada tahun 1905 di dalam beberapa buah bukunya yang diterjemahkan oleh Shaun Whiteside dan dikompilasikan dalam sebuah buku bertajuk "The Psychology of Love" (Freud, 2007).

Psikologi Perkembangan

Cinta menempati sebuah sub topik dalam tahap awal kedewasaan bagi sebuah buku teks Psikologi Perkembangan (Lefrancois, 1996). Bagi buku-buku teks Psikologi Perkembangan yang lain, ia turut dibincangkan dalam tahap remaja dan perkembangan perhubungan manusia. Pendek kata, cinta dan kasih sayang diperlukan dari tahap bayi dalam kandungan, sehinggalah ke akhir hayat. Pada tahap bayi dan kanak-kanak, hubungan cinta dilihat sebagai perapatan dan kasih sayang. Pada tahap remaja dan dewasa, hubungan cinta menjadi serius. Dan pada tahap usia emas, hubungan cinta dilihat sebagai komitmen dan tanggungjawab sosial anak-anak dan pasangan hidup.

Personaliti

Sigmund Freud yang telah mengaitkan personaliti individu dengan id, ego dan superego turut mengaitkan cinta dengan tuntutan seksologi. Cinta dilihat sebagai elemen yang penting dalam diri individu yang mendorong kepada pemuasan nafsu seksual. Kepincangan dalam personaliti dilihat sebagai berpunca dari kemahuan seksual yang tidak dipenuhi. Beliau menyatakan trauma ada kaitannya dengan tuntutan seksual, yang turut terkait dengan pengalaman sewaktu kecil. Pengalaman kanak-kanak dikaitkan dengan perkembangan oral, anal dan genital yang kesemuanya dikatakan sebagai kemahuan seks sejak dari bayi sehinggalah dewasa (Freud, 2007). Walaupun ia adalah satu kesilapan besar apabila kita sering mengaitkan cinta dengan seks, tetapi inilah kefahaman yang dibawa oleh sarjana Barat apabila membahaskan teori personaliti yang dibawa oleh Freud. Justeru, meluaskan horizon pemikiran kita terhadap cinta akan dapat mengelakkan kita dari membuat kesimpulan sempit bahawa cinta itu adalah seks.

Psikologi Agama

Psikologi agama merupakan cabang psikologi yang mengkaji dan mempelajari tingkahlaku manusia dalam hubungan pengaruh keyakinan terhadap agama yang dianutinya dan kaitannya dengan perkembangan manusia (Jalaluddin, 1996). Psikologi Agama membincangkan tentang cinta apabila ia melibatkan agama yang memandang cinta sebagai salah satu elemen yang penting. Agama yang sering membincangkan kepentingan cinta ialah agama Islam dan Kristian. Islam meletakkan cinta sebagai amalan yang mendekatkan diri individu kepada Allah SWT, sebagaimana yang termaktub di dalam hadis Rasulullah SAW dalam Jami' Shaghir nombor 166, "Amal yang paling dicintai Allah ialah iman kepada Allah, dan kemudiannya silaturrahim.". Manakala dalam agama Kristian, Jesus adalah Tuhan cinta dan kebanyakan amalan-amalan dalam agama Kristian menjurus kepada kemurnian cinta. Meskipun kedua-dua agama mementingkan cinta, tetapi konsep cinta dalam kedua-dua agama tersebut adalah berbeza.

Psikologi Silang Budaya

Sebuah kajian psikologi silang budaya mengkaji cinta universal dengan menanyakan soalan "Adakah anda sedang bercinta?." Susan Sprecher et. al. (1994) telah menemuramah 1, 667 perempuan dan lelaki dari budaya dan negara yang berbeza.

73% perempuan Rusia dan 61% lelaki Rusia mengaku mereka sedang dilamun cinta pada ketika kajian dijalankan, berbanding dengan di Jepun 63% perempuan bercinta dan 41% lelaki bercinta. Manakala di Amerika dilaporkan 63% perempuan sedang bercinta dan 53% lelaki sedang bercinta ketika kajian dilakukan. Sebuah lagi kajian silang budaya yang memperkayakan ilmu Psikologi Cinta ialah kajian yang dilakukan oleh Jankowiak dan Fisher (1992) di mana mereka telah membuat pemerhatian ke atas deklarasi cinta, lagu cinta, kekecewaan akibat cinta tertolak, dan lain-lain lagi.

IMPLIKASI KONSEP PSIKOLOGI CINTA

Sebagai implikasinya, Psikologi Cinta boleh diajarkan kepada generasi Islam melalui sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi, digunapakai dalam bentuk modul-modul intervensi melalui sesi kaunseling, diintegrasikan di dalam modul-modul Pembangunan Insan, dan diperkenalkan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Belia dan Sukan. Secara individu, kefahaman Psikologi Cinta dapat meningkatkan tahap keimanan dan ketaqwaan serta menjadi benteng dari terlibat dengan gejala sosial dan kemaksiatan. Manakala, kelangsungan dan kebahagiaan keluarga dapat dijaga dan dipelihara kerana cinta yang kita miliki untuk pasangan hidup dan anak-anak adalah cinta yang didasari dengan niat dan amalan untuk mendapatkan kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT.

KESIMPULAN

Psikologi Cinta bukanlah satu bidang ilmu Psikologi yang baru di Barat, tetapi masih baru di Malaysia. Ia dikaji merentas pelbagai bidang ilmu dalam Psikologi. Kajian ini merupakan satu usaha untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai Psikologi Cinta dari perspektif Islam di mana cinta Allah dan Nabi Muhammad SAW menjadi asas utama. Psikologi cinta dalam Islam adalah amat luas dan tidak terhad pada pengertian umum tentang cinta romantis. Konsep Psikologi Cinta dalam Islam menjelaskan bahawa cinta hakiki ialah cinta kepada Allah SWT dan disusuli cinta kepada makhluk ciptaanNya. Kewujudan ilmu Psikologi Cinta di Malaysia diharapkan akan menjadi satu pendekatan baru untuk menangani masalah psikologikal dan sosial dalam masyarakat.

LAMPIRAN 1

• Cinta dunia	• Cinta berahi
• Cinta akhirat	• Cinta kebajikan
• Cinta kanak-kanak	• Cinta romantik
• Cinta remaja	• Cinta sahabat
• Cinta dewasa	• Cinta suami isteri
• Cinta pandang pertama	• Cinta sempurna
• Cinta altruistik	• Cinta sopan

- Cinta Kristal
- Cinta Platonik
- Cinta terpisah
- Cinta kosong
- Cinta bodoh
- Cinta Homoseksual
- Cinta Lesbian
- Cinta belum terhasil
- Cinta serasi
- Tiada cinta
- Cinta sebelah pihak
- Cinta tak berbalas
- Cinta keluarga
- Cinta pasangan
- Cinta antara saudara
- Cinta sejati
- Cinta hakiki
- Cinta Agung
- Cinta maksiat
- Cinta palsu
- Cinta keindahan/ kecantikan
- Cinta narsitik /narnisme
- Cinta transaksional
- Cinta nikmat /hedonis
- Cinta terlarang
- Cinta monyet
- Cinta kilat @ lokasi
- Cinta belas kasihan
- Cinta agama
- Cinta suci
- Cinta abadi
- Cinta kemusnahan
- Cinta kecemerlangan
- Cinta kejayaan
- Cinta kekayaan
- Cinta kemiskinan
- Cinta jasmani
- Cinta emosi
- Cinta rohani
- Cinta intelek
- Cinta sosial
- Cinta seks bebas
- Cinta persaudaraan

- Cinta anak-anak
- Cinta keibubapaan
- Cinta kepada Allah
- Cinta kerana Allah
- Cinta Allah
- Cinta kepada Nabi
- Cinta Nabi
- Cinta untuk Islam
- Cinta Al-Quran
- Cinta Sunnah
- Cinta kebaikan
- Cinta Ummah
- Cinta persaudaraan
- Cinta diri sendiri
- Cinta ciptaan Allah
- Cinta kebijaksanaan
- Cinta berfikir
- Cinta membaca
- Cinta menulis
- Cinta belajar
- Cinta ikutan (cinta terhadap role model)
- Cinta segi tiga
- Cinta buta
- Cinta rumahtangga seorang isteri
- Cinta poligami
- Cinta murni
- Cinta patologik
- Cinta pedagang
- Cinta materialistik
- Cinta munafik
- Cinta imaginasi
- Cinta maut
- Cinta kematian
- Cinta kehidupan
- Cinta populariti
- Cinta warisan
- Cinta makanan
- Cinta kebenaran
- Cinta keadilan
- Cinta keamanan
- Cinta kebersihan

KEPELBAGAIAN CINTA DARI PERSPEKTIF BARAT DAN ISLAM

RUJUKAN

Abdul Aziz Musthafa. 1994. Mahabbah Allah: Tangga menuju cinta Allah, wacana Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyah [Love for Allah: the steps to His love, discourse of Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyah]. Surabaya: Penerbit Risalah Gusti.

Adam Tharsyah. 2008. Manusia yang Dicintai dan Dibenci Allah: Kunci-kunci Menjadi Kekasih Allah. (Terjemahan dari Madza Yuhibbuhullahu wa Yabghadhuhu, Mesir, 2004). Terj. Vivi Sofia Anita. Bandung: PT Mizan Pustaka.

Al-Qur'an Terjemah Tawjid Syaamil al-Qur'an. 2010. Bandung: PT Sygma Examedia Arkanleema.

al-Jauziyyah, Ibnu Qayyim. 1997. Cinta Dan Rindu menurut al-Quran Dan as-Sunnah. (Terjemahan dari Nuzhah wa al-Raudhah al-Muhibbin Musytaqin). Terj. Kathur Suhardi. Selangor: Penerbitan Al-Baz & Distribusi Sdn. Bhd

Al-Ghazali. 1964. The Alchemy of Happiness. Trans. Claud Field. Lahore: Sh. Muhammad (pbuh) Ashraf.

Al-Ghazali. 1982. Ihya Ulum-id-din, Vol. IV. Trans. Maulana Fazlul Karim. New Delhi: Kitab Bhavan.

Berita Online. Pasangan kekasih mengaku bersalah buang bayi perempuan di Melaka. 16 Ogos 2010.

Buss, D. M. 1994. The Evolution of Desire: Strategies of Human Mating. New York: Basic Books.

Critelli, J. W., Myers, E. J. & Loos, V. E. 1986. The components of love: Romantic attraction and sex role orientation. Journal of Personality, 54 (2): 354-370.

Diamond, L. M. 2003. What does sexual orientation orient? A biobehavioral model distinguishing romantic love and sexual desire. Psychological Review, 110, 173-192.

Dion L. D. & Dion K. K. 1988. Romantic love: Individual dan cultural perspectives. Dalam Sternberg, R. J & Barnes M. L. (pnyt). The Psychology of Love, hlm. 264-289. U.S.A: Yale University Press.

Dion K.K. & Dion L. D. 2006. Individualisme, collectivisme, and love. Dalam Sternberg R. J. & Weis K. 2006. The New Psychology of Love. hlm. 298-311. U.S.A.: Yale University Press.

Jankowiak, W. & Fisher, E. 1992. A cross cultural perspective on romantic love. Ethnology, 31, hlm. 149-155.

Jalaluddin. 1996. Psikologi Agama. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.

Greenfield, L. A., Rand, M. R., Craven, D., Klaus, P. A., Perkins, C. A., Ringel, C., Warchol, G., Maston, C., and Fox, J. A. 1998. Violance by Intimates, NJC-167237, Washington, D.C. : U.S. Department of Justice.

Kitab-kitab Hadis Rasulullah SAW Shahih Bukhari & Muslim dan Jami' Shaghir.

Fatimah Abdullah. 2010. Analisis sosial tentang zina berdasarkan data kajian mengenai kehamilan luar nikah di PPUKM. Kertas kerja di Muzakarah Pakar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 16 Disember 2010.

Freud, S. 2007. The Psychology of Love. Terj. Shaun Whiteside. UK.: Penguin Books.

Lefrancois. G. R. 1996. The Lifespan. 5th Ed. USA: Wadsworth Publishing Company.

Ma'rof Redzuan. 2001. Psikologi Sosial. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Mahyuddin Haji Ashaari. Pendidikan al-Qur'an Menjana Keupayaan Berfikir. Jurnal Pendidikan Islam. Jilid 9, Bil. 4, November 2001/Syawal 1422H, Kuala Lumpur: Institut Pengajian Sains, Ilmu Islam (IPI), hlm. 1-8.

Mohd Makzan Musa. 2010. Universiti Utara Malaysia. Dapatan Kajian Art Therapy – 100% punca remaja buang bayi adalah kerana cinta berlandaskan nafsu. Laporan TV3.

Mohd Syamil & Adriana Balqis. 2010. Bila Zina Menjadi Budaya. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.

Nur Syahidah Abdul Jalil (pnyt.). 2012. Menangani Zina dan Pembuangan Bayi. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Nor Asiah Jusoh. 2001. The Psychology of Love: Comparative study of al-Ghazali dan Maslow. laporan kajian tidak diterbitkan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Plutchik, R. 1980. A general psychoevolutionary theory of emotion. Dalam R. Plutchik and H. Kellerman (eds), Emotion: Theory, Research, and Experience, vol. I. New York: Academic Press.

Saqeb, Ghulam Nabi. The psychology of love in Muslim education. Muslim Education Quaterly, Vol. 16, No 3, The Islamic Akademy, Cambridge, U.K. 1999. hal. 38-55.

Sprecher, S., Aron, A., Hatfield, E., Cortese, A., Potapova, E., and Levitskaya, A. 1994. Love: American style, Russian style, and Japanese style. Personal Relationships, I, 349-369.

Sternberg, R.J. & Barnes, M.L. 1988. The Psychology of Love. Yale: Yale University Press.

Sternberg, R. J. & Weis, K. 2006. The New Psychology of Love. U.S.A.: Yale University Press.

Suzana Mohd Hoesni, Mohd Suhaimi Mohamad, Sarah Waheeda Mohd Hafidz, Sheau Tsuey Chong, Nasrudin Subhi. 2012. Meneroka Konsep Cinta Dalam Perkahwinan Dalam Kalangan Melayu Bandar Yang Akan Berkahwin. Journal of Social Sciences and Humanities. Special Issue. 7(1), April.

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. 2007. Sesi temu bual dengan remaja di Kolej Swasta di Selangor.

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. 2004. Motivating Thinking Through the Concept of Love for Allah: Implications for Education. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Maznah Ibrahim. 2009. The Psychology of Love in Islamic Perspective: Implications for Education. Dalam Islam and Contemporary Muslims Challenges and Issues. Malaysia: Department of Theology and Philosophy, Fakulty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syaidatun Nazirah. 2015. Konsep Cinta Muslim: Mekanisme Menangani Masalah Psikologi dan Sosial (dalam penerbitan Penerbit Universiti Malaysia Sabah).

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. 2013. Kefahaman Remaja Melayu terhadap Konsep Cinta dalam Islam dan Hubungannya dengan Pemikiran Rasional dan Akhlak Percintaan. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Abu Zahrin al-Qadiri dan Maznah Hj. Ibrahim. 2013. Etika percintaan dalam rumah tangga Muslim. Dlm Cinta dan Kehidupan. Pnyt.

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Rozmi Ismail dan Fazilah Idris. 2012. Kefahaman remaja IPT terhadap konsep cinta dalam Islam dan hubungannya dengan pemikiran rasional dan akhlak percintaan. MALIM: South East Asia Journal of General Studies. Julai 2012. Vol. 13, ms. 7-24.

Utusan Online. 2010. Mayat bayi ditanam ditemui. 25 Mei 2010.

Utusan Online. 2010. Siswazah dipenjara setahun dan denda kerana buang bayi. 7 Jun 2010.

Utusan Online. 2010. Remaja perempuan ditahan disyaki buang bayi. 29 Jun 2010.

Utusan Online. 2010. Tiga kes buang bayi dilaporkan dalam tempoh 24 jam. 13 ogos 2010.

Utusan Online. 2010. Mayat bayi perempuan ditemui terperangkap dalam sungai. 15 ogos 2010.

Zainuddin Abu, Zuria Mahmud dan Salleh Amat. 2008. Pendekatan kaunseling menangani masalah kebebasan dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi: Dua kajian kes. Jurnal Pendidikan, 33, 107-123.

Zaleha Kamaruddin, Sahari Nordin & Nik Ahmad Hisham Ismail. 2008. Social problems and its relationship with family institution in Felda settlements: the local perspective. Malaysian Journal of Social Policy and Society. Vol. 5. 2008. Institut Sosial Malaysia.

Zeenath Kausar. 2005. Social Ills in Malaysia: Causes and Remedies. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University Malaysia.

Profil Penulis:

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin
Pusat Citra Universiti & Institut Islam Hadhari
Universiti Kebangsaan Malaysia
syaidatun77@hotmail.com

Fazilah Idris
Pusat Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
fazilah.idris@gmail.com

Fariza Md Sham
Fakulti Pengajian Islam,
UKM & Institut Islam Hadhari,UKM
farisham@ukm.edu.my

Rezki Perdani Sawai
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
rezki@usim.edu.my

Joki Perdani Sawai
Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS)
Universiti Malaysia Sabah
jokiperdani@yahoo.com

KADAZAN-DUSUN PARTICIPATION IN POSITIVE YOUTH DEVELOPMENT PROGRAM IN SABAH

GETRUDE COSMAS, ABD HAKIM MOHAD @ MOHAMMAD RAMLI, SHAZIA IQBAL HASHMI & WALTON WIDER

ABSTRACT

This study examines the involvements of Kadazan-Dusun youths from Buayan village in youth development program. The program was implemented with objectives to enhance their soft-skills by using structured group activities. The program focused on seven components of soft skills (i.e., time management, social competence, achievement motivation, intellectual flexibility, leadership, emotional control and self-confidence). Altogether, 21 rural youths participated in this study who were divided into two groups, (n=7) involved in structured group activities and (n=14) were not involved in structured group activities). A set of questionnaires which consists of two sections were used to measure the demographic profiles and the seven components of soft skills by using 16 items which were adapted from the Life Effectiveness Scale (Neil, 2005). Various activities such as motivational talks, future career talks, youth discussions, motivational song and games were implemented as a part of youth development program. It was assumed that there would be differences in each of the seven components of soft skills between the two groups of youth after program implementation. The Mann Whitney U test was used to analyze the differences between each of the seven components between the two groups. The study however, showed that there were no significant differences between the two groups in all components of soft skills after program implementation. The research findings provide some information for researchers to redefine the contents and the duration of youth development program to ensure that the objectives of such program can be achieved.

Keyword: *Youth Development Program, Kadazan-Dusun, Time Management, Social Competence, Achievement Motivation, Intellectual Flexibility, Leadership, Emotional Control and Self-Confidence*

ABSTRAK

Makalah ini mengenal pasti keberkesanan aktiviti kumpulan berstruktur yang dilaksanakan oleh peserta Program Pembangunan Belia dan Komuniti, Universiti Malaysia Sabah. Kajian ini memfokuskan tujuh komponen kemahiran insaniah (pengurusan masa, kecekapan sosial, motivasi pencapaian, fleksibiliti intelektual, kepimpinan, kawalan emosi dan keyakinan diri) dalam kalangan belia Kadazan-Dusun di Kampung Buayan. Seramai 21 orang belia kampung turut serta dalam kajian ini. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan (8 orang terlibat dengan aktiviti kumpulan berstruktur dan 14 orang lagi tidak terlibat dalam sebarang aktiviti). Satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian digunakan bagi

mengukur profil demografi dan tujuh komponen kemahiran insaniah dengan menggunakan 16 item yang diadaptasikan daripada Life Effectiveness Scale (Neil, 2005). Pelbagai aktiviti kumpulan berstruktur seperti ceramah motivasi, ceramah kerjaya, diskusi belia, nyanyian lagu motivasi dan permainan dijalankan. Pengkaji menjangkakan bahawa terdapat perbezaan min bagi setiap komponen dalam kemahiran insaniah antara dua kumpulan belia (iaitu yang terlibat dengan aktiviti dan yang tidak terlibat dalam sebarang aktiviti). Walau bagaimana pun ujian Mann Whitney U mendapati tidak terdapat perbezaan min bagi setiap komponen kemahiran insaniah antara dua kumpulan belia dalam kajian ini. Dapatan kajian ini memberikan informasi kepada pengkaji untuk menilai kembali kandungan aktiviti dan tempoh masa bagi perlaksanaan aktiviti. Hal ini bagi memastikan kandungan dan aktiviti yang diterapkan dalam aktiviti kumpulan berstruktur dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan membawa manfaat kepada belia khususnya di kawasan pedalaman pada masa akan datang.

Kata Kunci: *Kadazan-Dusun, Kecekapan Sosial, Motivasi Pencapaian, Kawalan Emosi dan Motivasi Pencapaian*

INTRODUCTION

Youths are one nation's great asset and are expected to continuously lead the country to future success. It is therefore imperative that a supportive environment and limitless opportunities are provided and created to offer positive youth development so that our young ones become productive individuals and society in the future. Societies should focus on youth development so that they can strive for personal growth and development and can achieve a better future for themselves as well as play their roles as productive individuals and help to reduce society's problems.

Successful youth needs to have skills such as leadership, proper time management, and social competence. They should have high achievement motivation, must acquire good intellectual flexibility, should be able to control their emotions and have high self-confidence. Providing youth with opportunities to develop in positive direction has always been focus of both government and non-government organizations in Malaysia. Therefore, various programs and activities have been designed, planned and implemented by the Ministry of Youth and Sports, Youth Council, youth societies, youth clubs and other stakeholders. The aim of all these programs was to instill positive development among youths and enhancing their abilities to face challenging and competitive future careers. According to Larson, Jarret, Pearce et al. (2004), youth programs and extracurricular activities, which are organized in schools, can help to prepare youths to face with life challenges which can help to enhance their psychological well-being. The modern society recognizes the importance of youth programs in providing opportunities for positive development among youths (Smith, Akiva, Arrieux & Jones, 2006),

When discussing the importance of implementing the programs to enhance

positive youth development, the discrepancies in the nature of opportunities available to urban and rural youth should not be ignored. In Sabah, there are a great numbers of youth lives in rural areas. Based on Census Report 2010, showed that there are 1,059,600.00 youths live in urban and 807,700.00 live in rural areas (Department of Statistic Malaysia, 2010). Even though, statistics shows that more youth live in urban areas rather than rural areas in Sabah. Urban youth have access to many facilities such as youth clubs, support groups, and other community programs. On the other hand, rural youth have surroundings rich in nature that they can explore and helps them to develop many skills. Nevertheless such environment sometimes lacks structure and proper guidance. Therefore, there is a need to focus on providing structured opportunities for rural youth to enhance their social inclusion into mainstream society. This kind of social inclusion opportunities for rural youth can help in reducing inequalities between urban and rural communities and may create positive environment for rural youths who need it the most.

Thus, keeping in mind, the need and importance of positive youth development programs for rural communities, the present study focused on developing positive youth development program and determining its effectiveness. This program was developed and implemented by Youth and Community Development Program from University Malaysia Sabah. The objectives of the research are to instill positive development among youth in rural areas by focusing on the seven components of soft skills. The program was conducted for rural Kadazan-Dusun youths in Buayan Village. The program was implemented by 14 university students who were guided by their lecturers to implement each of the structured activities as a part of youth development program.

METHODOLOGY

Instruments

A set of questionnaires comprised of two sections; Section A, which was used to collect the demographic information, and section B, which measured seven components of soft skills (i.e., time management, social competence, achievement motivation, intellectual flexibility, leadership, emotional control and self-confidence) were used in the present study. As for the components of soft skills in Section B, each of the components was measured using two items. Higher overall scores indicated positive elements of soft skills. The items used to measure soft skills were as follows: time management. 'I plan and use my time efficiently'; social competence 'I am competent in social situations': achievement motivation 'I try to get the best results when I do things': intellectual flexibility 'I am open to new ideas': leadership "I am a good leader when a task needs to be done': emotional control 'I can stay calm in stressful situations': and self-confidence 'When I apply myself to something I am confident I will succeed'. The response scale provided was: 1 (False, not like me) to 8 (True, like me). As for the demographic scale, there were nine items measured (i.e., age, academic level, religion and number of siblings).

Participants

There were 21 Kadazan-Dusun youths who took part in this study. From these 21 participants, only 7 of them involved in the positive youth development program which was implemented within a single day. Their ages ranged between 16 to 40 years old (mean= 24, SD=9.80). The participants were selected based on convenient sampling. The total population of Buayan village consists of approximately 400 people. There are 26 families that constitute total population of village and on average each family has 15-16 members including immediate and extended family members such as grandparents, aunts, uncles and other relatives. However, approximately 60-70 falls into the category of youth. Majority of youth from this village are working and studying outside of the village.

Georgraphical Location

The research was conducted at Buayan village, which is one of the ten jungle villages, located at Crocker Range, Sabah, Malaysia. Most of the people in Buayan village are Kadazan-Dusuns. They proficiently speak Dusun and Malay.

As for the geographical location of the village and accessibility, there are two rivers crossing the logging road to Buayan village. During the rainy season, the road will be slippery and the level of the water in the river will rise which would normally cause difficulty for motor vehicles to access Buayan village. These obstacles impacted the accessibility of the village people to nearest town, market and other facilities, which consequently make it difficult for them to be involved in large-scale economic activities. In future, if a proper road has been built, it will take only an hour to reach this village, which can help creating more opportunities for educational and economic activities. In addition, with no proper access road, the villagers have no electricity. There is no electricity in this village and they only get their electricity supply from solar panels and generators (personal communication, Harold Mark, administration staff at SK. Buayan, 7 November, 2014). Lack of infrastructure and facilities such as road, electricity and less economic activities seems to create environment, which is less motivating for youth to develop in a positive way. It can reduce their achievement motivation in educational setting and further hamper their personal development.

During the visit, we had the opportunity to talk with Mr. Peter Muwil (57 years) the Headmaster of SK Buayan and discuss on the overall educational condition at the village. According to him, the achievement of his students are still not satisfactory in comparison with other schools in the urban areas. In 2012, for example, only two students out of eight passed the UPSR examination. The result got better in 2013 when six students out of eight passed the examination. In 2014, he targeted that two of his students will pass with 5A.

Positive Youth Development Program Content

In group-structured activities, we first conducted the self-introductory session with the participants. The aim was to build rapport between the facilitators and participants

before implementing other activities. This was followed by the second activity, which was a video presentation about the university, students' activities and sharing university life experiences. Trained university students conducted this activity. It was assumed that these activities could also instill the intellectual flexibility (i.e., open to the new experiences and ideas). The structured group activities further continued with the motivational talks and ended with the motivational song titled 'Dreams and Hopes'. The facilitators sang this song together with the youths to instill the achievement motivation component, which was one of the seven elements that were being measured.

After this activity, the career talk was delivered and the session ended by giving the opportunity to each participant to complete the future career inventory. The objective was to help each participant to understand which career is suitable with his or her personality. Most of the participants seemed interested to know their careers that will suit their personalities. After they have filled the inventory, the facilitators guided the participants to interpret their scores' from the career inventory. The feedback from the youths was positive and they were really interested to know the results. It was assumed that this activity might help them to understand their social competency. It was assumed that this activity might help them to understand their social competency such as communication skills and dealing with new people.

After conducting the above-mentioned activities, a small group discussion was arranged between the facilitators and youths. In the small group, youths had opportunity to ask questions and understand the messages that was delivered during the two previous talks. It was assumed that this activity would help to instill their self-confidence by giving them the opportunity to express themselves and share their opinions with the facilitators and lecturers. Furthermore, this activity can also help them to control their emotions when they are giving their opinions and asking questions from the facilitators. We assumed that this activity would help them to practice emotional control such as reducing their nervousness when they share their views and ideas about life with the facilitators.

The small group discussion was followed with a game called 'youth voices'. The youth and the facilitators participated in the game. Each participant was blindfolded and stood on a line. They were asked to give their opinions whether they agree or disagree on statements (e.g., people without goals succeed because they know where they are going) given to them. They showed their agreement/ disagreement by choosing to go to the right (if agree) or to the left (disagree) of the line. Participants were further asked about their opinions on their decision choosing their level of agreement towards each statement given randomly. It was observed during program evaluation that some of the participants could express their opinions by giving some examples based on their own life experiences. The aim for this game was to boost the leadership, emotional control and self-confidence in expressing their opinions, attitude, knowledge and actions of young people (Jayaraja & Tielemeans, 2011). While conducting each activity, we also stressed upon the importance of

time by reminding each participant to be punctual in each of the activity that was conducted. Furthermore, the issue and importance of proper time management to accomplish future plans was also highlighted in the motivational talk.

In each activity, the researchers stressed the important elements of attitude change, which was assumed to be influenced by the source (the facilitator), communication channels (video, games, songs and group discussion) and the target group (youths) (Getrude Cosmas, 2003). These three elements were highlighted in delivering messages for the youths. This is to ensure the participants can understand the message. The researchers' approach was based on the Hovland, Janis and Kelly theory (1953) which focuses on 'who says, what to whom and with what effect' which focuses on the source (facilitator and lecturers), what (the messages), to whom (youths) and with what effects (the assessment of the structured group activities).

RESULTS

The Reliability of Each Component in Soft Skills
Table 1 shows the reliability coefficients for each component in soft skills. The reliability of each scale in this study was acceptable (i.e., time management, social competence, achievement motivation, intellectual flexibility, leadership, emotional control and self-confidence)

Table 1: The Reliability for Each Component in Soft Skills

Eight Components of Soft Skills	Kadazan-Dusuns (N=21)
Time Management	.77
Social Competence	.62
Achievement Motivation	.64
Intellectual Flexibility	.60
Leadership	.50
Emotional control	.53
Self-confidence	.82
Total	**.88**

Descriptive Data
Table 2 shows the pattern of Kadazan-Dusun Youths' demographic characteristics (see Table 1 for the detailed description).

Table 2: A Detail of 21 Kadazan-Dusun Participants' Demographic Characteristics

Variable	(Frequency)	(%)
Gender		
Male	12	57.10
Female	9	42.90
Number of siblings		
1-5	10	47.62
6-10	11	52.38
Involvement in Youth Program		
Yes	14	66.67
No	6	28.57
Missing values 1	4.76	
Stay with		
Parents	12	57.14
Parents and siblings	7	33.33
Friends	1	4.76
Others	1	4.76
Levels of academic		
Primary school	8	38.10
Secondary three	7	33.33
Secondary five	6	28.57
Types of Programs		
Uniformed units	2	9.52
Sports	5	23.82
Academic program	1	4.76
Arts	6	28.57
Voluntarily program	6	28.57
Missing values	1	4.76

There were 21 Kadazan-Dusun youths who participated in this study. The participants were all from Buayan village, which is located in Crocker Range. As for their religious affiliation, all of them are Christian, and most of the youths reported that they gather at the chapel during Sunday prayers and are always involved in youth activities, which are organized by the chapel. The youths also reported that they practice Kadazan-Dusun traditional culture in their daily lives activities such as mitatabang (helping each other), respecting the elderly and using their local language in daily conversations. In terms of their academic level, most of them completed secondary school. The vast majority of their parents are farmers.

Table 3:The Results of the Mann Whitney U Test on Each of the Components in the Soft Skills Between the Experimental Group and the Control Group

Components	Group	N	Mean Rank	Z	Sig
Time Management	Experimental	7	10.50	-.51	.60
	Control	14	11.25		
Social Competence	Experimental	7	10.50	-.51	.60
	Control	14	11.25		
Achievement Motivation	Experimental	7	11.00	-.66	.51
	Control	14	10.29		
Intellectual Flexibility	Experimental	7	12.00	-1.03	.30
	Control	14	10.50		
Leadership	Experimental	7	11.00	-1.11	.27
	Control	14	9.42		
Emotional Control	Experimental	7	9.50	.00	1.00
	Control	14	9.50		
Self-Confidence	Experimental	7	9.57	-1.363	.64
	Control	14	11.00		
Soft Skills	Experimental	7	9.50	-.91	.36
	Control	14	11.75	14	11.75

Note: Experimental group (Youths who involved in the structured activities)
Control group (Youths who were not involved in the structured group activities)

The results of the Mann Whitney U Test showed that there were no significant differences between the experimental group and the control group in each component of soft skills. In this study, the experimental group comprised of seven youths who participated in the structured group activities implemented by the researchers, while the control group represents the fourteen youths who did not participate in the structured group activities.

DISCUSSION

One positive way to involve youths to participate in the structured group activities and other positive youth development programs is by understanding their needs and interests and addressing these needs appropriately. Therefore, we hope that the outcome of these activities, which only involved a small number of participants, can help us to redefine the content and duration of each activity, which was implemented. According to Flores (2007), it is difficult to develop any good program without evaluation or assessment of the effectiveness of the program. We believe that, positive feedback from youths based on their involvement in youth programs is important in evaluating the effectiveness of the program. The youths' positive feedback post activities can help the organizer of any youth programs to design good modules. This model comprised of appropriate activities and implementation

strategies, which is in line with the youths' needs and interest.

The researchers in the present study found out that the structured group activities used was appropriate with the rural youth. The activities were organized according to their needs and were able to sustain their interest throughout the day, and youth appeared to look forward for another activity. They participated actively and showed great deal of interest. However, overall duration of structured group activities, which was for only one day, did not show any significant effects on each of the soft-skill component.

Thus, findings of the present study can also be used to highlight the fact that the duration of the program is very important to achieve the desired outcomes of the program. In the present study, the structured group activities were conducted for only one day only, which might not be sufficient to instill significant changes on the seven components of soft skills. Mary Tan's (2005) study found that the youth program which was implemented for 3 months, showed significant changes in the seven elements (i.e., social competence, active initiative, leadership, intellectual flexibility, achievement motivation, emotion control and self-confidence). However, one of the elements i.e., time management did not show significant change.

During the present study, the researchers also believed that one of the limitations of this study is the duration of the program. According to Grossman and Rhodes (2002), youth in relationships lasted for a year or more reported the largest number of improvements in academic, psychosocial, and behavioral outcome. This study revealed that there were no significant differences between youths who were involved in program and those who were not involved in the program of developing the seven components of soft skills. We however, believe that the youths can gain knowledge from the activities and have good opportunities to interact with the university students and lecturers which can enhance their motivation for studying in institutes of higher learning and provide them with a better view of university life.

As for the suitability of activities in the positive youth development program it was found that the activities were suitable in terms of content, duration and format. It was reported by one of the participants of the program that she enjoyed it and will look forward to be a part of any other program of such kind in near future (Personal communication, Patricia John, youth, 7 November, 2014). Therefore the program was helpful in familiarizing them with contents and format of positive youth development programs. In future they can approach any program targeted on youth with more confidence and less anxiety.

We did not find any significant difference in each of the seven components of soft skills between the youths who were involved, and those who were not involved in the program. However, we believe that the youths can gain knowledge from the activities that were implemented during positive youth development program and have good opportunities to interact with university students and lecturers.

CONCLUSIONS

In conclusion, the content and time duration needs to be considered in organizing and implementing any youth development programs to enhance positive youth development. It was found that the program did not show any significant effects to each component of the soft skills. This might be due to number of possible reasons such as time duration of the program, relationship building between the trainer and trainees, and other surrounding distractions during program implementation. In the future, it might be practical if the organizer of any youth development programs should visit the location to understand the needs of youths who have different cultures and ethnicities. Moreover, before inviting youths to participate, briefing them about the youth programs before implementation can help in lessening their anxiety so that they can approach the program with more confidence. This can improve the likelihood for achieving the objectives of youth development programs in future.

REFERENCES

Department of Statistics Malaysia. 2010. Population distribution of urban and rural youths by state. Putrajaya: Department of Statistics

Flores, K. S. 2007. Youth Participatory Evaluation: Strategies for engaging young people. USA: John Wiley and Sons

Getrude Cosmas. 2003. Sikap Komuniti miskin terhadap pembangunan. UMS: Kota Kinabalu

Grossman, J.B., & Rhodes, J.E.2002. The test of time predictors and effects of duration in youth mentoring relationships, American Journal of Community Psychology, 30, 2, 199-219

Hovland C. I., Janis, I. R, & Kelley, H. H. 1953. Communication and Persuasion. USA: Yale University

Jayaraja, & Tielemans, E. 2011. The yellow book of games and energizers. UK: Jessica Kingsley Publishers

Larson, R., Jarret, R., Pearce, N., Sullivan, P., Walker, Kathrin, W., N., & Wood, D. Organized Youth activities as contexts for positive development. In Joseph, S., & Linley, P. A. (Editor). (2004) Positive Psychology in Practice. (pp.540-560).USA: John Wiley and Sons

Mary Tan. 2005. Examining the impact of an outward-bound Singapore on the life effectiveness of adolescents. University of Hampshire. Submitted a partial of fulfillment of the Masters of Science (Kinesiology)

Smith, C., Akiva, T., Arrieux, D., & Jones, M.M. 2006. Improving quality at the point service. New Direction for Youth Development, 112, 93-108

Authors Profile:

Getrude Cosmas (Ph.D)
Faculty of Psychology and Education
getrudec@ums.edu.my

Abd Hakim Mohad @ Mohammad Ramli (Ph.D)
The Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning
abdhakimmy@yahoo.co.uk

Shazia Iqbal Hashmi (Ph.D)
Faculty of Psychology and Education

Walton Wider
Psychology and Health Research Unit, UMS

KESAN PEMBACAAN NOVEL KEPADA REMAJA DI MALAYSIA

FATIMAH SAIDIN & JAMILAH AHMAD

ABSTRAK

Novel merupakan salah satu medium penting yang sering digunakan untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk penceritaan. Media naratif ini telah lama digunakan di Malaysia dan semakin meningkat penggunaannya sejak timbulnya 'demam adaptasi novel' ke genre drama. Sehubungan dengan terjadinya lambakan novel bergenre popular di pasaran, satu kajian telah dijalankan untuk melihat kesan pembacaan novel kepada pembaca dalam kalangan remaja. Menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian fenomenologi, sekumpulan peserta kajian yang terdiri daripada 10 remaja peminat novel telah ditemubual secara mendalam bagi mendapatkan maklumat mengenai kesan pembacaan novel terhadap perkembangan diri mereka. Hasil kajian mendapati, pembacaan novel memberi pelbagai kesan perubahan dalam perkembangan diri remaja seperti perubahan kepercayaan, perubahan persepsi, perubahan tingkah laku, peningkatan maklumat dan peningkatan kemahiran bahasa.

Kata Kunci: *Novel, Remaja, Perubahan, Kepercayaan, Tingkah Laku*

ABSTRACT

Novel is one important medium that is often used to disseminate narrative information. Narrative media has long been used in Malaysia and is increasingly significant todaydue to current trend of novel adaptation to the genre of drama. In connection with the dumping of popular genre novel in the market, this study was conducted to elicit the effects of novel reading among teenager readers. Using qualitative research method through phenomenological approaches, this research collaborated with a group of 10 teenager respondents novel fans. The respondents were interviewed to obtain information about the impact of reading novels to their self-development. The finding indicates that reading novels provide various effects on teenagers self-development such as changes in belief, perception and behaviour; increased of knowledge as well as improved in language skill.

Keywords: *Novel, Teenagers, Changes, Belief, Behaviour*

PENGENALAN

Keghairahan karyawan filem dan drama menerbitkan filem dan drama adaptasi novel menimbulkan fenomena baharu iaitu lambakan novel-novel bergenre cinta dan kekeluargaan di pasaran. Novel-novel ini kebanyakannya memaparkan tema penceritaan yang agak klise dan olahan plot yang hampir sama. Toko-toko buku mempamerkan karya-karya ini berhampiran pintu masuk premis mereka dan

meletakkan label-label khas bagi menandakan naskah terbaru atau terlaris. Tinjauan penyelidik mendapati bahawa novel-novel ini memenuhi sebahagian besar rak hadapan kedai buku dan ditawarkan dengan harga diskaun yang menarik. Tajuk-tajuk novel popular ini memasuki carta terlaris milik toko buku terkenal di Malaysia seperti Carta MPH dan Carta Popular dan menjadi rujukan utama kepada para peminat novel untuk mendapatkan naskah terbaik bagi menambah koleksi bacaan mereka.

Fenomena keghairahan membaca novel ini adalah luar biasa dan tidak pernah difikirkan akan berlaku dalam era kegilaan manusia mengejar teknologi komunikasi. Istilah buku yang sejak dahulu dikaitkan dengan golongan penuntut ilmu kini menjadi produk bernilai tinggi yang ingin dimiliki oleh sebilangan besar remaja di Malaysia. Malah mereka begitu berbangga untuk mewar-warkan koleksi yang mereka miliki kepada rakan-rakan sebaya, sama seperti perasaan bangga yang dirasai sekelompok remaja yang lain ketika mempamerkan gajet-gajet telekomunikasi terbaharu mereka. Bezanya, 'gajet' kelompok ini tidak hanya menjadi koleksi peribadi, malah menjadi satu bahan interaksi sosial dalam kalangan mereka apabila sering berpindah tangan dari satu pembaca kepada satu pembaca yang lain. Kebanggaan mereka bukanlah kepada sebanyak mana mereka mampu memiliki naskah itu, sebaliknya kepada berapa banyaknya bilangan novel yang telah mereka baca. Tidak hanya terhenti di situ, kisah-kisah dalam novel yang telah dibaca juga menjadi topik utama perbualan sesama mereka apabila bertemu.

Ironinya, tidak banyak pihak yang menyedari bahawa fenomena ini sedang berlaku, mungkin kerana ia tidak pernah menjadi isu dalam negara. Paparan dalam aspek perangkaan mungkin mampu membuka mata lebih banyak pihak yang masih tidak menyedari wujudnya fenomena ini. Akhbar Utusan Malaysia (13 Januari, 2013) melaporkan bahawa, kebelakangan ini novel bergenre ringan dan bertema cinta diterbitkan dan dicetak pada kuantiti yang luar biasa. Beberapa karya penulis muda yang terkenal dilaporkan diulang cetak melebihi 10 kali dengan jumlah cetakan hampir setengah juta naskah. Novel karya Fauziah Shaari yang pernah diadaptasi ke bentuk filem telah diulang cetak sehingga 150 ribu naskah, selepas kejayaan filem berkenaan mencatat kutipan tayangan sebanyak RM11 juta. Penulis muda terkenal, Ain Maisarah menjadi begitu terkenal selepas menghasilkan 33 karya yang setiap satunya diterbitkan sehingga 200 hingga 300 ribu naskah. Jelas begitu mudah para penulis novel popular ini menjana pendapatan dengan mengolah karya-karya yang menyentuh emosi pembaca sehingga ramai yang tewas dan mengalirkan air mata.

Perpustakaan Negara Malaysia pula mencatatkan statistik yang memberangsangkan dalam penerbitan novel bahasa Melayu iaitu sebanyak 1243 judul novel berbahasa Melayu telah diterbitkan dalam negara Malaysia dari tahun 2001 hingga 2005. Dalam keseluruhan judul yang diterbitkan, 185 darinya adalah judul novel remaja dan 425 lagi adalah novel dewasa. Peningkatan jumlah judul novel bergenre popular dalam pasaran sejak akhir-akhir ini dipercayai akibat

daripada fenomena keghairahan karyawan mengadaptasi novel ke bentuk filem dan drama televisyen.

Dalam satu kajian kualitatif yang dijalankan oleh pengkaji mengenai kesan novel ke atas remaja, beberapa sampel remaja berumur antara 15 hingga 20 tahun menyatakan bahawa mereka telah membaca lebih dari 50 tajuk novel bergenre popular yang berbeza, sementara beberapa sampel lain dalam kategori akhir remaja telah mencatat bilangan tajuk yang lebih banyak iaitu 70 hingga 100 tajuk novel popular yang berbeza. Peserta kajian ini juga menceritakan bagaimana rakan sekelas mereka begitu menggilai novel dan memiliki koleksi bacaan yang banyak. Seakan dapat dijangka, pemberatan bilangan sampel kajian mengikut jantina memang berbeza iaitu majoriti pembaca novel ini adalah dalam kalangan remaja wanita.

Fakta-fakta di atas adalah bukti kepada fenomena keghairahan pembacaan novel dalam kalangan remaja Malaysia. Situasi ini boleh dianggap berimpak tinggi kerana berupaya menggegarkan industri perfileman dan memberi kesan langsung kepada industri asalnya iaitu penerbitan, sekaligus menimbulkan kesan kepada industri percetakan dan industri hiliran lain yang berkaitan dengannya.

Persoalannya, apakah situasi yang berimpak tinggi ini tidak meninggalkan kesan langsung di peringkat pengguna media? Bagaimana jika situasi ini sebenarnya berimpak besar tetapi tidak disedari kerana kesannya tidak nyata pada pandangan mata umum atau kerana terselindung di sebalik satu aktiviti yang kelihatan positif? Perlukah fenomena ini dilihat dengan lebih teliti dalam kondisi yang lebih ilmiah mengenai kesannya terhadap kelompok remaja?

Mungkinkah fenomena ini hanya sekadar sangkaan-sangkaan yang tidak berasas, isu yang bertahap terpencil atau sebenarnya tidak menjadi isu sama sekali? Wajarkah kita memejamkan mata dan menganggap bahawa fenomena besar ini adalah lumrah dan pasti ada sahaja fenomena baharu yang berlaku seiring perubahan zaman dan era?

SOROTAN LITERATUR

Remaja adalah satu peringkat yang unik dalam kehidupan seseorang. Pada peringkat ini personaliti mereka sedang berkembang. Kebanyakan mereka akan mengalami perubahan sikap yang drastik seperti suka memberontak, membuat provokasi, memencilkan diri, tidak bermaya dan tidak aktif. Selain itu, mereka juga menyukai nilai-nilai baharu yang berbeza berbanding nilai yang difahami oleh orang luar zamannya (Mohamed Hatta, 2003). Namun begitu, tidak semua remaja memiliki ciri-ciri yang sama kerana setiap remaja mempunyai motif sosial yang berlainan. Remaja yang mempunyai keperluan bergabung yang tinggi lebih cenderung menyertai kumpulan ataupun aktiviti sosial secara aktif. Remaja yang mempunyai keperluan bergabung yang rendah pula didapati tidak suka bergaul dengan orang lain (Adams, 1982).

Kajian-kajian mengenai kesan media ke atas pembentukan personaliti banyak dijalankan ke atas kelompok remaja. Kajian-kajian yang lalu menunjukkan dapatan yang begitu kontra di antara satu kajian dengan yang lain. Kajian yang pernah dijalankan di Universiti Teknologi Mara (Abdullah, 1998) mendapati bahawa, permasalahan remaja berpunca daripada faktor diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan persekitaran sekolah. Dalam kajian ini, faktor media langsung tidak menjadi penyebab kepada permasalahan remaja. Mungkin ketika kajian ini dijalankan (tahun 1998), ledakan teknologi komunikasi baru bermula dan kegilaan remaja terhadap media baharu belum menjadi satu isu utama dalam negara.

Fakta ini diperkuatkan lagi oleh satu kajian yang dijalankan oleh Abdullah dan Mawaddah (2010) dari Universiti Teknologi Mara, ke atas sekumpulan remaja mengenai pengaruh media elektronik terhadap keruntuhan akhlak pelajar. Mereka mendapati bahawa, pengaruh media terhadap kerosakan akhlak adalah pada tahap sederhana. Pelajar didapati suka membuang masa dengan menonton rancangan-rancangan hiburan dan kurang melakukan kerja yang berfaedah. Dalam kedua-dua kajian ini, media didapati bukanlah punca kepada permasalahan sosial yang serius. Kesan buruk media hanyalah sebagai tempelan kepada pengaruh lain yang lebih besar kesannya terhadap kerosakan akhlak remaja. Kedua-dua kajian ini agak berbeza dengan pendapat pengkaji lain yang begitu ekstrim sehingga menganggap bahawa pengaruh media ke atas remaja adalah seperti pengaruh seorang ibu terhadap anaknya (Baran et al., 1984).

Sekumpulan pengkaji dari Universiti Teknologi Mara telah menjalankan satu kajian mengenai pengaruh media manakah yang paling memberi kesan ke atas remaja. Kajian ini memetik sebuah artikel dari majalah Perspektif yang menyatakan bahawa remaja amat meminati dan menjadikan majalah-majalah hiburan sebagai sumber maklumat mereka. Antara majalah yang diminati adalah majalah kewanitaan seperti Jelita, majalah sensasi seperti URTV dan majalah-majalah humor seperti Gila-Gila dan Gelagat. Kajian ini menunjukkan bahawa, media cetak juga mempunyai daya tarikan yang kuat ke atas remaja (Abdullah, 1998). Kajian ini dapat memberi sedikit gambaran mengenai daya tarikan bahan naratif novel ke atas remaja.

Melihat kepada dapatan kajian mengenai kesan media ke atas remaja, timbul satu persoalan iaitu bagaimanakah novel yang merupakan salah satu bentuk media naratif berperanan mempengaruhi perkembangan diri remaja?

Sorotan literatur mengenai kajian-kajian yang lalu dan pendapat-pendapat pakar mengenai pengaruh bahan naratif dalam pembentukan diri manusia mampu memberi sedikit gambaran mengenai kesan media ke atas diri remaja. Sasterawan Negara, Anwar Ridhwan (2013) beranggapan bahawa, kecenderungan remaja membaca bahan-bahan naratif fiksyen dan bukan fiksyen sebagai satu fenomena positif dalam perkembangan diri mereka. Fenomena ini dianggap sebagai kaedah baharu untuk kelompok remaja meluaskan pengetahuan mereka seiring

era globalisasi yang semakin mencabar. Menurut beliau, ibu bapa tidak boleh menggunakan pengalaman lampau mereka untuk mencorakkan anak remaja mereka kerana zaman telah berubah, seiring dengan berubahnya cara berfikir dan gaya hidup. Oleh itu pembacaan bahan naratif kreatif ini sangat berfaedah untuk membentuk jati diri remaja, selagi mana isi kandungan bahan naratif berkenaan memaparkan isu-isu yang mampu membantu perkembangan jati diri remaja. Pendapat pakar ini secara tidak langsung menekankan tentang kepentingan isi kandungan bahan bacaan naratif dalam membetuk perkembangan diri pembaca.

Pendapat ini disokong oleh pendapat lain yang dikeluarkan oleh Sasterawan Negara, Keris Mas (1988) yang menyatakan bahawa, pengetahuan boleh diperolehi melalui dua cara iaitu secara formal dan secara tidak formal. Pengetahuan formal boleh dipelajari di sekolah-sekolah atau institusi pengajian sementara pengetahuan tidak formal boleh diperolehi dengan belajar sendiri melalui pembacaan buku-buku yang tidak dikhaskan atau melalui pengalaman dan pergaulan dengan orang yang mempunyai ilmu. Pendapat ini menekankan bahawa, ilmu pengetahuan boleh diperolehi melalui pembacaan buku-buku yang 'tidak dikhaskan' seperti hasil-hasil karya kreatif berbentuk naratif. Menurut beliau lagi, cara kedua adalah lebih penting kerana manusia tidak selamanya akan mempelajari sesuatu ilmu secara formal di institusi pengajian sedangkan manusia masih memerlukan ilmu pengetahuan di sepanjang usianya dalam usaha meneruskan penghidupannya.

Menurut Sasterawan Negara, Shahnon (1989), bahan naratif seperti novel mampu mendidik pembaca untuk memahami dan menilai keadaan sosial masyarakat. Pemahaman dan penilaian ini boleh diperolehi oleh pembaca melalui kritikan-kritikan sosial, tindak tanduk dan gerak laku manusia dalam sesuatu situasi, dalam adegan jenaka, simbolik atau satira dan sebagainya yang dipaparkan secara jelas dan tersirat di dalam penceritaan sesebuah novel. Menurut Shahnon lagi, melalui aspek kehiban, kerinduan dan kerawanan hati ataupun kegundah gulanaan, novel juga berupaya menggerakkan kita kepada aras-aras rasa simpati yang kadang-kadang amat halus. Selain itu, novel juga mampu membebaskan manusia ke dalam alam khayalan, melangkaui lapisan hidup di luar dugaan, melewati babak-babak impian dan fantasi. Ciri-ciri ini banyak membantu pembaca untuk lebih memahami dan menghayati situasi yang berlaku dalam penceritaan sehingga adakalanya mampu mengundang empati dalam sanubari pembaca. Menurut kajian yang dijalankan oleh Green (2000) dan Brock (2004), empati mampu memberi kesan yang besar dalam perubahan pendapat dan tingkahlaku pembaca sesebuah novel.

Pandangan ini bukanlah sekadar retorik, malah telah berjaya dibuktikan oleh banyak kajian-kajian di negara barat. Satu bukti yang signifikan ialah mengenai kaedah baharu dalam penulisan novel yang semakin meluas diamalkan di Amerika. Kini, penulis-penulis novel popular Amerika giat mengiklankan produk-produk keluaran syarikat terkenal bertaraf dunia ke dalam penceritaan novel mereka. Kajian yang dijalankan oleh Johnson (2010) mengenai novel-novel terkenal keluaran sebuah syarikat penerbitan Alloy Entertainment mendapati bahawa, kaedah ini

memberi impak besar terhadap perubahan tingkah laku pembaca dalam kalangan remaja. Dalam ketiga-tiga buah novel yang dikaji, didapati bahawa produk-produk ini telah diiklankan secara tidak langsung apabila penulis menerangkan secara terperinci mengenai keadaan rupa diri watak-watak utama dalam novel yang sering menggayakan produk-produk bertaraf antarabangsa. Dalam kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa, secara tersiratnya novel keluaran syarikat ini mengajar pembaca mengenai rupa diri mereka dan penampilan yang wajar dengan usia mereka. Kajian kualitatif ini juga mendapati bahawa, novel-novel romantik remaja banyak memperkenalkan remaja wanita sebagai pembeli tegar dalam usaha menjadikan diri mereka pasangan romantik yang jelita.

Satu kajian yang begitu jelas menunjukkan kesan penceritaan ke atas pengguna adalah kajian yang dijalankan oleh Murphy et al. (2013). Walaupun menggunakan penceritaan dalam bentuk paparan drama, ia tidak jauh berbeza kerana masih menunjukkan kesan penceritaan kepada pengguna. Justeru, ia boleh diaplikasi kepada kajian yang menggunakan medium penceritaan lain seperti novel. Dalam kajian ini, pengkaji melihat perbezaan kesan antara paparan media tidak berunsur penceritaan dan paparan media berunsur penceritaan yang memaparkan maklumat mengenai penyakit kanser kepada wanita Amerika berketurunan Eropah, Mexico dan Afrika. Kajian ini membandingkan kesan yang dialami oleh penonton filem cakera padat yang menunjukkan sebuah keluarga yang mula mengenali ujian 'Pap Smear' setelah salah seorang ahli keluarga mereka disahkan mengidap kanser. Filem ini dibandingkan dengan dokumentari bukan fiksyen bukan naratif yang menggunakan pendekatan diduktif tradisional bertajuk It's time yang menunjukkan seorang doktor berbincang mengenai kanser serviks dengan pesakitnya. Kajian ini mendapati bahawa, kesedaran mengenai penyakit kanser lebih berkesan bagi paparan berunsur penceritaan berbanding paparan tidak berunsur penceritaan.

Melihat kepada sudut yang berlainan dalam perkembangan remaja iaitu perbezaan tingkah laku mengikut gender, Haefner et al. (2008) mengkaji bagaimana tiga orang penulis novel memaparkan mengenai partriachy di dalam penulisan mereka. Partriachy adalah satu konsep yang sering dibincangkan dalam kajian novel bergenre cinta. Konsep ini memaparkan kehebatan lelaki dan kehidupan yang berorientasikan lelaki serta bagaimana lemahnya sifat kewanitaan dan kebergantungannya terhadap golongan lelaki sebagai pelindung. Kajian ini dilakukan dengan mengambil sampel 13 buah novel dan memetik perenggan-perenggan yang menggambarkan berlakunya partriachy dalam penceritaan. Kajian menggunakan analisis teks ini menunjukkan bahawa konsep partriachy dipaparkan dengan begitu banyak dalam penceritaan novel secara tidak disedari. Keadaan luar sedar ini berlaku kerana paparan ini diselitkan dalam penceritaan yang menyerupai kisah benar. Banyak kajian mengenai novel bergenre romantik menunjukkan bahawa, pembaca yang sering disogokkan dengan konsep ini percaya bahawa kebahagiaan dalam perhubungan hanya akan terjadi sekiranya corak hubungan selari mengikut konsep partriachy.

Namun begitu, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa tidak semua pembaca mudah terkesan dengan penceritaan novel sehingga ke tahap perubahan pendapat dan tingkah laku. Kajian Appel & Richter (2010) mendapati bahawa, kesan penceritaan kepada pembaca adalah berbeza mengikut individu. Sebahagian individu lebih mudah terkesan berbanding individu lain bergantung kepada kecenderungan mendekati emosi (needs for affect) yang telah sedia berada dalam dirinya. Ini bersesuaian dengan pendapat Tellegen & Atkinson (1974) yang menyatakan bahawa, terdapat individu yang lebih cenderung untuk tenggelam dalam sesuatu aktiviti, manakala Shehan (1967) berpendapat, terdapat sebilangan manusia yang lebih cenderung untuk membentuk imej minda (Dipetik dalam Green, 2006). Perbezaan pendapat kajian ini walaubagaimanapun tidak menolak bahawa penceritaan memberi kesan kepada sebilangan manusia.

Dapatan-dapatan diatas menjadi sumber kepada kajian kesan pembacaan novel ke atas remaja yang telah dijalankan oleh penyelidik. Kajian ini bertujuan melihat dengan lebih terperinci mengenai kesan-kesan pembacaan novel kepada pembaca dalam kalangan remaja iaitu dalam aspek perubahan minda, sikap, tingkah laku dan keupayaan diri.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui kajian fenomenologi. Data kajian diperolehi dengan menggunakan kaedah temubual mendalam dan dianalisa menggunakan kaedah analisis tematik Collaizi. Metodologi yang digunakan ini sememangnya bersesuaian untuk mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai pengalaman yang dilalui oleh pengguna sesuatu media semasa dan selepas menggunakan media berkenaan (Daymon & Holloway, 2011). Pengalaman-pengalaman ini adalah dapatan yang bersifat subjektif dan tidak sesuai di kumpul melalui kaedah lain melainkan dengan menggunakan metodologi kualitatif.

Kajian dijalankan terhadap 10 peserta dalam kalangan remaja yang merupakan peminat tegar novel. Mereka merupakan pemilik koleksi novel-novel pelbagai genre dan juga menganggotai kelab-kelab peminat novel yang berprestij. Remaja-remaja ini didekati secara purposive melalui kelab-kelab peminat novel dan temu janji dilakukan terlebih dahulu untuk sesi temubual. Temubual dilakukan berpandukan soal selidik berstruktur separa yang lebih bersifat umum dan terbuka. Hasil temubual direkodkan menggunakan perakam atau secara atas talian di laman sosial. Hasil kajian ini kemudiannya ditaip semula dan dilakukan proses memformula maksud dan kemudiannya dianalisa secara tematik mengikut kaedah analisis tematik Collaizi (Shosha, 2012).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian kesan novel ini terlebih dahulu dimulakan dengan tinjauan terhadap minat,

pemahaman terhadap intipati novel dan pemahaman maksud tersirat yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Kajian mengenai minat dan pemahaman ini adalah penting dalam pengkajian kesan novel ke atas remaja kerana kedua-dua faktor ini merupakan titik tolak kepada kesan-kesan seterusnya ke atas remaja.

Beberapa persoalanan telah diajukan dalam temubual berstruktur yang telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat mengenai kesan pembacaan novel kepada remaja. Soalan-soalan ini telah digabungkan mengikut set-set tertentu bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu berkenaan kajian. Set soalan yang pertama telah dianalisa dan didapati menjawab persoalan kajian berikut iaitu:

Sejauh manakah remaja dapat memahami intipati dan maksud yang tersirat dalam sesebuah novel yang mereka baca?

Dalam temubual mendalam yang telah dijalankan kepada 10 peserta kajian dalam kalangan remaja, kesemua peserta bersetuju bahawa novel berkemampuan menjadi medium penyampai mesej dari penulis kepada pembaca dalam kalangan remaja. Pendapat ini disandarkan kepada pengalaman peserta sendiri sebagai peminat tegar novel-novel bertema popular. Kebanyakan peserta bersetuju bahawa, novel-novel yang mereka baca mudah difahami jalan cerita yang ingin disampaikan oleh penulisnya. Sebilangan kecil peserta yang lebih meminati novel bergenre misteri dan kesusasteraan juga bersetuju bahawa intipati novel boleh difahami oleh mereka dengan mengaplikasikan kaedah pembacaan yang lebih fokus dan teliti.

Kebanyakan peserta beranggapan bahawa gaya penulisan novel bergenre popular yang mereka baca kebanyakannya mampu menarik minat remaja. Gaya penulisan begini dikatakan menarik kerana penceritaannya ringan dan santai, penggunaan bahasanya pula mudah difahami dan banyak menggunakan terminologi yang bersifat keremajaan. Majoriti peserta kajian dalam kalangan wanita menjelaskan yang mereka kurang tertarik dengan gaya bahasa yang terlalu puitis seperti novel-novel yang bergenre sastera.

Gubahan cerita-cerita dalam novel popular dikatakan mampu menarik minat majoriti remaja kerana diselitkan elemen percintaan serta konflik yang disertai jalan penyelesaian. Paling menarik adalah setiap penceritaan dalam novel ini bukan sekadar hiburan semata-mata malah diselitkan juga unsur-unsur pendidikan untuk diteladani. Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil peserta wanita yang berpendapat berbeza dan menganggap tidak semua remaja meminati genre yang sama kerana cita rasa setiap manusia adalah berbeza. Pendapat ini disokong oleh kenyataan dari peserta lelaki yang meletakkan novel bergenre sastera dan misteri di tangga teratas dalam senarai novel yang mereka minati.

Dari segi populariti, kebanyakan remaja menganggap bahawa buku-buku novel pilihan mereka adalah popular. Antara faktor yang mendorong mereka beranggapan demikian adalah kerana novel popular ini kebanyakannya telah pun dibaca oleh rakan sekelas, rakan sebaya, kaum keluarga dan individu yang terhampir

dengan mereka. Selain itu, novel-novel ini juga dapat bertahan lama di pasaran. Terdapat juga sebilangan kecil peserta kajian yang meminati novel-novel bertema serius yang kebiasaannya bukan dalam senarai bacaan yang diminati remaja seperti novel bergenre islamik dan kemasyarakatan, namun novel bergenre seperti ini tidak begitu popular dalam kalangan remaja.

Mana Sikana (2004) menyatakan, sesebuah khayalan atau imaginasi tetap mempunyai sebuah pokok persoalan. Maksudnya, setiap hasil karya berbentuk penceritaan yang dihasilkan, tidak kira dalam genre sastera, misteri ataupun popular, pasti mempunyai dasar cerita. Dalam dunia penulisan, pokok persoalan, pokok cerita atau dasar cerita itu dikenali sebagai tema. Tema ini tersembunyi di dalam sesebuah cerita dan hanya dapat diketahui setelah pembaca membaca, mencari dan menyaring dari keseluruhan penceritaannya. Pendapat ini bermaksud, sesebuah novel walaupun hanya berbentuk novel ringan, pasti mempunyai intipati yang ingin disampaikan. Pendapat ini menyokong bahawa terdapat mesej dalam sesebuah penceritaan novel sekalipun novel yang dirujuk peserta adalah berunsur ringan.

Analisis kepada set soalan seterusnya dapat menunjukkan dengan lebih jelas tahap pemahaman remaja terhadap pokok persoalanan yang ingin disampaikan dalam sesebuah novel. Persoalanan kajian yang dapat dirungkaikan adalah seperti berikut:

Adakah remaja dapat memahami pokok persoalanan atau maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca?
Daripada tinjauan kajian, didapati bahawa terdapat pelbagai maklum balas dari persoalan ini. Ada ramaja yang benar-benar memahami bacaan mereka, ada remaja yang merasa agak faham dengan penyampaian penulis, sebahagian pula merasa sukar untuk meahami kecuali jika mereka memberi sepenuh perhatian kepada bacaan mereka. Perbezaan pendapat ini dapat dijangka kerana gaya penulisan serta cara pengolahan penceritaan setiap pengarang adalah berbeza. Ada pengarang yang menulis secara deskriptif dan ada juga yang menggunakan pendekatan metafora, tidak kurang juga yang menggunakan bahasa puitis. Justeru, bagi remaja yang baru membaca hasil karya penulis tertentu, mereka akan mengambil masa untuk memahami dan menghayati teknik penulisan tertentu.

Daripada penerangan di atas, didapati bahawa novel berkemampuan menjadi ejen penyampai mesej kepada remaja. Berbeza dengan media lain, intipati novel sampai kepada pembaca melalui mekanisme yang perlahan dan bertahap. Pemahaman terhadap intipati novel dalam kalangan pembaca remaja ada kalanya mengambil masa yang agak lama. Namun, pembacaan yang berulang terhadap novel-novel dari penulis yang sama akan menjadikan peminat novel biasa dengan gaya penulisan seseorang penulis sekaligus akan membuka ruang kepada pemahaman yang lebih mantap terhadap intipati novel.

Oleh kerana kajian ini menjurus kepada matlamat untuk melihat kesan

pembacaan novel ke atas diri remaja, soalan yang ditanya dalam sesi temubual mendalam tidak dapat lagi daripada persoalan samada berlaku sebarang perubahan selepas membaca novel. Analisa set soalan berikutnya telah menjawab persoalanan kajian berikut iaitu:

Wujudkah sebarang perubahan dalam diri remaja selepas melalui pengalaman membaca novel?
Dapatan kajian menunjukkan bahawa, terdapat perubahan dalam diri remaja setelah melalui pengalaman membaca novel. Perubahan ini adalah sesuatu yang sukar diukur melalui pemerhatian dan memerlukan instrumen kajian yang lebih terperinci. Justeru, pengukuran dilakukan melalui analisa tematik dari data mentah temubual mengenai pengalaman yang dilalui oleh remaja semasa dan selepas membaca sesebuah novel.

Dapatan kajian menunjukkan, kesemua peserta kajian mengalami perubahan kepercayaan sebagai kesan dari pembacaan novel. Dalam temubual yang telah dijalankan, peserta kajian memberi pendapat bahawa penceritaan dalam sesebuah novel mempunyai unsur-unsur pengalaman sebenar penulis atau pengalaman pihak lain dan digabung jalin bersama imaginasi penulis. Dalam kata lain, mereka mempercayai bahawa penceritaan yang berlaku dalam sesebuah novel diolah berdasarkan sesuatu yang pernah berlaku di alam realiti. Malah, sebahagian peserta juga menganggap bahawa cerita itu adalah berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui oleh penulis novel itu sendiri. Sangkaan ini bertepatan dengan pendapat Sasterawan Negara Shahnon Ahmad (1989) yang menyatakan, sesuatu karya naratif tercetus daripada pengalaman yang pernah satu ketika dialami oleh penulis dalam hidupnya.

Secara dasarnya, terdapat tiga jenis perubahan utama yang berlaku iaitu perubahan kepercayaan, persepsi dan tingkah laku. Namun begitu, kebanyakan peserta kajian tidak mengalami ketiga-tiga perubahan sekaligus. Walaupun kesemua peserta mengalami perubahan kepercayaan, tidak semua peserta kajian mengalami perubahan tanggapan malah hampir separuh dari peserta tidak mengalami perubahan tingkah laku. Selain itu, pengkaji juga mengesan wujudnya perubahan dalam aspek lain iaitu peningkatan kemahiran, pemikiran kritis dan kreatif serta perkembangan emosi.

Dapatan ini selaras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Gerrig (1993) yang tidak menetapkan aspek perubahan yang berlaku, sebaliknya mendefinisikan perubahan diri pembaca sebagai sebarang jenis perubahan yang berlaku kepada pembaca selepas melalui pengalaman membaca bahan naratif. Perubahan itu tidak semestinya berlaku dalam semua aspek kerana setiap remaja mempunyai pembawaan sikap yang berbeza-beza. (Noraini, 2002, Mohd Hatta, 2003, Khairunnaja, 2005) Oleh itu, perubahan pada sebahagian aspek sahaja, selagi mana merupakan kesan dari pembacaan naratif, akan diambil dikira sebagai kesan akibat pembacaan novel.

Hasil temubual mendapati bahawa, kebanyakan peserta kajian lelaki adalah peminat tegar novel kesusasteraan dan misteri. Banyak tajuk novel dalam genre ini yang telah mereka baca dan sebahagian besar daripada karya-karya ini menerapkan aspek janaan kognitif dan kritikan sosial. Mereka juga membaca novel-novel popular, namun minat mereka lebih mendalam terhadap hasil karya yang lebih serius. Antara karya yang menjadi kegemaran mereka adalah karya-karya berbentuk misteri dan psikologi hasil tulisan Ramlee Awang Mursyid. Selain itu, karya-karya bernilai kesusasteraan keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka juga termasuk dalam senarai bacaan mereka. Peserta kajian dalam kalangan remaja lelaki adalah ahli kepada persatuan peminat novel berprestij seperti Legasi Oakheart dan kelab-kelab peminat novel milik syarikat penerbitan terkenal di Malaysia.

Pengalaman menemubual peserta lelaki bagi kajian ini sememangnya menarik untuk dipaparkan. Mereka bijak menggunakan terminologi kesusasteraan dalam perbualan dan mahir mencari intipati dalam buku bacaan mereka. Mereka juga berkebolehan mencari maksud tersirat di sebalik penceritaan yang telah diolah oleh penulis novel. Secara umumnya, peserta-peserta kajian dalam kalangan remaja lelaki mengeluarkan pandangan yang mantap, kritis dan bermaklumat. Adakalanya tahap pemikiran mereka lebih hebat dari yang dijangkakan dan keadaan ini jelas menunjukkan ciri-ciri kematangan mereka berbanding rakan seusia.

Peserta kajian dalam kalangan remaja perempuan pula lebih menyukai cerita-cerita bertema cinta dan kekeluargaan. Kebanyakan mereka mengeluarkan kenyataan berbau emosi dan kekesalan mengenai apa yang berlaku dalam penceritaan. Fikiran mereka banyak dipengaruhi oleh emosi dan empati, seolah-olah cerita yang dibaca itu benar-benar berlaku. Ingatan mereka terhadap jalan cerita begitu lama berbanding peserta kajian dalam kalangan remaja lelaki. Mereka boleh menyampaikan cerita yang mereka baca dengan baik seolah-olah mereka baru selesai membacanya. Dalam aspek emosi pula, mereka mampu menghayati jalan cerita sehingga menyebabkan berlaku perubahan pada tingkah laku seperti muram dan mengalirkan air mata. Paling mengejutkan, ada dalam kalangan peserta wanita yang masih merasa sedih setiap kali mengimbau kembali jalan cerita tertentu yang telah mereka baca beberapa tahun sebelumnya. Secara umumnya, perubahan dalam aspek emosi, kepercayaan dan tanggapan lebih banyak berlaku kepada peserta wanita sementara peningkatan dalam aspek kemahiran dan maklumat banyak berlaku kepada peserta lelaki. Perbezaan perubahan mengikut jantina ini kemungkinan besar disebabkan oleh perbezaan dalam pemilihan genre novel.

Hakikatnya, perubahan kepercayaan yang berlaku kepada peserta kajian adalah sesuatu yang wajar dipandang serius. Salah seorang peserta wanita menyatakan bahawa, beliau takut untuk memasuki alam rumahtangga kerana khuatir akan perlakuan kasar dan tidak adil oleh pihak suami terhadap dirinya sepertimana yang telah beliau baca dalam penceritaan kebanyakan novel popular. Ini adalah bukti yang jelas bahawa kesan perubahan kepercayaan telah berlaku kepada remaja berkenaan. Tanggapan seorang lagi peserta kajian yang terpengaruh

dengan penceritaan novel bahawa kaum lelaki tidak boleh dipercayai, adalah satu perkembangan yang tidak sihat dan tidak wajar dibiarkan. Remaja dalam kalangan wanita begitu mudah hilang wajaran dalam tanggapan akibat terpengaruh dengan penceritaan yang seringkali menunjukkan imej buruk sesuatu gender yang ada kalanya melampaui logik akal, sedangkan penceritaan ini diolah dan ditokok tambah sekadar untuk mempelbagaikan plot penceritaan dan memanipulasi emosi pembaca bagi tujuan melariskan jualan novel semata-mata.

Dari sudut positif, perubahan ke arah kebaikan akan berlaku kepada pembaca sekiranya mereka memilih bahan bacaan fiksyen yang berkualiti dan membina. Bacaan yang banyak memaparkan isu-isu yang ditangani secara positif, disarati dengan maklumat serta diselitkan nilai-nilai murni sedikit sebanyak akan memberi maklumat yang berguna kepada pembaca untuk menghadapi masa hadapan. Sekiranya remaja banyak membaca bahan-bahan seperti ini, mereka seolah-olah pernah melalui pengalaman-pengalaman berguna ini dalam kehidupan mereka. Keadaan ini akan banyak membantu mematangkan pemikiran mereka dan membuat keputusan yang betul apabila perlu.

Dari sudut negatif pula, perubahan diri ke arah yang tidak baik mungkin berlaku sekiranya remaja memilih bahan berbentuk picisan dan tidak berkualiti. Novel-novel picisan banyak menonjolkan watak-watak yang mementingkan kebendaan (Johnson, 2010), menghakimi sesuatu berteraskan rupa fizikal, mementingkan imej tubuh secara berlebihan (Kaminski, 2012), mengagungkan cinta sehingga meletakkan maruah wanita di tahap yang rendah (Haefner et al., 2008) dan pelbagai lagi bentuk nilai kemanusiaan yang amat tidak wajar. Mungkin sesetengah pihak menganggap novel picisan ini hanyalah hiburan semata-mata, justeru tidak perlu terlalu serius membincangkan isu intipati bahan ini. Namun, terlalu banyak kajian yang menunjukkan bahawa paparan seperti ini, jika kerap kali disumbat ke dalam minda pembaca, pasti akan meninggalkan kesan terhadap perkembangan diri mereka.

Melihat dari sudut pembacaan pula, bukan semua pembaca novel suka membaca dan menghayati bacaan melalui teknik bacaan berulang. Terdapat sebilangan kecil remaja yang corak pembacaannya berbeza dari keseluruhan peserta lain. Mereka tidak berminat untuk membaca semula cerita secara berulang-ulang seperti peserta-peserta lain setelah mereka mengetahui pengakhiran cerita. Jelas di sini bahawa, gaya pembacaan mereka adalah berorientasikan matlamat untuk mengetahui jalan cerita sahaja. Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa, cara seseorang pembaca mencapai kepuasan dalam pembacaan adalah berbeza dengan cara pembaca yang lain.

Melalui dapatan secara kolektif dan melihat kepada pendapat majoriti peserta secara umum, dapatlah disimpulkan bahawa, pembacaan novel memang memberi kesan dalam perkembangan diri remaja. Bacaan novel ini dilihat mendatangkan kesan perubahan diri kepada peserta dalam aspek kecerdasan emosional (eq), peningkatan

jati diri, kemahiran komunikasi interpersonal, peningkatan pengetahuan, kemahiran bakat penulisan dan penyampaian.

KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa, pembacaan novel meninggalkan kesan kepada pembaca dalam kalangan remaja. Sangkaan bahawa perkembangan diri remaja tidak berkaitan dengan medium hiburan berbentuk naratif, kini telah terbukti tidak tepat. Ketiadaan maklumat mengenai hubungan remaja dengan media berbentuk naratif bukanlah bermakna bahan media ini tidak memberi kesan, sebaliknya kerana tiada kajian khusus yang yang pernah dijalankan untuk melihat kepada faktor ini. Pihak berwajib perlu melihat dengan lebih serius mengenai fenomena kebanjiran bahan-bahan berunsur ringan ini kerana ia terbukti memberi kesan dalam pembinaan jati diri dan interpersonal remaja. Apa yang membimbangkan ialah pengaruh media naratif ini berlaku secara pasif dalam tempoh yang lama tetapi meninggalkan kesan yang kekal dan mendalam.

Justeru, satu kajian semula yang lebih terperinci perlu diadakan bagi mengkaji tahap perubahan kepercayaan dan tingkah laku dalam diri pembaca selepas membaca novel. Kajian ini perlu dijalankan dengan lebih meluas dan melibatkan lebih ramai sampel dalam kalangan remaja. Hasil kajian perlu dilihat dari sudut positif mahupun negatif. Sekiranya kajian menunjukkan yang remaja terdedah untuk mempercayai unsur negatif dalam penceritaan, pihak berwajib harus memantau penerbitan bahan-bahan berbentuk naratif yang berada dalam pasaran melalui garis panduan terkini yang lebih menitik beratkan aspek pembinaan sahsiah remaja dan pembentukan masyarakat yang lebih unggul dan berkualiti. Walaupun fenomena kebanjiran novel ringan bukanlah satu isu negara, kajian demi kajian tetap perlu dilakukan bagi mengkaji kesan naratif ke atas penduduk Malaysia sebelum terjadinya sesuatu kesilapan yang hanya mampu membuatkan kita menongkat dagu dan mengeluh kerana tidak mengambil tindakan lebih awal.

Penggunaan novel dalam subjek Bahasa Melayu telah lama dilaksanakan dalam kurikulum pendidikan di Malaysia. Instrumen ini didapati sangat sesuai dalam memantapkan pemahaman pelajar dalam matapelajaran bahasa. Kaedah ini juga telah digunakan dengan meluasnya di institusi pengajian tinggi bagi subjek bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, iaitu dalam bentuk latihan pemahaman naratif, tatabahasa dan kesusasteraan. Penggunaan novel dalam bilik darjah untuk subjek-subjek seperti pengajian am, tata negara dan kemahiran insaniah adalah satu idea baharu yang kreatif dan dijangka dapat menghidupkan sukatan pelajaran yang formal dan hambar. Dalam kajian ini, bahan naratif terbukti mampu memberi sumbangan kepada pembangunan diri remaja. Ini adalah maklumat baharu yang perlu dipanjangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Penggunaan novel dalam kelas perlu dicadangkan untuk menambah baik kurikulum di Malaysia agar pembelajaran menjadi lebih menarik tanpa mengenepikan aspek moral.

Isu kebejatan sosial remaja adalah satu contoh bagaimana media baharu mampu menjadi salah satu pemangkin kepada kerosakan sosio budaya masyarakat di Malaysia. Fenomena ini telah berubah dari satu keadaan yang buruk kepada satu keadaan lain yang jauh lebih buruk lagi. Kini, kebejatan sosial remaja Malaysia telah menjadi begitu serius dan membimbangkan. Kewujudan media-media baharu dipercayai menjadi punca kepada tercetusnya gejala sosial ini. Aplikasi-aplikasi baharu yang terdapat dalam gajet-gajet pintar ini telah menarik tumpuan majoriti remaja sehingga mereka memperuntukkan masa yang begitu lama untuk melayani media ini. Faktor ini adalah punca terabainya tanggungjawab utama mereka sebagai pelajar. Hakikat yang harus diterima adalah, remaja lebih tertarik kepada perkara-perkara baharu yang bersifat santai, kurang formal, tidak terlalu terikat dengan silibus. Justeru, penggunaan novel yang berkualiti dalam sukatan pelajaran adalah satu alternatif kepada pembelajaran yang terlalu berpandukan silibus dan berorientasikan peperiksaan. Penggunaan bahan naratif kreatif ini dilihat mampu menarik remaja untuk mempelajari sesuatu subjek yang kurang menarik perhatian mereka.

Maklumat mengenai implikasi penggunaan bahan berunsur naratif ini juga boleh menjadi bahan bukti kepada para karyawan dan penulis novel agar mereka lebih berhati-hati dalam mencetus idea untuk tatapan khalayak yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat. Sikap terlalu mementingkan keuntungan sehingga mengetepikan aspek kesan terhadap penonton akan menjadi punca kepada pelbagai penyakit masyarakat dan mengakibatkan negara menjadi mundur. Kajian ini diharap dapat menimbulkan keprihatinan dalam kalangan karyawan agar dapat menerbitkan novel dan filem adaptasi novel yang lebih mendidik jiwa dan menitik beratkan nilai-nilai positif.

Kajian ini juga penting kepada pihak kerajaan yang melaksanakan dasar-dasar yang bertujuan membangunkan masyarakat dan negara terutamanya dalam kesedaran penjagaan kesihatan. Kenyataan yang menunjukkan bahawa pembaca novel lebih menyedari mengenai bahaya seks rambang selepas maklumat mengenai perkara itu dibaca melalui novel (kajian oleh Dickman, Mc Donal dan Gardner dalam Graaf dan Hustinx, 2011) menjadi bukti bahawa masyarakat boleh menerima sesuatu polisi atau kempen-kempen dari kerajaan lebih baik melalui kaedah penceritaan. Penggunaan kaedah lama seperti paparan poster-poster dan hebahan slogan-slogan dalam program-program kesihatan dan iklan melalui media massa aliran utama didapati kurang berkesan kepada pengguna. Kenyataan ini adalah berdasarkan statistik yang menunjukkan bahawa, peningkatan bilangan perokok tetap berlaku walaupun kerajaan telah melancarkan kempen Tak Nak Merokok di seluruh negara (Daing Diana et al., 2013).

Bukti-bukti melalui pendapat-pendapat pakar, kajian-kajian terdahulu dan kajian ini telah jelas menunjukkan perkaitan antara perkembangan diri remaja dan kesan dari pembacaan bahan naratif seperti novel. Kesan-kesan sampingan baik dari segi negatif ataupun positif pasti ditinggalkan kepada pembaca selepas mereka

melalui pengalaman membaca sesebuah novel. Masyarakat yang prihatin mengenai masa depan negaranya pasti akan mengambil peduli mengenai apa yang akan berlaku kepada generasi mudanya, kerana generasi inilah yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. Setiap isu dan fenomena yang timbul walau sekecil manapun kesannya ke atas sesebuah negara, perlu diberi perhatian agar tidak berubah menjadi gejala negatif pada satu masa nanti. Aspek positif juga perlu diambil kira dan digarapkan dalam setiap karya kerana ia merupakan kaedah yang baik dan berkesan untuk mendidik pembaca novel terutamanya dalam kalangan remaja.

RUJUKAN

Abdullah @ Kasim, M., Mokhtar, M., Darussalam, A. B., Mohd Shah, A., Ali, D., Haliza, H. 1998. Impak Media ke Atas Remaja: Satu Analisis Program Maklumat Hiburan di Media Massa. Shah Alam: Biro Penyelidikan dan Perundingan Universiti Teknologi Mara.

Abdullah, S., Mawaddah, A. 2010. Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Remaja. Fakulti Pendidikan UTM: Universiti Teknologi Mara.

Anwar, R. 2013. Novel Terapi Jiwa Remaja. Diambil daripada http://www.bharian. com.my/bharian/articles/Novelterapijiwaremaja/Article/

Appel, M., Richter, T. 2010. Transportation and Need for Affect in Narrative Persuasion: A Mediated Moderation Model. Journal of Media Psychology, 13(3), 101-135.

Daing Diana, M., Mohd Nizam, O. 2013. Pengaruh Faktor Sosial Kesan Kempen Media Tak Nak Merokok Kementerian Kesihatan Malaysia. Journal Komunikasi Malaysia, 29(1), 179-198.

Daymon, C., Holloway, I. 2011. Qualitative Research Methods in Public Relations and marketing Communications (2nd Edition). New York: Routledge Taylor and Francis Group

Gerrig, R. 1993. Experiencing Narrative Worlds: On The Psychological Activities of Reading. New Haven: Yale UP.

Green, M. C., Brock, T. C. 2000. The Role of Transportation in the Persuasiveness of Public Narratives. Journal of Personality and Psychology, 79(5), 701-721.

Green, M. C., Brock, T. C., Kaufman, G. F. 2004. Understanding Media Enjoyment: The Role of Transportation into Persuasive Worlds. Communication Theory, 14(4), 311-327.

Green, M. C. 2006. Narratives and Cancer Communication. Journal of Communication, 56, 163-183.

Graff, A. D., Hustinx, L. 2011. The Effect of Story Structure on Emotion, Transportation and Persuasion. Information Design Journal, 19(2), 142-154.

Haefner, A. E., Margaret, J., Lizardo, C. S. 2008. Chipping Away at Patriarchy One Romance Novel at a Time. Conference Papers-National Communication Association, 1, (30p).

Hairunnaja, N. 2005. Memahami dan Membimbing Remaja Nakal. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Johnson, N. R. 2010. Comsuming Desires: Comsumption, Romance and Sexuality in Best-Selling Teen Romance Novels. Women's Studies in Communication, 33, 54-73.

Keris Mas. 1988. Perbincangan Gaya Bahasa Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kaminski, M. J. 2012. Does This Book Make Me Look Fat? The Effect of Protagonist Body Esteem and Body Weight in Novel on Female Readers' Body Esteem. United States: Virginia Polytechnic Institute and State University.

Mana Sikana. 2004. Proses Penulisan Kreatif. Singapura: EDN Media

Mohamed Hatta, S. 2003. Psikologi & Kaunseling Remaja: Panduan Remaja Membimbing Diri Sendiri. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

Murphy, S. T., Frank, L. B., Chatterjee, J. S., Garbanati, L. B. 2013. Narative versus Nonnarative: The role of Identification, Transportation and Emotion in Reducing Health Disparities. Journal of Communication, 63, 116-137.

Noraini, A. 2000. Kaunseling Remaja. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Shahnon, A. 1989. Gubahan Novel. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shosha, G. A. 2012. Employment of Colaizzi's Strategy in Descriptive Phenomenology: A Reflection of a Researcher. European Scientific Journal, 8(27), 1-13.

Profil Penulis

Fatimah Saidin
Pelajar Sarjana
Pusat Pengajian Komunikasi
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 USM, Pulau Pinang
fatimahhs73@gmail.com

Jamilah Ahmad, PhD
Professor Madya
Pusat Pengajian Komunikasi
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 USM, Pulau Pinang
jahmad@usm.my

PENGARUH FILEM TAMIL TERHADAP TINGKAH LAKU BELIA INDIA DI PERAK

KALAIVANI A/P MUNUSAMY & AKMAR HAYATI BINTI AHMAD GHAZALI

ABSTRAK

Setiap hari pelbagai program disajikan kepada penonton di televisyen (TV). Program tersebut antaranya berupa filem-filem Tamil. Walaupun jalan cerita berkisar kepada kehidupan dan keluarga tetapi filem Tamil mengandungi banyak aksi-aksi ganas. Belia India yang menontonnya dikatakan mudah terikut-ikut dengan aksi-aksi ganas yang dipertontonkan. Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengetahui pengaruh aksi ganas yang ditonton dalam filem Tamil terhadap belia India; dan mengenal pasti perbezaan antara jantina dengan pengaruh aksi ganas yang ditonton dalam filem Tamil terhadap belia India. Penyelidikan telah dijalankan ke atas 217 orang belia di Taiping, Perak dengan menggunakan kaedah tinjauan. Belia berpendapat bahawa pengaruh aksi ganas dalam filem Tamil bukan penyebab utama yang mendorong belia India melakukan jenayah dan bertindak ganas. Malah hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan wanita dengan pengaruh aksi ganas yang ditonton dalam filem Tamil. Mereka menyedari bahawa aksi-aksi di dalam filem hanyalah sekadar lakonan dan tidak akan dijadikan amalan di dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci: *Keganasan, Belia, Media, Aksi Ganas, Televisyen*

ABSTRACT

Every day various programs are presented to the audience in television. Tamil films are one of those programs. Although Tamil films telecast about lives and families, it contains many violent actions. Indian youth who watch such films would be easily influenced by violent scenes that are portrayed on them. Based on these problems, this study was conducted to determine the effects of viewing violence in Tamil films toward the Indian youth; and identify the differences between genders toward the effect of viewing violence in Tamil film. The research was carried out on 217 youths in Taiping Perak using the survey method. It was found that the Youth believes that the effects of viewing violence in Tamil Film towards their behaviour is weak, and not the main cause which led to violence among them. In addition, the result also showed that there was no significant relationship between the perception of viewing violence in television and gender. Both genders have the same perception towards violence in film. Youth realize that what was shown in film is merely acting and it should not be followed as an example in life.

Keywords: *Violence, Youth, Media, Violent Actions, Television*

PENGENALAN

Televisyen atau TV merupakan di antara media massa yang menayangkan pelbagai jenis program. Segala bentuk penyiaran program tersebut berupaya mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku belia jika menontonnya. Samsudin dan Latiffah (2009), menyatakan bahawa belia di Malaysia menjadikan televisyen sebagai media utama bagi memperoleh maklumat. Maka tidak hairanlah sekiranya belia mudah terpengaruh dengan aksi yang ditonton seperti bercorak ganas, mendebarkan, cemas, peperangan, pembunuhan, mistik dan sukan lasak. Ini adalah kerana mereka merupakan golongan yang paling lama menonton TV iaitu di antara 21 hingga 22 jam seminggu (Samsudin, 2001), di antara satu hingga dua jam sehari (Syukur Kholil, 2002; Mus Chairil, Jamilah & Nurazimah, 2011). Jangkamasa penontonan yang terlalu lama ini menyebabkan mereka menjadi golongan yang paling aktif meniru aksi ganas yang ditonton di kaca televisyen (Samsudin, 2001). Pendapat ini dikukuhkan oleh kajian Cooley-Quille, Boyd, Frantz dan Walsh (2001), yang menyatakan bahawa pendedahan keganasan yang berulang boleh memberi kesan terhadap proses kognitif, afektif dan tingkah laku seseorang. Situasi ini harus ditangani dengan segera kerana dibimbangi mempengaruhi tingkah laku mereka.

Penyataan Masalah
Amar Singh Sidhu (2005), menyatakan bahawa majoriti belia yang ditahan di pusat pemulihan adalah dari kaum India. Mereka merupakan golongan yang paling tinggi ditempatkan di pusat tersebut kerana paling banyak terlibat diri dalam jenayah (Polis Diraja Malaysia, 2013). Keadaan ini berlaku kerana pengaruh daripada aksi-aksi ganas di dalam Filem-filem Tamil yang ditonton, mana Filem Tamil banyak mempromosikan dan menyebarkan fahaman gengsterisme dalam kalangan kaum India (Natesan, 2013). Keadaan ini telah merangsang golongan belia melakukan kesalahan (Samsudin, 2001). Justeru sebagai penyelesaian, budaya keganasan ini perlu dibendung di peringkat awal termasuk usaha pihak berkuasa untuk melakukan sekatan terhadap aksi ganas dalam Filem Tamil (Mohamed, 2010).

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh aksi ganas dalam Filem Tamil di televisyen terhadap belia India. Dengan lebih khusus kajian ini ingin:-
1) Mengetahui pengaruh aksi ganas yang ditonton dalam Filem Tamil terhadap belia India.
2) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara jantina dengan pengaruh aksi ganas yang ditonton dalam Filem Tamil terhadap belia India.

Keganasan dalam Filem Tamil
Menurut Olweus (dipetik Kayar, 2009) keganasan ialah tingkah laku yang dirangsang oleh kemarahan, keganasan atau sifat bersaing yang diarahkan terhadap orang atau objek lain mahupun terhadap diri sendiri dan boleh dianggap bertujuan

untuk membahayakan, mengganggu atau memusnahkan. Menurut pengasas Teori Psikoanalisa Freud seseorang manusia terdorong untuk bertindak ganas adalah disebabkan oleh naluri kematian 'thamotos' dan mempercayai bahawa setiap setiap manusia memiliki naluri ini (Kayar 2009). Keganasan adalah sesuatu tindakan yang tidak dapat dielakkan kerana ia bersifat naluri dalam diri.

Keganasan ialah penggunaan paksaan iaitu mencederakan ataupun mendera seseorang serta pencelaan dan penderaan emosi terhadap seseorang. Menurut bekas Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr.Mahathir Mohamad dalam majlis perasmian Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM), beliau menyatakan bahawa keganasan telah lama wujud dan ia bukan fenomena baru. Apa yang baru ialah, kaedah-kaedah yang lebih kejam digunakan bagi membunuh dan mencedarakan lebih ramai orang dan menyebabkan kemusnahan yang lebih dasyat.

Filem Tamil adalah nama industri yang menerbitkan Filem Tamil. Industri ini diasaskan di India. Kollywood berasal dari "kodambakkum" daerah di Chennai, India yang mana filem Kollywood dihasilkan secara besar-besaran. Pawagam Tamil adalah industri penerbitan filem yang kedua terbesar dari segi filem yang dihasilkan, sebagai satu Lembaga Pusat kepada Laporan Pensijilan Filem tahun 2011 dengan jumlah hasil pendapatan tinggi dan pengedaran ke seluruh dunia.

Fokus utama dalam Filem Tamil adalah berteraskan kepada watak utama, iaitu wira yang berlakon dalam filem itu. Wira Filem Tamil biasanya ditunjukkan lebih melampau daripada kehidupan sebenar yang mana mampu untuk melawan berpuluh-puluh penjahat. Jika dibandingkan dengan kehidupan sebenar manusia, cerita tersebut tidak benar tetapi kebanyakan penonton suka melihat filem-filem sedemikian malah tidak hairan jika dikatakan terdapat sesetengah filem mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat. Justeru penerbit filem mensalurkan hiburan moden bagi memenuhi keperluan tulen masyarakat di samping mengaut keuntungan. Antara unsur-unsur tambahan yang diselitkan dalam filem adalah seperti trek muzik, tarian, lirik, seks dan keganasan bagi penerbitannya mendapat sambutan di pasaran (Jesudoss, 2009).

Mengikut Jesudoss (2009), target utama audiens bagi kebanyakan penerbit India adalah golongan belia dan mereka hanya mementingkan muzik yang baik, cerita yang menarik minat golongan belia. Malah belia pada zaman ini lebih suka menonton lebih banyak genre ganas berbanding genre lain (Herman & Leyens, 1977). Slater, Henry, Swaim dan Anderson (2003), pula mendapati bahawa program televisyen dan filem mengandungi tahap keganasan yang paling tinggi di seluruh dunia. Oleh yang demikian boleh dikatakan bahawa penerbit filem lebih memfokuskan kepada audiens yang terdiri daripada golongan muda mudi dan penerbitan filem juga bagi memenuhi kehendak mereka sehingga mengabaikan untuk penerapan nilai-nilai moral dan teladan yang baik dalam penerbitan filemnya.

METODOLOGI

Kajian ini berupa kaedah tinjauan dengan menggunakan set soalan soal selidik untuk mengkaji pengaruh aksi ganas dalam Filem Tamil di televisyen terhadap belia India. Tujuan menggunakan kaedah tinjauan adalah untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah yang dijangka berkait rapat dengan suatu peristiwa yang melibatkan aspek fizikal seperti taburan khalayak yang menerima sebarang siaran dari saluran televisyen dan aspek tidak nyata seperti kajian terhadap persepsi penonton terhadap sesebuah rancangan radio dan sebagainya (Ezhar & Jusang, 2000).

Sampel kajian adalah seramai 217 orang responden yang terdiri daripada golongan belia yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah (convenience sampling) di Taiping Perak. Persampelan rawak mudah membantu pengkaji untuk memilih responden secara bebas. Data dikumpul daripada responden dengan menggunakan teknik serah dan kutip. Setelah data-data dikumpul, data mereka telah dianalisis dengan menggunakan SPSS (Statistical Package for the Social for the Window 21.0).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Demografi responden meliputi taburan jantina, umur, kekerapan menonton filem dalam seminggu dan jumlah jam yang diluangkan untuk menonton Filem Tamil dalam sehari. Jadual 1 menunjukkan majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah golongan perempuan iaitu 56%. Malah kebanyakan responden adalah berumur dalam lingkungan 16 tahun. Selain itu, hasil kajian juga mendapati hampir kesemua responden kurang meluangkan masanya untuk menonton Filem Tamil dalam seminggu dan jumlah masa yang diluangkan untuk menonton televisyen juga kurang daripada 4 jam.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Ciri-ciri Demografi (n=217)

Ciri-ciri Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Perempuan	121	55.8
Lelaki	96	44.2
Umur		
13 tahun	25	11.5
14 tahun	32	14.7
15 tahun	48	22.1
16 tahun	54	24.9
17 tahun	45	20.7
18 tahun	11	5.1
19 tahun	2	9
Tontonan Filem Tamil dalam Seminggu		
1 – 3 kali	115	53
4 – 6 kali	53	24.4
Lebih daripada 7 kali	49	22.6
Jumlah Jam Tontonan Filem Tamil dalam Sehari		
Kurang daripada 1 jam	3	1.4
1 – 3 jam	186	85.7
4 – 6 jam	25	11.5
Lebih daripada 7 jam	3	1.4

Pengaruh penontonan aksi ganas dalam Filem Tamil terhadap kehidupan belia India

Bagi mengukur kesan pengaruh penontonan aksi ganas dalam Filem Tamil, pengkaji telah menggunakan skor min dan dikategorikan kepada rendah, sederhana dan tinggi (Jadual 2). Ghafar (1999), menyatakan bahawa jumlah skor yang diperolehi dapat menentukan tahap kecenderungan tindak balas responden dalam setiap persoalan kajian yang dijalankan. Skor min tertinggi menunjukkan belia amat terpengaruh dengan aksi ganas. Skor sederhana pula menunjukkan remaja terpengaruh dengan aksi ganas dengan sederhana. Manakala skor terendah pula menunjukkan kurang terpengaruh dengan aksi ganas.

Jadual 2: Skor Min pengaruh penontonan aksi ganas dalam Filem Tamil

Tahap	Skor Min
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.4 – 3.73
Tinggi	3.8 – 5.00

Pengaruh Penontonan Aksi Ganas dalam Filem Tamil Terhadap Belia India

Responden telah ditanya tentang pengaruh penontonan aksi ganas dalam Filem Tamil terhadap kehidupan seharian. Kesemua item yang mengukur penyataan tersebut telah menggunakan skala lima mata dengan skor 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= kurang setuju, 4= setuju dan 5= sangat setuju. Pembahagian skor bagi setiap tahap dengan menggunakan pendekatan statistik berdasarkan skor min di Jadual 2. Jadual 3 menunjukkan skor min keseluruhan pengaruh aksi ganas adalah rendah iaitu 1.14. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden menyatakan pengaruh aksi ganas dalam Filem Tamil terhadap tingkah laku mereka berada pada tahap lemah. Malah Anantasari (2006) menyatakan bahawa tingkahlaku agresif adalah tingkahlaku yang merugikan atau melukai orang lain. Ia merupakan satu tingkahlaku yang tidak dapat diterima oleh lingkungan sosial. Jadi bebanyakkan responden lebih sedar bahawa apa yang ditonton di kaca televisyen bukan benar dan hanya sekadar lakonan sahaja. Oleh yang demikian, aksi ganas yang ditonton dalam Filem Tamil kurang memberi kesan terhadap diri seseorang itu dan para belia sedar bahawa tindakan ganas merupakan satu tindakan anti sosial yang bertentangan dengan budaya, agama dan norma kehidupan seharian.Dengan ini jelas menunjukkan bahawa belia zaman sekarang lebih teliti dalam membandingkan dunia sebenar dengan dunia hiburan. Mereka sedar bahawa apa yang ditonton dalam filem adalah hanya sekadar lakonan sahaja dan tidak harus implikasikannya dalam kehidupan.

Jadual 3: Taburan Responden Terhadap Pengaruh Penontonan Aksi Ganas Dalam Filem Tamil Terhadap Kehidupan Seharian (n=217)

	Items	MIN	SP
1.	Suka lihat orang lain gaduh.	1.22	0.412
2.	Bercerita/bincang dengan kawan tentang aksi-aksi ganas yang ditontan.	1.20	0.399
3.	Aksi paling disukai dalam filem adalah pergaduhan.	1.18	0.380
4.	Suka meniru percakapan dan dialog dalam filem.	1.16	0.380
5.	Suka bertingkahlaku agresif seperti bergaduh, menampar, menumbuk, menolak atau bercakap kasar.	1.15	0.355
6.	Suka tiru / ikut aksi-aksi ganas dalam filem yang ditonton.	1.14	0.350
7.	Pukul dan cederakan orang lain untuk selamatkan diri seperti tonton dalam filem.	1.12	0.320
8.	Suka pukul dan dera orang lain.	1.09	0.283
9.	Selepas menonton sesuatu aksi ganas akan cuba berbuat sedemikian.	1.09	0.283
10.	Jika gaduh akan pukul rakan seperti ditonton dalam filem.	1.08	0.269
	Total	**1.14**	**0.218**

Nota: Rendah: 1-2.33   Sederhana: 2.4-3.73   Tinggi: 3.8-5

Mengenal pasti perbezaan antara jantina dengan pengaruh aksi ganas yang ditonton dalam Filem Tamil terhadap belia India.

Ujian T telah dijalankan untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan di antara responden lelaki dengan responden perempuan dalam pengaruh aksi ganas dalam Filem Tamil. Jadual 4, menunjukkan skor min lelaki adalah lebih besar daripada perempuan iaitu (M= 11.57, SD= 2.374) dan (t= 0.893, DF= 215) daripada perempuan (M= 11.33, SD= 2.028). Berdasarkan ujian-t didapati bahawa nilai signifikan adalah 0.109 (t: 0.109> 0.05). Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengaruh aksi ganas dalam Filem Tamil yang ditonton di antara jantina yang berlainan. Walaupun jantina yang berlainan mereka tetap mempunyai persepsi yang sama terhadap aksi ganas yang ditontoni dalam Filem Tamil. Daripada jadual di bawah disimpulkan bahawa kesemua responden lelaki dan perempuan kurang terpengaruh dengan penularan aksi ganas dalam filem Tamil.

Jadual 4: Analisis Ujian T Untuk Menunjukkan Perbezaan Yang Signifikan Antara Pengaruh Aksi Ganas Dalam Filem Tamil Dengan Jantina

Jantina	N	Min	F	Sisihan Piawai	T	Df	Sig
Lelaki	96	11.57	2.594	2.374	0.893	215	0.109
Perempuan	121	11.33		2.028	0.877	187.187	

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Mengikut hasil kajian, didapati bahawa Filem Tamil yang mempunyai aksi ganas bukan menjadi punca utama yang mendorong golongan belia terlibat dalam gejala gengsterisme. Belia juga berpendapat bahawa pengaruh aksi ganas dalam Filem Tamil terhadap tingkah laku mereka berada pada tahap lemah. Malah mereka berpendapat sangat sedikit aksi ganas yang ditonjolkan di dalam Filem Tamil kerana filem-filem tersebut telah ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF).

Walaupun Filem Tamil mengandungi sedikit aksi ganas, tetapi ia bukan penyebab utama yang mendorong keganasan dalam kalangan belia India. Hal ini sedemikian kerana kebanyakan belia sedar bahawa apa yang ditonton dalam filem adalah hanya sekadar lakonan sahaja. Malah mereka sedar kesan yang diterima akibat daripada mengamalkan aksi-aksi ganas yang ditonton dalam filem di televisyen dalam kehidupan sehariannya.

Dapatan kajian ini adalah bersesuaian dengan penyataan Gerbner dalam teori penyuburan iaitu penonton lebat (heavy viewer) yang menonton televisyen lebih daripada 4 jam akan mempercayai dunia televisyen sebagai sosial sebenar. Di mana penonton lebat berkemungkinan terikut dengan penularan aksi-aksi ganas yang ditonton dalam televisyen. Akan tetapi majoriti responden kajian ini adalah penonton ringan iaitu menonton televisyen kurang daripada 4 jam; jadi keganasan

dalam filem yang ditonton tidak mempengaruhi tingkah laku mereka. Jadi mereka kurang terpengaruh dengan aksi ganas yang ditonton dan tidak mempraktikkannya dalam kehidupan seharian mereka.

Oleh yang demikian, aksi ganas dalam Filem Tamil bukan penyebab utama yang memberi kesan terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan belia India. Selain itu, walaupun jantina yang berbeza, para belia yang terlibat dalam kajian ini tetap mempunyai pandangan yang sama terhadap aksi ganas yang ditonton dalam Filem Tamil. Hal ini kerana walaupun belia menonton aksi ganas dalam filem namun mereka tidak begitu terpengaruh sehingga memberi kesan terhadap tingkah laku mereka. Mereka menonton hanya untuk keseronokan, menghilangkan rasa bosan dan mengurangkan stress. Seperti yang dinyatakan oleh Barrie dan Jill (1990), belia yang mempunyai perasaan yang tidak baik lebih banyak menonton program yang berunsur agresif untuk melepaskan perasaan mereka. Manakala belia yang mempunyai perasaan yang baik ataupun yang stabil kurang menonton media yang berunsur agresif.

Terdapat pelbagai sebab yang menyumbang kepada penularan keganasan dalam kalangan belia India. Antaranya ialah latar belakang keluarga. Latar belakang keluarga memainkan peranan dalam pembentukan tingkah laku seseorang belia. Keadaan celaru dalam keluarga sendiri seperti ibu bapa yang sering bergaduh, bertingkah laku agresif seperti memukul, penggunaan kata-kata lucah dan tindakan-tindakan yang keterlaluan menggalakkan tingkah laku agresif dalam kalangan belia. Malah persahabatan yang tidak baik juga memberi kesan terhadap tingkah laku agresif belia.

Kesimpulannya, semua pihak perlu berganding bahu dalam mengatasi masalah bertingkah laku agresif dalam kalangan belia. Para ibu bapa, guru-guru, kaunselor, pentadbir sekolah, Kementerian Pelajaran dan ahli masyarakat perlu memainkan peranan dalam melaksanakan tanggungjawab untuk membawa para belia ke arah pencapaian cemerlang. Pembabitan belia yang cemerlang mesti ditonjolkan supaya menjadi idola kepada golongan belia yang lain. Rancangan-rancangan sebegini harus diutamakan agar golongan belia menjadikannya sebagai dorongan untuk pegangan kehidupan mereka.

RUJUKAN

Anantasari. 2006. Menyikapi perilaku agresif anak. Yogyakarta : KANISIUS.

Amar Singh Sidhu. 2005. The rise of crime in Malaysia, An academic and statistical analysis[1]. Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College, No. 4.

Barrie Gunter & Jill. McAleer. 1990. Children And Television The One Eyed Monster. New York: Routledge, Chapman and Hall, Inc.

Browne, K. D., & Hamilton-Giachritsis, C. 2005. The influence of violent media on children and adolescents: a public-health approach. The Lancet,365(9460), 702-710.

Cooley-Quille, M., Boyd, R. C., Frantz, E., & Walsh, J. 2001. Emotional and behavioral impact of exposure to community violence in inner-city adolescents. Journal of clinical child psychology, 30(2), 199-206.

Ezhar Tamam, & Jusang Bolong .2000. Modul Kaedah Penyelidikan Komunikasi. IDEAL: Universiti Putra Malaysia.

Gerbner, G., Gross, L., Morgan, M., Signorielli, N., & Shanahan, J. 2002. Growing up with television: Cultivation processes. Media effects: Advances in theory and research, 2, 43-67.

Ghafar, M. 1999. Penyelidikan Pendidikan. Edisi Pertama. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Herman, G., & Leyens, J. P. 1977. Rating Films on TV. Journal of Communication, 27(4), 48-53.

Jesudoss, P. 2009, January 12. Tamil Cinema. Centre for the Study of Communication and culture, Vol. 28 (4). Diakses daripada http://www.biomedsearch.com/article/Tamil-cinema/215411742.html.

Kayar, R. 2009. Kelangsangan Dalam Media dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Agresif Pelajar (Master's Thesis, Universiti Teknologi Malaysia). Diakses daripada

http://eprints.utm.my/6442/2/RoslyKayarMFPABS.pdf.

Mohamed, Z.A. 2010, September 20. Gengster India ganas Zaman Khan. Utusan Malaysia. Diakses daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.as[?y=2010&dt=0920&pub=utusan_malaysia&sec=Jenayah&pg=je_03.htm&arc=hive.

Natesan, V. 2013, August 28. Nayagan and the indian gangsterism. Malaysia Today. Diakses daripada http://www.malaysia-today.net/nayagan-and-the-indian gangsterism/Polis Diraja Malaysia 2013. Report Tangkapan Tahun 2013.

Rahim, S., & Pawanteh, L. 2009. Media penetration and cultural indentity among young adults in Malaysia. European Journal of Social Sciences, 11(2), 225-233.

Samsudin, A. R .2001. Media dan Identiti Budaya: Membangunkan Industri Kandungan Tempatan yang Berdaya Tahan. Jurnal Komunikasi, 17, 67-80.

Slater, M.D., Henry, K. L, Swaim, R. C., & Anderson, L. L. 2003. Violent media content and aggressiveness in adolescents. Communication Research, 30, 713-736.

Yahaya, A., Lee, G. M., Ma'alip, H., & Dunggi, R. 2014, Jun. Pengaruh media berunsur agresif dan kesannya terhadap tingkah laku pelajar sekolah menengah. Kertas telah   dibentangkan di National Action Reserach Conference 2014, Melaka, Malaysia. Diakses daripada http://www. researchgate.net/publication/264972758_Pengaruh_Media_Agresif_Dan_ Kesannya_Terhadap_Tingkah_Laku_Pelajar_Sekolah_Menengah.

Profil Penulis:

Kalaivani A/P Munusamy
Pelajar Ijazah Sarjana
Jabatan Komunikasi
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia (Upm).

Akmar Hayati Binti Ahmad Ghazali, Phd
Pensyarah Kanan
Jabatan Komunikasi
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia (Upm).

PANDUAN KEPADA PENYUMBANG

SKOP

Malaysian Journal of Youth Studies ialah sebuah jurnal berwasit yang komited kepada perkembangan ilmu pengajian belia. Jurnal ini menerbitkan artikel yang menarik minat para sarjana, terutamanya daripada segi kandungan dan pendekatannya. Jurnal ini diterbitkan oleh sebuah Lembaga Editorial yang bebas, terdiri daripada Felo Adjung IYRES. Selain itu, para sarjana dari luar negara turut dilantik untuk menganggotai Lembaga Penasihat Jurnal ini.

PROSEDUR PENYERAHAN MANUSKRIP

Malaysian Journal of Youth Studies menerbitkan manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manuskrip yang diserahkan untuk diterbitkan dalam jurnal ini hendaklah merupakan karya asli yang belum pernah diterbitkan atau tidak dihantar untuk pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain. Dua salinan manuskrip, ditaip selang dua baris di atas kertas bersaiz A4, hendaklah diserahkan kepada Ketua Editor, Malaysian Journal of Youth Studies, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Aras 10, Menara KBS, 62570, Putrajaya Malaysia. Biodata ringkas penulis juga perlu disertakan bersama.

Para penulis yang manuskripnya telah diterima untuk penerbitan dikehendaki menghantar sesalinan manuskrip akhir yang telah disunting berserta dengan salinan fail soft copy dan hard copy. Satu nota ringkas biografi penulis perlu disertakan bersama-sama dengan manuskrip. Semasa manuskrip masih dalam pertimbangan Lembaga Editorial, para penulis bertanggungjawab menghubungi editor untuk memaklumkan tentang sebarang perubahan alamat. Setiap artikel yang diterbitkan akan diberikan tiga (3) naskhah salinan Malaysian Journal of Youth Studies.

FORMAT DAN GAYA

Tajuk sesuatu manuskrip perlulah ringkas, deskriptif dan seharusnya tidak melebihi 15 perkataan. Setiap manuskrip harus mempunyai abstrak (150 hingga 250 patah perkataan) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang memerihalkan isi-isi utamanya termasuk kata kunci sekurang-kurangnya lima (5) perkataan.

Semasa ilustrasi termasuk rajah,carta dan graf, mesti dilabel dan disediakan dalam halaman yang berasingan daripada teks. Kedudukan ilustrasi seperti yang dikehendaki dalam teks hendaklah di tanda dengan jelas. Semua ilustrasi ini harus dirujuk dan di nombor secara berturutan sebagai rajah. Semua ilustrasi hendaklah sama ada dilukis dengan jelas menggunakan dakwat kekal, difotograf dalam bentuk hitam putih atau warna dan dicetak di atas kertas yang bermutu atau dalam bentuk imej digital dan disediakan dalam bentuk *camera-ready*.

Rujukan dalam teks hendaklah menggunakan sistem nama penulis dan diikuti oleh tahun penerbitan. Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Kesemua rujukan yang dipetik dalam teks haruslah muncul dalam kesempurnaan maklumat dan senarai rujukan. Semua manuskrip mesti mengikut garis panduan rujukan *The Chicago Manual of Style* (University of Chicago Press).

HAK CIPTA

Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan manuskrip mereka tidak melanggar mana-mana hak cipta yang sedia ada. Penulis juga membayar ganti rugi kepada para editor dan penerbit ke atas sebarang pelanggaran terhadap hak cipta. Para penulis seharusnya mendapatkan keizinan untuk menerbitkan semula atau mengubahsuai bahan-bahan yang mempunyai hak cipta dan menunjukkan bukti keizinan tersebut semasa menyerahkan naskhah akhir manuskrip.

PROSES PEWASITAN

Sesebuah manuskrip akan dinilai dan diwasitkan oleh Lembaga Editorial. Keputusan tentang penerbitan sesebuah manuskrip didasarkan kepada saranan ahli-ahli lembaga ini. Sesebuah manuskrip akan dinilai berasaskan kesesuaiannya dengan Malaysian Journal of Youth Studies sumbangan kepada disiplin ilmu, kejituan analisis, keluasan konseptual, persembahan yang jelas dan kesempurnaan teknikal. Bagi memastikan sesebuah manuskrip dinilai semata-mata berdasarkan meritnya, identiti penulis semasa proses perwasitan tidak didedahkan kepada wasit. Manuskrip yang diserahkan oleh mana-mana anggota Lembaga Editorial juga tertakluk kepada prosedur perwasitan yang sama.

GUIDE TO CONTRIBUTORS

SCOPE

Malaysian Journal of Youth Studies is refereed journal committed to the advancement of youth studies. The journal publishes articles whose content and approach are of interest to a wide range of scholars. Malaysian Journal of Youth Studies is published by an autonomous Editorial Board of Institute for Youth Research Malaysia. In addition, distinguished scholars from local and foreign universities have been appointed to serve on the Advisory Board of the journal.

SUBMISSION PROCEDURE

The journal publishes manuscripts written in the Malay language, while submissions in English are also accepted. Manuscripts submitted to the journal for publication should be original contributions and must not have been previously published or be under consideration by any other publications.

Two copies of the manuscript, typed with double spacing on A4 paper, should be submitted to the Editor-in-Chief, Malaysian Journal of Youth Studies, Institute for Youth Research Malaysia, Ministry of Youth & Sports Malaysia, Level 10, KBS Tower, 62570, Putrajaya Malaysia. The manuscript should be accompanied by a short biographical note about the authors.

An author(s) whose manuscript has been accepted for publication will be required to send a hard copy as well as a soft copy and hard copy of the final, edited version of the manuscript. While a manuscript is under consideration, be sure to inform the editor of any change in address. Three (3) hardcopies of the journal will be given to the corresponding author of the published manuscript.

FORMAT AND STYLE

The title of a manuscript should be concise, descriptive and preferably not exceeding 15 words. The manuscript must include an abstract, describing its main points, in English and Malay of within 150-200 words including key word of at least five (5) words.

All illustrations, including figures, charts and graphs, must be labeled and supplied on pages separate from the texts. The desired placement in the text should be clearly indicated. These illustrations should be referred to and numbered serially as figures. All illustrations should be clearly drawn in permanent ink or photographed in sharp black and white or color and reproduced in the form of high-contrast glossy points or digital images and provided in camera ready form.

References in the text should be denoted by giving the names(s) of the author(s) with the year of publications in parenthesis. All alphabetically ordered references list should be included at the end of the manuscript. All references cited in the text must appear in the reference list. Authors are responsible for the accuracy and completeness of all information in the reference. Manuscripts must conform to the references guidelines in The Chicago Manual of Style (University of Chicago Press). The reference style adopted should be consistent throughout the manuscript.

COPYRIGHT

It is the author's responsibility to ensure that his or her submitted work does not infringe any existing copyright. Furthermore, the author indemnifies the editors and publisher against any breach of such a warranty. Authors should obtain permission to reproduce or adapt copyrighted material and provide evidence of approval upon submitting the final version of a manuscript.

REVIEW PROCESS

Manuscripts will be reviewed by the Editorial Board. Decisions regarding the publication of a manuscript will be based on the Board's recommendations. The manuscript will be evaluated based on its appropriateness for Malaysian Journal of Youth Studies, contribution to the discipline, cogency of analysis, conceptual breadth, clarity of presentation, and technical adequacy. To ensure that manuscripts are evaluated solely on their merit, the author's identity is concealed form referees during the review process. Manuscripts submitted by members of the journal's Editorial Board are subjected to the same review procedure.

BORANG PESANAN/ORDER FORM

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
ARAS 10, MENARA KBS
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62570 PUTRAJAYA, MALAYSIA
TEL: 03-8871 3705/3790
FAKS: 03-8871 3342
EMAIL: info@iyres.gov.my
http://www.iyres.gov.my

Mohon bekalkan judul berikut kepada pihak kami.
Kindly supply Malaysian Journal of Youth Studies to us.

Judul/Title	Kuantiti/ Quantity	Harga/ Price (RM)	Jumlah/ Total
Jurnal Pembangunan Belia Malaysia Bil. 1 2008		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 1 2009		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies (Edisi Khas: Belia dan 1Malaysia) Bil. 2 2010		25.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 3 2010		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 4 2011		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 5 2011		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 6 2012		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 7 2012		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 8 2013		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 9 2013		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 10 2014		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 11 2014		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 12 2015		20.00	
Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 13 2015		20.00	
RM			

Bayar wang tunai/bank draf/wang kiriman atas nama/*Make your cash/bank draft/money orders payable to* Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Nama Pemesan/*Customer* : ....

Alamat/*Address* : ....

....

Jabatan/Syarikat/*Department*/*Company* : ....

....

Jawatan/*Position* : ....

Tandatangan/*Signature* : ....

Disertakan/*Attached* : wang tunai/bank draf/kiriman wang/*cash/bank draft/money order no*:

..../RM ....